

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 27 November 2001**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah kerajaan berhasrat memanggil pulang pelajar-pelajar Malaysia yang berada di Amerika Syarikat memandangkan timbul bibit-bibit perkauman di negara tersebut berikutan peristiwa serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia (World Trade Centre) baru-baru ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang sudi menanya soalan kepada kita pada pagi ini. Tuan Yang di-Pertua, berikutan peristiwa serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia (World Trade Centre) di New York baru-baru ini, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Penuntut Malaysia di Amerika Syarikat sentiasa memantau keselamatan pelajar-pelajar di negara tersebut. Memandangkan keadaan keselamatan pelajar-pelajar masih terkawal, kerajaan belum bercadang untuk memanggil pulang pelajar-pelajar Malaysia di Amerika Syarikat. Jabatan Penuntut Malaysia juga dari masa ke semasa berhubung dengan pelajar-pelajar dan memaklumkan segala maklumat terkini kepada mereka. Kementerian Pendidikan akan mematuhi sebarang keputusan kerajaan untuk memanggil pulang pelajar jika keadaan tidak lagi selamat.

**Tuan Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen kerana sentiasa memberi kepentingan keselamatan kepada pelajar-pelajar yang berada di Amerika. Cuma dalam soalan ini saya hendak bertanya, dalam usaha kerajaan menjadikan negara ini sebuah negara yang merupakan pusat kecemerlangan ilmu di rantau ini, apakah perlu dan relevannya kerajaan terus menghantar pelajar-pelajar ke negara Amerika Syarikat. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sebenarnya Yang Berhormat, kita menghantar pelajar-pelajar kita ke luar negara selagi kita anggap bahawa kursus-kursus yang mereka ikuti itu masih relevan dan kursus-kursus yang tidak terdapat dalam negara kita.

Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar ini semakin lama kita kurangkan penghantaran mereka. Walau bagaimanapun, kita tidak dapat menahan bagi pelajar-pelajar persendirian ke luar negara. Misalnya di Amerika Syarikat, pelajar tajaan kita adalah seramai 519 orang, manakala pelajar persendirian di sekitar 28,181. Di Britain pula pelajar tajaan kita ialah hanya seramai 1,715 orang, manakala pelajar persendirian ialah di sekitar 45,650. Tetapi di sini saya beri jaminan kepada Yang Berhormat bahawa selagi kursus-kursus yang dapat kita taja di sini kita tetap menghantar studen kita di universiti-universiti tempatan. Hanya sekiranya kita rasa kursus yang tidak terdapat di sini, kita hantar mereka ke luar negara. Terima kasih.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen, soalan tambahan. Adakah benar pendapat yang mengatakan bahawa antara sebab pihak kerajaan mengisytiharkan negara ini sebagai sebuah negara Islam adalah kerana untuk menarik pelajar-pelajar yang terutamanya berbangsa Arab daripada negara-negara Barat untuk datang ke Malaysia sebagai *centre of excellent*. Kalau benar kenyataan itu, setakat ini sejauh manakah dan berapa ramaikah bilangan pelajar daripada negara-negara Arab yang saya difahamkan daripada Oman sahaja yang pulang atau balik daripada negara Barat akibat daripada peristiwa 11 September itu lebih daripada 20,000.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Jadi, berapa ramaikah setakat ini pelajar daripada negara-negara Arab yang datang untuk belajar di negara kita. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat, sebenarnya tidak ada kaitan langsung perisytiharan negara kita sebagai negara Islam dengan tujuan ataupun semata-mata untuk menarik pelajar-pelajar dari luar negara terutama sekali daripada negara-negara Arab. Itu tidak ada kena mengena. Ini saya tahu, ini memang perangkap daripada pihak pembangkang untuk menyatakan demikian. Saya sudah pun lama menyatakan bahawa Malaysia ini negara Islam yang mana kita anggap ini telah pun selesai, hanya pihak pembangkang sahaja yang begitu degil tak mahu akui, pada hal orang lain di luar negara sudah pun memperakui negara kita adalah negara Islam. Di sini maksud kita negara Islam tidaklah kita hendak menganiaya orang yang bukan Islam. Sama-samalah kita menikmati pembangunan negara ini.

Mengenai dengan penuntut-penuntut daripada luar negara, sememangnya dari masa ke semasa penuntut-penuntut daripada luar negara tidak kira daripada negara-

negara Arab mahupun daripada negara China, India dan sebagainya, dari masa ke semasa kian meningkat. Ini memperlihatkan kepada kita semua bahawa negara kita yang kita hendak jadikan sebuah tempat sebagai pusat kecemerlangan akademik, saya rasa kita akan capai perkara itu. Dengan ini, saya mintalah terutama sekali pihak pembangkang memberi kerjasama dengan kita janganlah memburuk-burukkan negara kita di luar negara apabila berada di luar negara. Cakaplah perkara baik-baik mengenai Malaysia supaya ini menjadi tarikan ramai orang untuk datang belajar di negara kita. Terima kasih.

**2. Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin [Batu Pahat]** minta Perdana Menteri menyatakan, bilangan Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi yang masih gagal menyediakan alasan penghakiman dalam tempoh yang ditetapkan dan tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua hakim telah diarah melalui arahan kehakiman supaya menyediakan alasan kehakiman secara bertulis dengan secepat mungkin. Sekiranya notis rayuan difailkan, hakim-hakim adalah dikehendaki supaya menyediakan alasan penghakiman dalam masa enam minggu daripada tarikh keputusan diberi. Dalam hubungan ini, adalah didapati tiada seorang pun hakim yang gagal sama sekali menyediakan alasan penghakiman bagi hukuman yang diputuskan. Sebaliknya, apa yang terdapat ialah adanya sebilangan kecil hakim Mahkamah Tinggi yang mempunyai tunggakan dalam penyediaan alasan kehakiman tersebut. Keadaan ini bagaimanapun adalah terkawal dan sementara itu usaha-usaha bagi mendisiplinkan hal ini adalah dijalankan secara berterusan oleh kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Ariff Ketua Hakim Negara sedia maklum dan memandang serius perkara tersebut. Di antara tindakan yang telah diambil ialah mengeluarkan surat peringatan kepada hakim-hakim agar mempercepat penyediaan alasan penghakiman masing-masing. Selain itu, hakim-hakim yang lewat mematuhi arahan tersebut dikehendaki pula menyatakan sebab-sebab kelewatan kepada Ketua Hakim Negara.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salah satu daripada masalah hakim ialah soal rekod. Apabila hakim mendengar satu-satu kes, semua pencatatan yang dibuat di mahkamah ialah menggunakan *long hand*, dengan izin. Kita tidak mempunyai rekoder macam mana yang dipraktikkan di Amerika. Jadi, saya bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada kita akan memperkenalkan

untuk membantu hakim-hakim ini, memperkenalkan rekoder sebagaimana yang diamalkan di Amerika dalam mahkamah ataupun *introduce stenographer* mengambil *verbatim*, penjelasan-penjelasan saksi dan *argument* di mahkamah. Terima kasih.

**Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Sebenarnya dalam program Rancangan Malaysia Kelapan dalam pembangunan dan juga proses pengkomputeran mahkamah, apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu adalah di dalam perancangan dan insya-Allah, setelah program pengkomputeran ini sempurna dilandaskan kepada petua-petua *encryption* dan juga petua-petua *cyber arrangement*, maka kita akan dapat akhirnya melihat satu tahap pencapaian di bidang tersebut.

Satu lagi yang penting dinyatakan ialah bahawa para hakim sendiri perlu menyesuaikan keadaan perkhidmatan moden dengan cara-cara kaedah yang produktif bagi menjamin agar kehakiman itu sendiri terserlah dan efektif menyampaikan keadilan.

**Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri yang menjawab soalan. Saya berharap Jabatan Perdana Menteri akan mengambil langkah-langkah bagi memastikan badan kehakiman kita lebih unggul pada masa-masa hadapan. Soalan tambahan saya, adakah Jabatan Perdana Menteri berhasrat untuk mewujudkan mahkamah berasingan dan khusus bagi kesalahan-kesalahan lalu lintas di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Akta Lembaga Lesen Kenderaan Perdagangan 1987 bagi mengelakkan kes-kes tertunggak yang selalu kita dengar di media-media massa dan elektronik dan memastikan pegawai pendakwa dan saksi-saksi daripada anggota polis dan JPJ daripada terlalu banyak membuang masa di mahkamah menantikan sebutan bagi kes-kes mereka. Terima kasih.

**Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab soalan Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan iaitu Kabinet telah pun diberi nota mengenai masalah kes-kes berkaitan dengan jalan raya dan kesalahan di jalan raya. Salah satu daripada syor-syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Penyelarasan Undang-undang Jabatan Perdana Menteri ialah memperakukan supaya kes-kes kesalahan jalan raya itu diproses menerusi satu tribunal yang mudah dilaksanakan tanpa melibatkan kuasa-kuasa tertentu kehakiman.

Oleh kerana perkara ini memerlukan satu lingkaran penyelidikan dan tindakan seterusnya maka kerajaan memerlukan sedikit masa oleh kerana pihak kehakiman selain daripada Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri, ada beberapa agensi lain yang perlu dirangkum bersama mewujudkan cadangan tersebut. Insya-Allah,

apabila kertasnya siap, maka cadangan seperti yang diduga Yang Berhormat itu saya kira akan dapat dimajukan bagi membantukan kehakiman kita daripada kes-kes kebelakangan yang agar besar bilangannya.

**3. Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Kesihatan menyatakan, sama ada beliau sedar di Bahagian Kecemasan Hospital Nukleus Seberang Jaya pada waktu malam hanya seorang doktor sahaja bertugas. Beliau perlu merawat kes-kes kecemasan seperti sakit badan, kemalangan dan juga memeriksa mayat dan membuat laporan. Adakah kementerian menganggap ini adalah memadai dan membiarkan pesakit kecemasan menunggu untuk mendapatkan rawatan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:**

Tuan Yang di-Pertua, pegawai perubatan di Jabatan Kecemasan Hospital Seberang Jaya ditempatkan dalam sistem tugas syif tiga waktu. Jumlah pegawai perubatan yang ditempatkan di hospital tersebut adalah enam orang, dengan itu sistem syif yang diadakan menempatkan satu pegawai perubatan seperti berikut:-

Waktu	Masa	Bil. Doktor
Pagi	7.00 pagi - 2.00 ptg.	1
Petang	2.00 ptg. - 9.00 mlm	1
Malam	9.00 mlm - 7.00 pagi	1
Waktu pejabat	8.00 pagi - 3.40 ptg.	2

Dan cuti kerja malam dikhaskan untuk seorang pegawai perubatan setiap hari.

Keadaan yang serupa terdapat di kebanyakan hospital seperti Hospital Seberang Jaya.

Sistem *triage* telah diadakan untuk memastikan kes-kes tenat sentiasa mendapat rawatan segera. Pesakit yang datang akan terus diselia oleh pembantu perubatan dan kes-kes tenat akan terus dibawa untuk rawatan oleh pegawai perubatan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen terbukti bahawa hanya terdapat seorang doktor sahaja yang bertugas pada waktu malam dan saya membangkitkan perkara ini kerana saya ada satu pengalaman di mana seorang yang telah mati lemas dan keluarganya hendak menuntut mayat pada waktu malam itu juga dan ada ramai pesakit-pesakit kecemasan seperti ceret beret, sakit perut dan lain-lain

telah menunggu lama di sana dan juga di Seberang Jaya bidang kuasanya meliputi tiga daerah, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan.

Dan banyak juga kes-kes kemalangan kenderaan dan kemalangan motosikal telah berlaku pada waktu malam, dan sebab itulah mereka kena menunggu lama-lama seperti yang saya ada pengalaman di sana di mana keluarga mangsa kena menunggu sehingga larut malam baru dapat menuntut mayat itu.

Jadi, bolehkah Yang Berhormat menimbangkan supaya menambah lagi sekurang-kurangnya seorang lagi doktor pada waktu malam.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada waktu malam kita mempunyai seorang doktor dan juga tiga orang pembantu perubatan yang bertugas di sebelah malam. Dan juga pada puratanya kita dapati Hospital Seberang Jaya kes di waktu malam adalah lebih kurang dalam lingkungan 40 kes setiap malam.

Jadi, sekiranya ada kesesakan ataupun terlalu ramai pesakit yang datang pada waktu malam, maka doktor yang bertugas pada malam tersebut juga boleh meminta bantuan daripada doktor-doktor lain yang bertugas *on call* pada malam tersebut.

Jadi, saya rasa buat masa ini memang dengan adanya kekurangan doktor-doktor di semua hospital dan di seluruh negara, saya percaya memang ini adalah kaedah yang terbaik tetapi di masa-masa yang akan datang mungkin bila kita sudah ada lebih banyak lagi pegawai perubatan, kita boleh menimbangkan permintaan Ahli Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak bertanya fasal kes mayat orang Islam yang meninggal selepas waktu kerja, sistem hospital ini bila lepas kerja sahaja kalau ada mayat meninggal di situ, besok hendak post-mortem atau belah. Boleh atau tidak kerajaan ubah sedikit, tentang mayat-mayat ini terutama orang Islam, boleh atau tidak dibuat, saya ingat tidak jadi masalah, panggil doktor yang tertentu atau doktor yang periksa itu buat pembedahan masa itu juga, kadang-kadang keluarga hendak bawa balik, hendak sedikit sedekah baca Yasin arwah kadang besok pagi, hendak cari doktor yang sama itu tidak datang-datang juga, ini berlaku di Johor Bahru, saya pun pernah mengendalikan kes ini, boleh atau tidak bila kes-kes mayat orang Islam yang meninggal pada waktu lepas kerja, pukul 4.30 petang sahaja, sudah tidak hendak buat post-mortem, tunggu hingga besok, jadi kalau boleh malam tidak kiralah, bila mayat orang Islam sahaja, buat post-mortem juga atau pembedahan pada malam yang tersebut juga supaya mayat itu dapat keluarga orang islam bawa balik untuk membuatkan sesuatu majlis agama di rumah.

Jadi, ini boleh atau tidak pihak kementerian ubah sedikit sistem, jangan tangguh sampai besok hendak membuat pembedahan.

Jadi, diadakan seorang doktor mesti buat juga pada malam yang tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah masalah yang sering dihadapi oleh bukan sahaja orang yang beragama Islam tetapi semua orang pun memang mengharapkan bahawa kalau saudara mara mereka meninggal dunia, mereka mengharapkan mayat itu dapat diserahkan dengan serta merta, tetapi pihak hospital mempunyai tanggungjawab, kita harus membuat kalau kes-kes yang rumit itu, kita harus menjalankan siasatan ataupun oleh *forensic expert* untuk menentukan sebab kematian.

Jadi, mana yang tidak perlu dilakukan pembedahan ataupun siasatan selanjutnya maka pihak hospital boleh menyerahkan mayat tersebut tetapi bagi yang memerlukannya, kita terpaksa menjalankan bedah siasat tersebut untuk menentukan sebab kematian dan bilangan *forensic expert* yang ada pada masa sekarang pun adalah terlalu kurang.

Jadi, itulah sebabnya tetapi bagi-kes-kes yang tidak memerlukan, yang kes biasa itu memang pada malam itu sahaja mayat itu boleh diserahkan oleh pihak hospital, kalau pihak keluarga boleh bersetuju bahawa mereka tidak perlukan siasatan selanjutnya.

**4. Tuan Haji Mohamed Sayuti bin Said [Kuala Selangor]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah langkah yang perlu diambil bagi mengatasi:-

- (a) peratusan kemalangan jalan raya yang bertambah dari masa ke semasa meskipun pelbagai peraturan serta undang-undang dikuatkuasakan; dan
- (b) pemandu kenderaan awam mengambil dadah serta minuman keras ketika memandu kerana punca kemalangan daripada faktor ini adalah tinggi iaitu melebihi 47% untuk tempoh tahun 2000.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam mengatasi masalah untuk mengurangkan kemalangan jalan raya, kerajaan telah melaksanakan program yang bersepadu yang terdiri dari program penguatkuasaan, pendidikan dan kejuruteraan.

Program penguatkuasaan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengutamakan tindakan ke atas kesalahan-kesalahan

pemandu yang biasanya mengakibatkan kemalangan, kecederaan dan kematian di jalan raya.

Di samping itu, hukuman mencegah telah dikuat kuasa bagi kesalahan tertentu. Program penguatkuasaan telah juga memberi penekanan kepada operasi penguatkuasaan di jalan-jalan persekutuan, negeri dan daerah kerana 96% daripada kemalangan berlaku di jalan-jalan tersebut.

Di samping itu, keupayaan dan keberkesanan program-program penguatkuasaan telah ditingkatkan dengan penambahan anggota penguat kuasa dan penggunaan peralatan moden.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan pemandu dan pengguna-pengguna jalan raya telah juga ditingkatkan melalui kempen-kempen di pelbagai media dan juga melalui ceramah keselamatan jalan raya, khususnya di sekolah-sekolah.

Program latihan dan ujian pemandu telah juga ditingkatkan dengan melanjutkan masa dan skop latihan serta melalui peraturan baru untuk memperkenalkan lesen percubaan (P) bagi pemandu-pemandu yang baharu sahaja lulus ujian memandu.

Di bawah program lesen (P) ini, semua pemandu baru diawasi dengan rapi bagi tempoh dua tahun di mana lesen memandu mereka boleh dibatalkan jika mereka memperoleh 15 mata kesalahan atau lebih di bawah sistem KEJARA.

Selain daripada itu, program-program kejuruteraan seperti audit keselamatan jalan raya di jalan-jalan persekutuan serta mengenal pasti kawasan yang kelak berlaku kemalangan atau *black spot*, dengan izin, telah dilaksanakan di samping mengambil tindakan pembetulan ke atas jalan-jalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan langkah-langkah yang diambil ke atas pemandu kenderaan yang mengambil dadah serta minuman keras ketika memandu, kerajaan di samping mendidik para pemandu melalui ceramah dan kempen, operasi oleh pihak-pihak berkuat kuasa masih lagi diteruskan melalui penggunaan alat EBA atau *evidence break analyzer* untuk pengesanan tahap kandungan alkohol dan ujian dadah masih lagi menggunakan kaedah ujian air kencing. Sekian.

**Tuan Haji Mohamed Sayuti bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen yang telah pun memberikan jawapan mengenai dengan masalah kemalangan jalan raya.

Jalan raya merupakan tumpuan utama kepada pengguna untuk menuju ke satu destinasi yang dituju sama ada menggunakan dengan bersahaja atau tergesa-gesa yang mungkin melibatkan kemalangan jalan raya.

Soalan tambahan, berapakah nisbah bilangan kemalangan jalan raya terutama yang membawa kepada maut bagi tahun-tahun 1999 dan 2000 terutama menjelang hari perayaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas dan lain-lain. Dan adakah kementerian bercadang untuk memberikan *motivate* kepada pengguna daripada masa ke semasa terutama mengadakan risalah-risalah untuk diberikan kepada pengguna, salah satu alternatif untuk mengurangkan kemalangan jalan raya. Terima kasih.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Memang Kementerian Pengangkutan melalui Majlis Keselamatan Jalan Raya, kita bersama-sama dengan agensi yang lain ada menjalankan begitu banyak program, ceramah dan kempen keselamatan terutama sekali pada masa hari perayaan atau Chinese New Year.

Memang kita dapati angka-angka untuk angka-angka kematian atau kemalangan yang serius telah kurang, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini bilangan kematian berdasarkan 10,000 kenderaan yang didaftarkan iaitu penunjuk yang biasa digunakan di peringkat antarabangsa, di Malaysia kita telah menunjukkan bahawa angka kematian telah menurun daripada 8.2 kematian setiap 10,000 kenderaan yang didaftarkan pada tahun 1996. Pada tahun 1997 adalah 7.35, pada tahun 1998 ialah 6.28 dan pada tahun 1999 adalah 5.83 dan pada tahun 2000 ialah 5.72.

Ini telah menunjukkan bahawa perkembangan yang semakin positif dan program yang dijalankan oleh kementerian melalui MKJR dan JPJ dan pihak polis adalah berkesan. Walau bagaimanapun, kementerian terus berusaha untuk mengurangkan angka kemalangan dan kematian di jalan raya terutama sekali pada *festive* pada musim perayaan.

**Tuan Ramli bin Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan menteri yang berkenaan. Soalan tambahan saya, saya terima kasih banyak kepada Kementerian Pengangkutan yang telah berusaha begitu gigih untuk mengatasi masalah kemalangan jalan raya yang makin meningkat. Soalan tambahan saya mengenai beberapa peraturan baru yang telah diperkenalkan oleh kementerian ini seperti pasang lampu motosikal waktu siang hari, kotak hitam, lori dan bas ekspres termasuk juga usaha-usaha untuk membasmi lesen-lesen terbang yang menjadi isu suatu masa dahulu. Setakat ini adakah kementerian membuat kajian keberkesanan mengenai peraturan-peraturan ini.

Yang Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu setakat ini adakah kaitannya dengan masalah-masalah jalan raya, kemalangan ini, misalnya jalan raya rosak ataupun selekoh-selekoh yang tidak mempunyai tanda jalan raya jelas dan sebagainya yang memberi sumbangan kepada kemalangan-kemalangan, yang berlaku di negara kita. Terima kasih.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ada banyak soalan. Untuk jawab soalan Yang Berhormat memang Kementerian Pengangkutan selalu mengkaji supaya kita menaikkan taraf undang-undang kita supaya kita boleh ambil tindakan yang sewajar kepada sesiapa yang melanggar peraturan. Seperti saya katakan tadi kita ada banyak program, program seperti, kita berbincang dengan pihak Kementerian Pendidikan supaya kita ada kempen di sekolah, sebab kita dapati begitu ramai pemuda pemudi yang selalu melanggar peraturan.

Kita dapati semalam surat khabar pun melaporkan, pemudi pun banyak ganas sekarang, dia langgar itu polis yang menjalankan pemeriksaan. Ini kita pun nampak itu kita kempen baru kita ambil perhatian mengenai masalah ini. Kita akan memerhatikan terutama sekali golongan motosikal dan juga kereta persendirian. Kempen ini akan melalui TV, radio, paparan iklan, majalah dan akhbar tempatan. Mengenai soalan jalan yang tidak begitu baik memang itu di bawah kuasa Kementerian Kerja Raya tetapi Yang Berhormat ada maklumat yang tepat, mesti fax kepada kementerian kalau Yang Berhormat nak hantar kepada Kementerian Pengangkutan, kita pun akan juga kepada Kementerian Kerja Raya. Sekian.

**5. Tuan Haji Saupi bin Haji Daud [Tanah Merah]** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah Perdana Menteri bercadang untuk memegang jawatan Menteri Kewangan untuk selama-lamanya atau jawatan tersebut tidak dapat diisi kerana tidak ada calon-calon yang layak.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini jawatan Menteri Kewangan akan dipegang terus oleh YAB Perdana Menteri sehinggalah ada keputusan lain yang dibuat oleh kerajaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya... Tanah Merah.

**Tuan Haji Saupi bin Haji Daud:** Terima kasih kepada jawapan yang begitu ringkas. Jadi saya lihat, bahawa kita lihatlah pada Perdana Menteri kita sekarang ini, itu sudah lanjut usianya [Ketawa] [Disampuk] Betullah ini, tidak mengaku pula Perdana

Menteri telah lanjut usianya...*[Ketawa]* Inilah orang, tak kasihan langsung kepada Perdana Menteri

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat soalan, soalan. *[Ketawa]* Yang Berhormat kadang kala orang yang lanjut usia lebih sihat daripada yang muda...ya, apa salahnya Yang Berhormat.

**Tuan Haji Saupi bin Haji Daud:** Saya kata kasihan kepada lanjutan usianya, kerana memegang banyak jawatan, sebagai Perdana Menteri lagi, Menteri Kewangan lagi dan juga kepada sebagai *Amirul mukminin* kepada sebuah negara Islam dan kalau kita lihat *[Disampuk]* Ini soalanlah ni.. *[Ketawa]* Bahawa kalau seolah-olah di negara kita ini, kalau Perdana Menteri tidak ada seolah-olah negara kita akan hancur atau tak tahu ke mana arah tujuannya. Jadi saya ingin bertanya adakah pada pendapat Perdana Menteri bahawa ketandusan pemimpin-pemimpin sudah tidak ada lagi di dalam UMNO ataupun Barisan Nasional yang mana pemimpin-pemimpin berwibawa yang cekap dan amanah yang diinginkan oleh Perdana Menteri tidak lahir hari ini dan tidak ada langsung, semua yang ada ini tidak boleh diharap oleh Perdana Menteri jadi *[Tepuk]* Sebab itulah beliau terpaksa memegang jawatan ini selama-lamanya. Adakah benda itu betul pada pendapat Perdana Menteri *[Dewan Riu]*.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Masalah usia dan masalah mati atau hidup di tangan Tuhan. Yang Berhormat sepatutnya sedar bahawa Yang Berhormat juga seorang Islam. Bukan bermakna usia tua itu, tidak boleh menjalankan tanggungjawab. Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dahulu pun, memegang sebagai Menteri Dalam Negeri, itu lebih banyak kerja daripada Menteri Kewangan dan apa Yang Berhormat telah sebut tadi yang tidak ada arah adalah pembangkang, seperti parti Yang Berhormat dan juga kawan-kawan Yang Berhormat yang sudah tandus kepimpinan, malah Barisan Nasional dan UMNO mempunyai seorang pemimpin yang masih cekal, yang masih mempunyai minda yang begitu cekap untuk mentadbirkan negara ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Sri Gading

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Dewan Riu]* Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Rekod dunia mencatatkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ialah pemimpin yang disegani dan fikirannya dipakai oleh seluruh dunia *[Tepuk]* Sebab itu ucapan beliau di forum-forum antarabangsa berkaitan dengan ekonomi ditunggu-tunggu oleh seluruh

pemimpin-pemimpin dunia malah dibukukan untuk dirujuk bagi menjawab banyak soalan ekonomi. Kita berbangga kerana negara Malaysia telah keluar daripada kegawatan ekonomi atas kepimpinan dan kepintaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan barisan Kabinet, hebat Kabinet Malaysia nya *[Disampuk]* Soalan akan masuk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya kagum dengan kepimpinan YAB Perdana Menteri dan barisan Kabinetnya. Kabinet Barisan Nasional ini sebenarnya mereka terdiri daripada orang-orang yang layak, yang berwibawa. Siapa pun di antaranya layak untuk memegang sebagai Menteri Kewangan. Mungkin agaknya, pertanyaan saya buat masa ini YAB Perdana Menteri memegang jawatan ini kerana agaknya apabila sampai waktu yang sesuai kerana memerintah negara ini ada strateginya. Ini kepintaran. Alhamdulillah kita hari ini mewah, negara lain potong, macam-macam belanja. Malaysia boleh tambah, boleh bagi bonus, boleh tambah gaji, hebat, inilah yang disakiti oleh pembangkang....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kalau nak kira umur Menteri Besar Kelantan pun kena jalan. Lagi tak berwibawa, sedangkan umur tua tapi tak ada fungsi, tak ada sumbangan. Kalau nak kira begitu, orang PAS kena tunjuk kepada pemimpin dia sendiri, kepada Barisan nasional yang memang dah berjasa. Jadi soalan saya, apakah agaknya, saya punya tekaan, Perdana Menteri memang sedang menunggu-nunggu saat yang sesuai untuk memilih sesiapa sahaja di kalangan menteri Kabinet atau Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional atau siapa sahaja yang difikirkan layak kerana itu kuasa Perdana Menteri yang kita faham atau mungkin Kinabatangan agaknya, mungkin agaknya Rompin, mungkin Shah Alam, mungkin Tambun atau mungkin dari barisan Kabinet....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Mungkin Menteri Kehakiman, agaknya saya bertanya dan minta sikit penjelasan. Terima kasih.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat atas soalan Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat sendiri dah jawab dan untuk maklumat Yang Berhormat seperti mana Yang Berhormat telah memaklumkan

kepada Dewan yang mulia ini, memang betul, kepimpinan Barisan Nasional dan UMNO memang terserlah, itulah tahun demi tahun kita telah menang pilihan raya. Masalah pembangkang mereka ini tidak mahu sedar, bahawa mereka ini mempunyai kepimpinan yang selalu ketandusan dan tiap-tiap kali ada pilihan raya, itulah sebab mereka tidak dapat mentadbirkan Kerajaan Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

**[Soalan No. 6 - Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu) tidak hadir]**

**7. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]** minta Perdana Menteri menyatakan, sama ada kerajaan bercadang untuk memulihkan pilihan raya di peringkat Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah selaras dengan demokrasi akar umbi.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]:**

Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanjong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan buat masa ini belum bercadang untuk mengadakan pilihan raya di peringkat pihak berkuasa tempatan. Kerajaan berpendapat bahawa sistem pelantikan yang diamalkan sekarang ini tidak menimbulkan masalah. Malahan berkeupayaan mengadakan dengan izin *check and balance* yang berkesan.

Mengikut peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu Akta 171 bahawa orang-orang yang dilantik sebagai Ahli Majlis hendaklah terdiri daripada mereka yang berwibawa dan mempunyai sikap bertanggungjawab.

Berdasarkan pengalaman sistem yang diamalkan ini ianya telah berjaya membawa kemajuan dan pembangunan yang pesat terhadap kawasan dan penduduk tempatan serta telah memenuhi aspirasi rakyat keseluruhan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Terima kasih, Timbalan Menteri. Soalan tambahan. Sedarkah Yang Berhormat bahawa oleh kerana PBT ini tidak dipilih oleh rakyat jelata, wujudnya masalah bahawa PBT tidak peka kepada aspirasi dan masalah yang dihadapi oleh rakyat misalnya dalam isu struktur pemancar telekomunikasi di seluruh negara ada dua ribu lebih yang haram tetapi PBT tidak ambil tindakan menentang aspirasi rakyat ataupun baru-baru ini di Ipoh, Majlis Perbandaran Ipoh telah menggugurkan nama Khoo Chong Kong sebagai nama jalan, walaupun beliau seorang wira polis yang menentang pengganas komunis.

Ini menunjukkan PBT telah membelakangkan kehendak-kehendak rakyat. Jadi saya ingin tahu bagaimana kementerian dapat memantau keberkesanan pihak berkuasa tempatan dalam mengatasi masalah rakyat dan dasar-dasar yang digubal adalah

prorakyat dan kalau pilihan raya diadakan di peringkat PBT mungkin parti Yang Berhormat PPP pun dapat peluang bertanding dalam PBT. Setujukah Yang Berhormat?

**Datuk M. Kayveas:** Setuju, kita Barisan Nasional. PPP, lain parti sama juga. Kita punya tiket adalah satu tiket sahaja. Yang Berhormat berkenaan dengan Ipoh masalah itu telah diselesaikan daripada maklumat yang saya terima pagi ini, cerita itu sudah selesai. Kita harus sedar bahawa pada masa sekarang, tahap kemajuan dan pembangunan di pihak-pihak berkuasa tempatan adalah tidak sama. Kerajaan terus berusaha merancang dan melaksanakan pelbagai program dan projek pembangunan khususnya dalam menyediakan kemudahan asas dan infrastruktur kepada masyarakat tempatan.

Yang Berhormat PBT-PBT sebahagian besarnya bergantung kepada bantuan dan peruntukan kerajaan negeri dan juga daripada Kerajaan Pusat dan oleh itu kelancaran pelaksanaan sesuatu projek itu memerlukan sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak. Tuan Yang di-Pertua, justeru itu adalah dikhuatiri sistem pilihan raya akan lebih banyak mendatangkan masalah di peringkat tempatan.

Ini dapat di lihat berdasarkan daripada pengalaman pilihan raya di majlis-majlis tempatan yang pernah diadakan di mana ahli-ahli majlis yang dipilih lebih memberatkan kepentingan politik dan parti daripada kepentingan warga tempatan. Keadaan seperti ini akan mendatangkan ketidakcekapan daripada pentadbiran dan juga proses mengendalikan pilihan raya melibatkan perbelanjaan yang besar.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ini Seputeh, dua kali bangun, silakan

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu sejak saya menjadi Ahli Parlimen, saya rasa dua tahun. Tiap-tiap bersidang, saya kemukakan usul ini, ini usul Nombor 16 – mengenai, mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan tetapi tidak satu kali pun ia dibangkitkan untuk pembahasan. Jadi, saya ingin mengambil kesempatan ini memberitahu Yang Berhormat bahawa kita semua tahu yang rasuah dan penyalahgunaan kuasa adalah paling berleluasa berlaku di kerajaan tempatan sama ada di bandar raya ataupun majlis perbandaran. Dan selalunya pegawai di majlis perbandaran ini mereka tidak di *transfer* ke jabatan kerajaan yang lain dan mereka selalu kekal di tempat jawatan mereka sehingga mereka mempunyai kuasa yang besar dan melakukan rasuah.

Saya juga ingin bertanya kenapakah bagi Wilayah Persekutuan, penduduk di ibu kota mereka menikmati perkhidmatan yang lebih kurang kalau berbanding dengan penduduk di bawah kuasa majlis perbandaran seperti Petaling Jaya, Ipoh, Penang yang mana penduduk di sana, mereka mempunyai *City Councillor* yang berkhidmat untuk mereka dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri untuk berkhidmat kepada mereka. Manakala di Kuala Lumpur, kita sebagai Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan ini terpaksa selalu menjalankan tugas yang sepatutnya dilakukan oleh *City Councillor* seperti menjaga kebersihan longkang dan juga sampah sarap yang .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat, panjang.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya juga ingin tanya, tanya, tanya, tanya, Yang Berhormat Menteri, bilakah kerajaan akan mempertimbangkan rayuan daripada penduduk di Kuala Lumpur supaya adakan pilihan raya kerajaan tempatan dan juga adakan sistem *City Councillor* supaya kerja kami sebagai Ahli Parlimen ini tidak akan direndahkan pada tahap sebagai *City Councillor*.

**Datuk M Kayveas:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat, sistem pilihan raya kerajaan pernah diamalkan pada tahun 50-an dan telah dihentikan pada pertengahan tahun 60-an. Dalam hubungan ini cadangan lagi sekali, cadangan supaya dipulihkan semula pilihan raya perlulah difikirkan secara mendalam sama ada ia akan membawa.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, nanti dia jawab lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak boleh jawab macam itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup, cukup, Yang Berhormat. Duduklah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Datuk M. Kayveas:** Kepong, duduk, Kepong. Orang jawablah, duduklah, ada aturan, ikut aturanlah, Kepong.

**Seorang Ahli:** Peraturan, peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk Yang Berhormat.

**Datuk M. Kayveas:** Ikut peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya, teruskan, teruskan.

**Datuk M. Kayveas:** Ini bukan sekolah, sekolah pun mahu ambil tangan dulu, ini Kepong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terus, terus.

**Datuk M. Kayveas:** Apa ini doktor kulit, *relax! Surrender* itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, cukup.

**Datuk M. Kayveas:** Ok ini, supaya dipilih semula pilihan raya kalau diperlukan akan difikirkan secara mendalam, Yang Berhormat sama ada ianya akan membawa lebih faedah ataupun mengeruhkan lagi keadaan. Berkenaan dengan DBKL ataupun Kuala Lumpur, pihak berkuasa tempatan itu adalah kuasa daripada Jabatan Perdana Menteri dan adalah tidak berkenaan dengan kementerian kita.

Dan juga berkenaan dengan wakil rakyat. Unsur mewakilkan masyarakat memang wujud dalam sistem sedia ada. Setiap ahli majlis walaupun dilantik adalah wakil yang lebih didampingi oleh masyarakat untuk mengambil kira keperluan-keperluan masyarakat. Selain dari itu Yang Berhormat, anggota masyarakat mempunyai juga dua orang lagi wakil rakyat, iaitu peringkat Parlimen dan juga Dewan Undangan Negeri. Wakil Rakyat sebagai Yang Berhormat sendiri yang boleh didampingi dan seterusnya membuat perhubungan dengan PBT bagi pihak masyarakat. Terima kasih.

**8. Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti [Sepang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, jumlah pendatang asing dalam negara ketika ini dan usaha yang telah dan akan dilakukan oleh pihak kementerian untuk membendung masalah ini kerana banjir pendatang asing bukan sahaja menyukarkan peluang pekerjaan kepada penduduk Malaysia dalam sektor perindustrian dan pembinaan tetapi juga menyebabkan peningkatan pelbagai kes jenayah dan masalah sosial.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, pendatang tanpa izin yang berada dalam negara ini dibahagikan kepada dua kategori. Pendatang asing yang masuk dan berada di negara ini secara tidak sah sama ada masuk secara haram atau tinggal di negara ini selepas tempoh pas lawatannya tamat. Kategori ini dipanggil sebagai pendatang tanpa izin. Jumlah pendatang tanpa izin ini dianggarkan seramai 450,000 orang iaitu 300,000 orang di Semenanjung Malaysia dan 150,000 di Sabah dan Sarawak.

Pendatang asing yang masuk berada di negara ini secara sah atas pas lawatan kerja sementara yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen, jumlah pekerja asing yang

telah dikeluarkan pas lawatan kerja sementara mengikut sektor pada 1 September 2001 adalah seperti berikut:-

<b>Sektor</b>	<b>Jumlah</b>
Pekilang	291,448;
peladang	215,887
pembinaan	64,328;
pembantu rumah	161,617;
perkhidmatan	55,519
lain-lain	321,000;
<b>Jumlah</b>	<b>789,120.</b>

Pihak Kementerian Dalam Negeri menyedari kebanjiran pendatang asing bukan sahaja menyukarkan peluang pekerjaan tetapi juga menyebabkan peningkatan pelbagai kes jenayah dan masalah sosial di negara ini. Langkah-langkah yang telah dan akan dilakukan untuk membendung masalah ini ialah:-

- (i) meminda dan mewujudkan beberapa peruntukan baru dalam Akta Imigresen, membawa hukum yang lebih berat terhadap mana-mana majikan yang menggaji pendatang tanpa izin dan mana-mana orang atau individu yang memberi perlindungan kepada pendatang tanpa izin ini;
- (ii) tempoh maksimum iaitu kebenaran pas bekerja sementara di singkatkan daripada 7 tahun dahulu, 6 tahun, kemudian kita beri peluang merayu untuk setahun lagi, jadi 7 tahun. Kita singkatkan kepada 3 tahun untuk semua sektor kecuali pembantu rumah;
- (iii) peningkatan operasi penguatkuasaan secara berterusan dengan kerjasama pelbagai agensi seperti polis, Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, RELA dan tentera di tempat-tempat yang menjadi tumpuan pendatang tanpa izin;
- (iv) menyenaraihitamkan majikan dan pendatang asing yang melanggar undang-undang negara ini;
- (v) Mengusir pendatang tanpa izin ke negara asal masing-masing; dan
- (vi) meningkatkan pengetahuan orang ramai khususnya majikan mengenai undang-undang dan prosedur pengambilan pekerja

asing melalui media masa, dialog dan ceramah yang dianjurkan oleh Jabatan Imigresen berkala.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam konteks ini saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri mengenai bekas Gabenor Wilayah Autonomi Seatan Filipina iaitu Nur Misuari. Nur Misuari telah pun diberitakan ditangkap di dalam negara kita sebagai seorang pendatang tanpa izin. Adakah benar beliau dikategorikan sebagai seorang pendatang tanpa izin ataupun beliau dikategorikan sebagai seorang pencari suaka politik dengan izin, *silent ticker* ataupun beliau dikategorikan sebagai seorang *terrorist* yang menyeludup masuk ke dalam negara. Dan apakah bentuk hukuman ataupun tindakan yang akan dikenakan ke atas beliau. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak menerima permintaan daripada Nur Misuari untuk menjadi seorang suaka politik. Dan untuk sementara ini dalam bentuk apa sekalipun kita mengagakannya dan tangkapannya atas dasar pendatang tanpa izin dan hukumannya akan kita tentukan kemudian.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya nampak ada beberapa langkah yang telah pun diambil oleh pihak kementerian dan bolehkan Yang Berhormat terangkan di dalam dua, tiga tahun ini, setiap tahun, berapa orang yang dihantar balik dan dengan pemantauan pihak kementerian bilangan yang kembali kepada Malaysia. Saya sebut hal ini kerana di Malaysia ini kita ada lebih daripada 72 tempat di mana mereka boleh mendarat dan tiap-tiap malam pihak pasukan polis pun tidak mampu untuk mengawal semua ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada, ada, memang ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Awal tadi soalan sudah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Awal, tetapi ini satu sambungan sahajalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya, cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sebab di dalam Dewan pun tidak boleh sambung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya, cukup, cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mana ada kuasa. Kita hendak sambung dengan soalan pula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Boleh sambung lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah cukup. Sudah ada soalan tadi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada, ada, ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Awal-awal lagi, ya.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pekerja yang berdaftar yang masuk secara sah - 789,120 orang. Pendatang tanpa izin yang kita anggarkan ialah 450,000. Berjumlah lebih daripada 1 juta di kala ini. Tetapi pada setiap masa kita menghantar balik pendatang tanpa izin ini. Baru-baru ini pada minggu lepas, dengan adanya kerjasama Kerajaan Indonesia, walaupun kita terpaksa membayar untuk satu orang sebanyak RM170, kita menghantar balik dengan menggunakan kapal Tentera Laut Indonesia sebanyak 2,500 orang, satu perjalanan dan pada minggu depan kita akan menghantar balik lagi.

Dan pada masa-masa yang lepas, semua pendatang-pendatang tanpa izin yang ditangkap melalui operasi yang telah kita jalankan, setelah kita tahan mereka ini dan nama-nama mereka serta peribadi mereka dimaklumkan kepada Pejabat Kedutaan Indonesia. Setelah mereka mengesahkan bahawa orang-orang yang berkenaan adalah rakyat mereka, barulah mereka dihantar balik dan diterima oleh Kerajaan Indonesia. Dalam proses ini, kebanyakannya secara *off the calf* dengan izin, saya tidak dapat hendak beritahu banyak mana kita sudah hantar balik tetapi yang *latest* sekali, yang terakhir sekali ialah 2,500 dan minggu depan kita akan hantar berterusan pada masa-masa yang telah dipersetujui kerana kali ini, kali pertama pada minggu lepas itu kita menggunakan dengan persetujuan Kerajaan Indonesia, kapal Tentera Laut Indonesia sendiri membawa balik pendatang-pendatang tanpa izin Indonesia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat Tuan Henry.....

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tanya yang datang balik. Yang datang balik itu kita dapat tahu, kita tangkaplah. Yang datang balik pendatang tanpa izin itu, kita tangkap - 450,000. Jadi yang tidak tangkap itu kita tidak dapat tahu, yang tangkap kita dapat tahu. Tetapi kalau Yang Berhormat pun ada menyelia di 21 kawasan tadi selain daripada pasukan keselamatan dan sebagainya memerhatikan, boleh juga memberitahu kita di mana pelabuhan mereka singgah dan melambakkan pendatang-pendatang tanpa izin ini. Tetapi untuk pengetahuan Dewan ini, kita memberi pemantauan berterusan selain daripada Imigresen, polis dan kita menggunakan askar, RELA dan sebagainya untuk menyekat kemasukan mereka ini.

**9. Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, sama ada pihak kementerian sedar bahawa pihak berkuasa Negeri Brunei Darussalam menyekat kemasukan kenderaan-kenderaan tertentu, seperti van, *double cabin*, *hi-lux* dan lain-lain ke Brunei. Jika ya, apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan sememangnya sedar bahawa pihak berkuasa Negara Brunei Darussalam tidak membenarkan kenderaan-kenderaan Malaysia jenis tertentu seperti van, *double cabin* dan *hi-lux* daripada memasuki negara tersebut.

Ini adalah disebabkan di bawah peraturan baru yang dikuatkuasakan oleh Negara Brunei. Kenderaan jenis tersebut telah dikategorikan sebagai kenderaan perdagangan atau *commercial vehicle* dengan izin dan bukan lagi sebagai kenderaan persendirian. Walau bagaimanapun van dan *double cabin* yang didaftarkan sebagai kenderaan pelancongan di Malaysia masih dibenarkan memasuki negara Brunei untuk menggalakkan pelancong di antara kedua-dua negara.

Tuan Yang di-Pertua, kenderaan jenis yang sama yang didaftarkan di Brunei sebagai kenderaan perdagangan adalah dibenarkan masuk ke negeri Sabah dan Sarawak melalui laluan-laluan yang dibenarkan.

Kementerian Pengangkutan akan membawa isu ini di mesyuarat keempat *The Joint Committee on Cross Border Facilitation of Land Transportation* dengan izin, di antara Brunei dengan Malaysia pada bulan Disember iaitu bulan depan tahun ini.

**Tuan Henry Sum Agong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kenderaan-kenderaan yang tersebut tadi, *truck cargo* yang juga terpaksa memunggah kargo ataupun muatan di *transit center* dengan izin di Daerah Temburung bagi *truck*

yang datang dari Sabah dan Kuala Belait yang datang daripada Miri dan kemudian diangkut oleh kenderaan-kenderaan tertentu. Ini juga menyulitkan perjalanan di sepanjang Pan Borneo Highway.

Begitu juga dengan *passenger car* dengan izin, seperti teksi tidak juga dibenarkan membawa penumpang misalnya dari Lawas ke Limbang dan sebaliknya. Memandangkan masalah ini, yang membabitkan sebahagian besar rakyat kita, saya mencadangkan supaya masalah ini dirundingkan dengan pihak berkuasa Negara Brunei Darussalam. Mungkin dengan semangat ASEAN untuk menyelesaikan masalah ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mas, memang cadangan Yang Berhormat dan masalah yang dibangkitkan, pegawai kementerian akan membangkitkan masalah ini di mesyuarat seperti yang saya katakan tadi iaitu The Joint Committee on Cross Border Facilitation of Land Transportation yang akan diadakan pada bulan depan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat jawapan bagi Soalan Jawab Lisan selesai.

***[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6 dan 10 hingga 19 akan dijilid dalam buku yang berasingan]***

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2002

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 2002

Jawatankuasa

Aturan Urusan dan Usul-usul dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2002 dan Anggaran Pembangunan 2002 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis" ***[Hari Keenam]***

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.***

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Maksud B.22 hingga B.24 [Jadual]-**

**Maksud P.22 hingga P.24 [Anggaran Pembangunan 2002] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kepala Bekalan B.22 dan Kepala Pembangunan P.24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terbuka semula untuk dibahaskan. Sik.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa]*

**11.05 pagi**

**Datuk Haji Shahnnon bin Ahmad [Sik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rujuk kepada Kepala Bekalan B.22, Butiran 030100 – Dasar Kebudayaan dan Kesenian juga Butiran 030200 – Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian dan juga Butiran 030300 – Kecemerlangan Seni (Istana Budaya) dan 030400 – Pendidikan Seni (ASK).

Dalam keempat-empat Butiran ini ianya khusus menyentuh kepelbagaian cabang seni. Usaha untuk peningkatan mutu seni yang berbagai-bagai. Mengadakan prasarana bagi penggiat seni serta merangsang aktiviti seni seperti penyelidikan seni, pemuliharaan seni, pengembangan seni dan juga bimbingan seni.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian ini dan memberikan keutamaan kepada pembangunan seni yang berasaskan kepada seni budaya nasional. Saya dapati pembangunan ini mencakupi begitu banyak bidang seni bukan sahaja yang bersifat tradisionalnya tetapi juga yang moden dan yang pasca moden. Namun satu perkara yang tak dapat tidak perlu wujud dan perlu diberi perhatian khusus dalam pembangunan seni bagi apa jenis seni sekalipun ialah aspek estetika. Tanpa penjelasan tentang makna estetika dan fungsi estetika, kesan seni kepada rakyat dan kepada negara mungkin terjejas dan keliru. Malah mungkin seni itu boleh mewabakkan penyakit sampingan yang boleh menjurus kepada pelbagai gejala sosial yang memudaratkan.

Saya tidak bermaksud untuk memberi definisi atau takrif estetika seni ini dalam sidang ini kerana huraianya terlalu panjang kerana estetika seni termasuk dalam kategori falsafah seni. Namun saya yakin kementerian mempunyai kepakaran dalam estetika sebagai falsafah seni ini untuk dijadikan tonggak dalam setiap aktiviti seni baik aspek penyelidikan, pemeliharannya, pengembangannya dan terutama bimbingannya.

Dalam kesempatan yang terhad ini saya hanya ingin menyebut tiga jenis estetika seni yang sewajarnya dijadikan pegangan atau landasan bagi setiap aspek seni supaya aktiviti seni ini terkawal dan terarah kepada yang baik, supaya aktiviti seni ini tidak menjadi liar dan mabuk rasa. Supaya aktiviti seni ini baik seni teater, seni drama, seni lukis, seni muzik, seni tari, seni khat dan berbagai-bagai cabang seni lagi senantiasa berada di dalam landasan kemakrufan bagi pembangunan insan itu sendiri.

Aktiviti seni yang pertama ialah pada pandangan saya harus bersifat *tarbiah* ataupun pendidikan tanpa menjejaskan kehalusan dan keindahan seni. Seni perlu bersifat mendidik masyarakat. Membimbing masyarakat ke arah menjadi manusia yang berguna dan bermanfaat. Sekali gus seni bukan sahaja *beautiful* dengan izin, iaitu indah tetapi juga *beneficial* dengan izin, bermanfaat.

Kita memang ingin bergembira dengan seni kerana keindahan dan kehalusan serta gerak-gerinya tetapi serentak dengan itu kita juga ingin seni itu mendidik kita menjadi manusia yang bermanfaat. Contohnya ialah seni muzik ataupun seni nyanyi ataupun seni drama, seni tari ataupun seni sastera. Tanpa estetika *tarbiah* ataupun pendidikan seni-seni ini boleh menggugat nafsu kita. Kita boleh menjadi liar. Kita cepat tenggelam dalam kemabukan rasa seni-seni ini tetapi dengan penyebatan estetika *tarbiah* ataupun pendidikan, seni-seni ini pasti menjadi seni-seni yang membangunkan manusia. Seni itu bukan sahaja indah tetapi juga bermanfaat dengan izin *beautiful and beneficiary*.

Estetika seni yang kedua, selain daripada estetika seni *tarbiah* atau pendidikan ialah estetika yang bersifat estetika epik ataupun estetika kepahlawanan. Walaupun kita boleh katakan juga kesateriaan. Estetika yang berupaya meninggalkan kesan perjuangan kepada masyarakat. Seni drama dan seni muzik dan sebagainya perlu meninggalkan kesan perjuangan ini. Kesan kesateriaan ini atau seperti saya katakan kesan epik untuk meneruskan perjuangan menegakkan kemakrufan dan menolak kemungkaran.

Kesan estetika yang tidak bermaya, kesan estetika yang menjurus kepada rasa *existential* ataupun kalau kita menggunakan bahasa sebelah utara, maafkan saya, dia syok-syok sendiri. Akan merosakkan masyarakat. Rasa *existential* atau syok sendiri ini pasti sahaja akan membuahkan berbagai-bagai gejala sosial yang memang kita cuba hendak hapuskan.

Dengan wujudkan estetika epik ini ataupun kesateria ini maka karya seni bukan sahaja indah dan bukan sahaja menyeronokkan tetapi malah seni drama, seni muzik, seni tari dan sebagainya juga boleh membimbing masyarakat ke arah patriotisme, ke arah perjuangan.

Akhir sekali dalam masa yang singkat ini, estetika seni yang ketiga ialah yang bersifat sufistik ataupun mistik. Estetika ini agak sukar diperoleh kerana dia mempunyai tahap yang tertinggi. Tetapi bukan mustahil untuk diperoleh iaitu kesan kemesraan dengan Yang Maha Esa.

Karya-karya seni di samping indah dan halus juga perlu meninggalkan kesan kemesraan dengan Yang Maha Esa. Oleh itu saya ingin memberi cadangan khususnya kepada kementerian ini supaya dalam aktiviti penyelidikan seni ataupun pemuliharaan, perkembangan seni khususnya bimbingan seni, estetika seni yang benar-benar bermanfaat ini perlu dijadikan satu agenda yang tetap supaya setiap aktiviti seni, setiap aktivis seni sebelum mereka mempraktikkan seni masing-masing, mereka perlu diberikan ilmu falsafah seni khususnya estetika supaya mereka tidaklah terbabas daripada pembangunan negara kita. Kalau tidak....

**Tuan Pengerusi [Dato' Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Dato' Shahnnon bin Ahmad:** Satu minit lagi Tuan Pengerusi... Kalau tidak aktiviti seni kita dalam berbagai cabang ini akan tetap berada dalam kategori, saya namakan kategori popular dengan izin, dalam kategori *popular culture* semata-mata ataupun mungkin jatuh kepada tahap budaya, *sensational culture*. Oleh itu untuk kita memberi sumbangan kepada seni dan seni memberi sumbangan kepada masyarakat, pada pandangan saya, agenda estetika seni yang perlu disemarakkan dan dijadikan agenda dalam setiap aktiviti seni. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Lim Si Cheng]:** Tebrau.  
11.17 pagi.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, dari semalam hendak berucap tetapi *Alhamdulillah* ini hari dapat juga keizinan.

Saya ingin menyentuh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan di bawah B.22 dan juga B.24 dan saya ucapkan tahniah kepada kementerian yang dapat peruntukan hampir dekat RM691,200,000 dan dalam peruntukan ini dibahagikan kepada tujuan tertentu bagi meningkatkan pelancongan. Saya hendak menyentuh pada B.24 - Jabatan Muzium dan Antikuiti. Yakni Muzium Sejarah Nasional pada Butiran 020400.

Saya berterima kasih dalam muzium tersebut banyak dipamerkan sejarah-sejarah silam yang boleh memberi pengajaran dan pengetahuan kepada generasi muda. Cuma saya hendak mintalah kalau boleh dalam muzium tersebut itu dipamerkan jugalah sejarah tokoh-tokoh agama yang lampau sebagai mengenang jasa kepada tokoh-tokoh agama seperti mufti-mufti seluruh negara yang kita dapati hampir 500 hingga 600 tahun, saya ingat ada disimpan oleh pihak Jabatan Arkib. Jadi, pamerkanlah gambar mereka, sejarah mereka, daripada negeri mana supaya ini menjadikan satu

pengajaran kepada generasi muda. Sebagai sebuah negara Islam, kita pameran sejarah tokoh-tokoh agama.

Begitu juga saya pun hendak ucap tahniah kepada Kementerian Penerangan, RTM yang sekarang telah mengingat kembali tokoh bekas-bekas Johan *Musabaqah* Al-Quran di peringkat antarabangsa dan juga di peringkat kebangsaan dikenangi jasa mereka. Jadi sudah sewajarnya saya ingat melalui muzium ini kita pameran gambar-gambar mereka ini sebagai sejarah kerana bukan semua orang yang boleh mendapat tempat yang tersebut, hanya tertentu kepada mereka yang mempunyai tokoh-tokoh di bidang-bidang tersebut yang saya sentuh tadi, tokoh-tokoh mufti ini patutlah rasa saya sejarah mereka ini dipamerkan. Bila orang masuk muzium terutama anak-anak kita dan khasnya bagi orang Islam tahu tokoh-tokoh yang tersebut, siapa nama, di mana mereka. Jadi sejarah mereka itu dikenangi kerana dialah yang memandu kepada kebaikan kita.

Begitu jugalah bekas tokoh-tokoh Johan *Musabaqah* peringkat antarabangsa, dipamerkan sajalah di dalam muzium itu supaya jadi kenangan. Bila kita masuk situ nampak, orang ini johan ini, Tuan Haji Mohammad Pergau, Ismail Hashim dan sebagainya, jadi kita ada.

Yang kedua, kalau adapun sekarang macam P. Ramlee, penyanyi dia buat macam tokoh, Pustaka Peringatan P. Ramlee yang dibuat itu untuk menyanyi, yang saya ingat ini dalam bidang agama pun mestilah dia ambil perhatian, juga dalam bidang pelancongan, kesenian dan sebagainya tapi kita juga mesti mengingati terutamanya tokoh-tokoh agama.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, B.22, Butiran 070700 - Peningkatan Promosi Pelancongan atau LPPM. Dahulu kalau tidak silap saya peruntukan RM400 juta tapi sekarang ini RM200 juta. Saya cuma hendak memaklumkan bahawa semenjak berlaku peristiwa tragedi 11 September di Amerika Syarikat maka kadang-kadang pelancong ke negara kita berkurang sangat, berbeza dengan sebelum peristiwa itu. Maka dengan itu sudah tentulah peningkatan promosi pelancongan memainkan peranan amat penting bagi menarik pelancong luar negara untuk melawat ke Malaysia.

Saya pun nak ucap tahniah kerana satu daripada program yang dibuat oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, ia buat hari terbuka seperti baru-baru ini Hari Deepavali ya, ramai yang datang termasuk salah seorang daripadanya pelancong dari Johor ialah saya sendiri yang hadir sama ke sana dan berjumpa dengan menteri yang berkenaan itu.

Jadi program macam ini baik dan kedua rasa saya untuk hendak meningkatkan perpaduan..., saya tidak tahu peruntukan promosi ini kegunaannya macam mana? Saya dahulu dapat laporan kalau tidak silap saya pelancong ini dibuat satu perfileman kah, dia ambil satu pilihan Tuan Pengerusi, mengadakan di tempat-tempat tertentu panggillah artis atau sesiapa, tidak kisah kerana kita hendak meningkatkan supaya pertukaran wang asing datang ke negeri kita. Jadi kita dengan adanya peruntukan ini digunakan untuk promosi. Buatlah dekat mana, ke Langkawi, Cameron Highlands atau ke Genting Highlands, ke mana-manalah yang difikirkan munasabah dan kita pamer kawasan itu, dijadikan kawasan pelancongan dan panggillah pelancong daripada negara China, negara Indonesia, di mana kementerian fikir perlu untuk boleh mendapat sambutan daripada negara lain untuk datang ke Malaysia.

Jadi dalam promosi ini, saya tidak tahu sama ada ia dibuat oleh kementerian ataupun diberikan kepada agensi tertentu dalam melaksanakannya kalau diberikan kepada agensi tertentu maka kementerian juga harus memantau perkara ini supaya promosi ini betul-betul mendatangkan faedah kepada negara kita untuk mendatangkan pelancong dan kita juga mungkin boleh buat pameran atau promosi di luar negara. Dengan peruntukan perbelanjaan ini kita buat di negara luar, kita pilih dalam keadaan yang ada sekarang ini, negara tertentu yang kita agak negara mana yang ramai pelancong datang ke negara Malaysia. Kita menggunakan duit yang RM200 juta ini - promosi pelancongan untuk digunakan bagi mengadakan promosi di luar negara.

Jadi saya haraplah kementerian dapat memainkan peranan dan saya pun tahniah dalam bulan Disember ini kalau tidak silap, 20 Disember sempena Hari Raya dibuat di Johor Bahru kalau tidak silap saya dan saya berterima kasihlah dan kita dekat dengan Singapura mungkin ini dapat menarik rakyat daripada Singapura untuk datang ke Malaysia khususnya di Johor.

Jadi Dato' Pengerusi itu dua perkara yang saya hendak sampaikan dan saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi[Dato' Lim Si Cheng]:** Seputeh.

**11.20 pagi**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Bekalan B.22, Butiran 040000 - Pelancongan dan Butiran 040000 - Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

Kita tahu pelancongan adalah paling penting dari segi penarikan mata wang asing dan juga pertumbuhan negeri di Malaysia. Tetapi peristiwa 11 September

menghasilkan satu impak yang besar terhadap industri pelancongan di setiap negeri termasuk di Malaysia kerana sekarang pelawat di seluruh dunia mereka takut hendak naik kapal terbang dan juga takut hendak melancong dan juga ramai takut hendak melawat negara-negara yang ditandakan sebagai negara Islam, ini adalah satu fakta.

Saya merasa agak hairan bila rakan saya yang kerja di sebuah syarikat antarabangsa, yang mana satu *e-mail* diterima oleh beliau kepada para pekerja di seluruh dunia itu, yang mana menyenaraikan negara-negara yang dikatakan jangan melawat oleh pihak atasan syarikat, di mana Malaysia adalah termasuk dalam senarai hitam bersama-sama dengan negara-negara Islam yang lain. Jadi, ini adalah satu perkara yang mana kita harus terima dan saya juga rasa kerajaan haruslah mengubah strategi kita dari segi menarik pelancong luar negeri.

Jadi sehubungan dengan itu pengumuman kerajaan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam selepas berlakunya peristiwa 11 September ini memang adalah satu dasar yang amat tidak munasabah dan juga menjejaskan industri pelancongan dan juga imej Malaysia.

Saya rasa *selling point* bagi pelancongan Malaysia adalah kita harus menonjolkan kepelbagaian dari segi budaya dan juga agama dan juga kita mesti cuba menonjolkan bahawa sikap toleransi dan juga kebebasan mengamalkan budaya dan agama di negara kita.

Di sini saya ingin mencadangkan mungkin kerajaan ataupun Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia boleh adakan berbagai risalah dan juga buku panduan bagi pelawat daripada berbagai-bagai agama seperti adakan *pilgrimage tour* bagi penganut agama Kristian dari negara-negara Barat dan juga lawatan khas untuk penganut Hindu, penganut *Buddhist*. Kita ambil contoh seperti bagi lawatan khas untuk penganut agama Kristian, kita ada banyak gereja yang bersejarah di Malaysia seperti Gereja St. Anne di Bukit Mertajam, Gereja St. Paul di Melaka, Portuguese Settlement, gereja-gereja di Setiawan dan sebagainya. Kesemuanya ini sebenarnya boleh dijadikan satu pakej bagi mereka penganut agama Kristian yang ingin melawat Malaysia supaya mereka boleh memahami sejarah dan latar belakang penjajahan British, Holand di Malaysia dan juga pergi melawat gereja-gereja tersebut.

Begitu juga bagi penganut *Buddhist* dari China, Taiwan dan Hong Kong mereka boleh juga tahu berbagai Tokong Buddha yang ada di negara kita termasuk patung Buddha yang paling tinggi di Asia Tenggara iaitu di Kelantan. Jadi risalah-risalah ini haruslah dibuat oleh kerajaan supaya pelawat-pelawat luar negeri akan tahu dan

mereka juga akan memahami melalui risalah-risalah ini bahawa Malaysia adalah sebuah negara majmuk dan juga ia ada kebebasan untuk mengamalkan budaya dan agama.

Saya juga faham kerajaan sebenarnya telah mula membuat percubaan dari segi ini untuk menunjukkan kepelbagaian budaya dari segi iklan seperti iklan yang ditayangkan di CNN yang mana iklan itu menunjukkan kepelbagaian budaya, tarian dan juga pemandangan yang menarik di negara kita. Saya ada terbaca satu artikel yang disiarkan oleh *Sin Chew* beberapa hari yang lepas tentang iklan yang ditayangkan di CNN ini yang penulis ini juga sentuh tentang peristiwa 11 September ini dan dia cadangkan mungkin permulaan iklan itu di mana seorang lelaki Melayu menari dengan memegang keris. Dia kata ini mungkin boleh disunting sedikit. Kita tidak perlu memulakan dengan keris kerana keris bagi kita, kita tahu ini lambang kuasa dan budaya Melayu tetapi bagi orang asing, orang Barat sekarang yang mempunyai imej yang agak buruk terhadap negara Islam mungkin ini boleh dimasukkan pada bahagian akhir, bahagian pertengahan dan juga tidak perlu pada bahagian permulaan iklan itu.

Jadi ini adalah dari segi suntingan dari segi iklan ini satu cadangan kepada kementerian dan kita juga tahu selepas peristiwa 11 September yang mana negara China akan mempunyai potensi yang besar menjadi satu negara yang berekonomi yang kuat...

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, apa tujuan? Saya belum benarkan Yang Berhormat....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Duduk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Pengerusi, soal sekarang Malaysia disenaraikan sebuah negara yang tidak patut dilawati. Apakah Yang Berhormat bagi Seputeh setuju atau tidak, ini hanyalah sementara. Dahulu selepas 13 Mei disenaraikan juga Malaysia sebuah negara yang perkauman yang tidak perlu dilawati, kemudian setahun selepas itu kembali pulih dan pelawat-pelawat pun datang ke Malaysia. Apakah fenomena sekarang ini pun hanyalah sementara. Setuju ataupun tidak?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya rasa ini mungkin juga tetapi saya rasa, sama ada kita dari pembangkang dan juga daripada kerajaan, kita memang berharap ekonomi negara kita akan pulih dan bertumbuh pesat. Jadi sebenarnya industri pelancongan memainkan peranan yang sangat penting. Itulah sebabnya saya bangkitkan cadangan-

cadangan yang saya tahu dan saya baca dan saya rasa adalah penting bagi kerajaan untuk menarik lebih pelawat daripada negara China, Taiwan dan Hong Kong.

Ini kerana saya dapati mereka yang melawat ke negara kita ini ramai di antara mereka adalah orang kaya dan mereka mampu duduk di hotel *five star* dan mereka memang ada wang. Jadi saya rasa macam tanda di Lapangan Terbang KLIA dan juga di sesetengah tempat pelancongan yang mana terdapatnya perkataan dalam bahasa Jepun itu mungkin sekarang tiba masanya untuk ubah perkataan berbahasa Jepun dalam tanda-tanda itu kepada perkataan berbahasa China. Sebenarnya kalau bagi mereka yang tahu Bahasa Jepun, kebanyakan mereka tahu baca perkataan China terutamanya perkataan China tradisional yang lama yang dipakai sekarang di Taiwan. Orang Jepun memanggil itu adalah "*Kanji*" kerana perkataan Jepun juga berasal daripada "*Kanji*", daripada perkataan China yang tradisional itu.

Jadi sebenarnya mungkin kerajaan boleh mempertimbangkan sama ada untuk tambah perkataan berbahasa China pada papan-papan tanda di tempat pelancongan atau di KLIA ataupun gantikan perkataan berbahasa Jepun kepada "*Kanji*" ataupun perkataan berbahasa China tradisional supaya ia boleh dibaca oleh pelawat-pelawat dari sebelah Timur sama ada Jepun, Cina, Taiwan dan Hong Kong kerana kita tahu bahawa ramai pelawat ini tidak faham Bahasa Inggeris dan mereka juga tidak faham Bahasa Malaysia.

Jadi sekurang-kurangnya kita adakan perkataan-perkataan ini yang juga bila mereka lawat negara kita, mereka akan dapati Malaysia adalah sebuah negara yang majmuk dan kita boleh menerima kesemua bahasa dan budaya yang berlainan.

Jadi saya rasa dari segi *image packaging* diiklankan di media dan juga perkataan-perkataan di papan-papan tanda ini adalah penting dari usaha kita untuk 'membungkus' imej Malaysia dan sekali lagi saya ingin menyeru kerajaan supaya mengkaji semula dasar yang ingin menjadikan negara kita atau menonjolkan imej kita ini sebagai negara Islam, saya rasa ini tidak akan membantu menyumbang dari segi pertumbuhan ekonomi dan juga peningkatan dari segi pelawat ke Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Rantau Panjang dan selepas ini Menteri menjawab.

**11.33 pagi.**

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap mengenai dengan Kepala Butiran 070700 - Peningkatan

Promosi Pelancongan (LPPM) dan 007000 - Program Pengindahan/Kebersihan Tempat Pelancongan.

Apa yang saya hendak sebut di sini ialah berkaitan dengan institusi pengajian pondok merupakan salah satu destinasi pelancongan sekarang ini sama ada dalam negeri atau luar negeri. Seperti yang kita ketahui pondok ini bukan sahaja di Malaysia malah di Selatan Thai pun pondok ini menjadi salah satu institusi pelancongan. Kemudian di Iran, di 'kung' di mana 'kung' merupakan satu pondok dan di Indonesia juga, pesantren merupakan satu pondok yang menjadi destinasi pelancongan sekarang ini. Malah sekarang ini pondok boleh dikatakan ada mempunyai *home stay* kalau kita tengok di Kelantan umpamanya.

Sekarang pihak Kerajaan Negeri Kelantan bersungguh-sungguh untuk menjadikan pondok salah satu destinasi pelancongan. Cuma saya hendak sebut di sini ialah kalau tidak keberatan di pihak kementerian ini supaya meninjau, sekurang-kurangnya melihat dahulu kedudukan pondok yang saya rasa tidak begitu teratur sekarang ini dan saya percaya boleh dibaiki kalau pihak kementerian merasai pondok ini merupakan salah satu daya tarikan kepada pelancong-pelancong khususnya pelancong dalam negeri atau luar negeri. Sekurang-kurangnya memberi sedikit sumbangan untuk membaiki pondok-pondok usang yang terdapat di ceruk rantau di Malaysia ini khususnya di Kelantan, Kedah dan Terengganu.

Kemudian jalan-jalan untuk masuk ke pondok ini kalau boleh dibaiki melalui peruntukan di bawah kementerian ini bukan hanya yang lain sebagai menambah bagi melihat kebersihan, keindahan pondok ini supaya di lain masa, pelancong-pelancong luar negeri akan digalakkan masuk ke sini dan ianya dijadikan salah satu produk pelancongan di Malaysia di masa depan.

Saya berterima kasih kepada pihak menteri ini kerana baru-baru ini telah melawat ke Bandar Tumpat. Ini salah satu daya inisiatif yang boleh dibanggakan dan rata-rata rakyat Kelantan khususnya mengatakan bahawasanya inilah salah satu menteri yang tidak kira politik [*Tepuk*] Menteri ini telus sebab itu kita tengok industri pelancongan ini mendapat sambutan daripada segenap lapisan masyarakat.

Cuma saya hendak minta kalau boleh selain daripada melawat ke Tumpat melawat di Rantau Panjang pula. Sebab saya tengok di Bandar Rantau Panjang ini walaupun kotor dan busuk tetapi ia tetap menjadi bandar yang diminati yang dikunjungi oleh pelancong-pelancong khususnya pelancong-pelancong dalam negeri, mungkin ada perkara-perkara istimewa dan ianya merupakan pintu masuk daripada Selatan Thai ke

Malaysia melalui Kelantan tetapi apa yang saya hendak sebut di sini kalau boleh pihak menteri tolong bantu Majlis Daerah Pasir Mas yang mencakupi Rantau Panjang ini kerana sehingga sekarang ini pihak Majlis Daerah tidak berjaya untuk membina satu taman rekreasi berhampiran dengan pintu masuk Imigresen Rantau Panjang itu kerana tanah kepunyaan Keretapi Tanah Melayu itu telah diberi sewa kepada pihak individu untuk menjadikan tempat tapak letak kereta di mana pelancong-pelancong yang ingin ke Golok meninggalkan kereta di tempat itu, *cross* masuk ke Golok.

Jadi sepatutnya tempat itu dijadikan taman rekreasi yang indah kerana pelancong-pelancong daripada Thailand bila masuk ke Rantau Panjang keluar sahaja pintu Imigresen Rantau Panjang, dia akan lihat tempat itu satu taman yang indah yang boleh dibanggakan oleh semua rakyat. Tetapi sekarang ini kita lihat masuk sahaja sempadan ke Kelantan ini kita tengok penuh dengan kereta dan van yang mana tuan punyanya telah berada di Golok, bermalam di sana. Jadi saya harap pihak kementerian ini cuba bekerjasama dengan pihak Majlis Daerah bagi mendapatkan semula tanah yang berada berhampiran dengan Imigresen bagi membolehkan pihak Majlis Daerah menjadikan tempat itu taman rekreasi kerana hingga sekarang ini pihak Majlis Daerah masih lagi tidak berjaya untuk merombak perjanjian yang telah ditandatangani oleh pihak dua syarikat. Salah satu dipunyai oleh Ketua Pemuda UMNO Rantau Panjang dan salah satu lagi ialah syarikat lain yang telah memonopoli tempat *parking* kereta di kawasan yang saya anggap satu kawasan yang cukup indah dan strategik itu.

Seterusnya ialah saya hendak minta kepada pihak kementerian ini melindungi satu tempat yang dianggap cukup istimewa sekarang ini iaitu kalau kita lihat jalan yang sedang dibina daripada Sungai Siput ke Simpang Pulai Gua Musang yang sekarang ini dalam pembinaan di mana terdapat lebih kurang 20 kolam air panas di sepanjang jalan itu khususnya berhampiran dengan Pos Belut di daerah pedalaman dan hingga sekarang ini hasil daripada lawatan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan di Kelantan mendapati sepuluh kolam air panas telah pun dimusnahkan hasil daripada laluan pembinaan lebuh raya Sungai Siput ke Gua Musang itu.

Jadi saya harap pada pihak kementerian ini cuba memantau kalau boleh mana-mana kolam air panas yang masih lagi ada yang boleh dijaga dan boleh diusahakan supaya ianya menjadi salah satu tempat yang baik khususnya apabila lebuh raya ini siap dibina di masa hadapan dan kalau boleh .....

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu bangun.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ya, sila.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang dan terima kasih Tuan Pengerusi. Baru sebentar tadi Yang terhormat menyebut tentang kolam air panas, saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju berkenaan dengan kolam air sejuk di Hulu Terengganu iaitu Tasik Kenyir. Jadi di antara tarikan di Tasik Kenyir ini ialah untuk memancing ikan kerana ia telah menjadi satu kawasan yang sangat baik untuk pembiakan ikan dan tarikan utama kepada peminat-peminat atau pemancing-pemancing yang datang dari seluruh negara.

Apa yang saya hendak bangkitkan ialah tentang kurangnya kemudahan-kemudahan sejuk beku atau air batu di kawasan Tasik Kenyir di mana banyak kejadian yang berlaku pemancing-pemancing ini yang pergi masuk ke Tasik Kenyir sehingga berbatu-batu ke dalam tetapi apabila mendapat ikan yang banyak, mereka tidak cukup air batu, bekalan yang dibawa cair dan sebagainya tetapi di dalam tasik yang luas ini, yang kira-kira ada 360 buah pulau tetapi tidak ada satu pulau pun yang dijadikan satu tempat sejuk beku atau simpanan ais yang mencukupi. Akibatnya apabila mereka keluar sebahagian besar ikan yang mereka dapat terpaksa mereka buang ke sungai balik kerana tidak dapat digunakan.

Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya cadangkan agar kementerian dapat mengenal pasti misalnya lima buah pulau untuk kita menjadikan tempat atau beri kemudahan-kemudahan untuk menyimpan ataupun membekalkan air batu kepada pemancing-pemancing.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Saya cukup setuju kerana Empangan Kenyir ini merupakan salah satu destinasi pelancongan dan barangkali pihak kementerian tidak keberatan kerana kita sudah kenal menteri ini yang tidak tegas dari segi politik...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Boleh gulung? Yang akhir sekali ialah berkaitan dengan..., saya lihat di sini Kepala Butiran 00900 iaitu Program Penginapan Murah atau Sederhana.

Saya melihat Hotel Seri Malaysia yang telah pun berada di beberapa negeri di Pulau Pinang dan sebagainya. Adakah kerajaan tidak bercadang untuk diadakan salah satu Seri Malaysia ini di Kelantan kerana saya dimaklumkan di Kelantan pada musim

cuti persekolahan ini tempat penginapan tidak mencukupi kerana sebahagian besarnya kadang-kadang tidur di atas bas, terpaksa tidur di Terengganu, di Golok, di madrasah dan masjid kerana tempat penginapan tidak mencukupi. Jadi saya harap kalau tidak keberatan pihak kementerian ini cuba membuat salah satu Hotel Seri Malaysia di Kelantan.

Demikian juga berkenaan Taman Seri Budaya Negeri-negeri ini. Kelantan ada mempunyai satu gelanggang seni iaitu di mana setiap hari minggu diadakan semua jenis permainan tradisional di Kelantan ini tetapi bangunannya cukup uzur - hawa dingin tidak ada, kerusinya lapuk dan buruk, alat pembesar suaranya juga tidak sesuai lagi digunakan. Jadi saya minta pihak kementerian ini cuba agihkan sedikit peruntukan yang ada di sini supaya sampai ke Kelantan dan saya yakin dan percaya rakyat Kelantan juga akan sama-sama mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kementerian ini.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian ini kerana telah menjemput semua Ahli Parlimen ini ke Majlis Deepavali baru-baru ini. Jadi terima kasih, sekian.

**Datuk Lau Ngan Siew:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sandakan hendak apa? Yang Berhormat hendak berucapkah?

**Datuk Lau Ngan Siew:** Boleh beri peluang kepada saya untuk berucap sedikit perkara mengenai Sabah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Mesti hendak cakap?

**Datuk Lau Ngan Siew:** Mesti, mesti *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Memandangkan tidak ada wakil daripada Sabah dan Sarawak, jadi bolehlah, Yang Berhormat cuba ringkaskan.

**11.45 pagi.**

**Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Seorang Ahli:** Cubalah.

**Datuk Lau Ngan Siew:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Maksud Bekalan B.22, Butiran 020000 - Pelancongan, 020300 - Bahagian Pembangunan Pelancongan (Pengurusan Projek-projek), 020500 - Pengurusan dan Kewangan. Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengenai masalah yang ditimbulkan di dalam industri pelancongan di Sabah yang kini sedang menghadapi kemerosotan.

Tuan Pengerusi, ekoran daripada isu penculikan oleh kumpulan Abu Sayyaf dan serangan pengganas tentera Taliban ke atas Amerika Syarikat, turut menjejaskan industri pelancongan negara kita. Ramai pelancong luar negara yang terdiri dari negara Eropah dan England telah berkurang semenjak berlakunya insiden tersebut. Akibatnya, para pelancong menjadi takut untuk melancong ke luar negara kerana kurang keyakinan dan bimbang keselamatan mereka terancam. Oleh yang demikian, kerajaan haruslah membantu Sabah untuk mengatasi masalah tersebut. Tindakan segera perlu diambil untuk menarik semula keyakinan para pelancong. Ingin saya mengambil kesempatan ini meminta penjelasan daripada kementerian, apakah tindakan atau langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Pengerusi, industri pelancongan Sabah adalah amat berpotensi untuk dimajukan. Oleh kerana Sabah menghadapi dua masalah daripada Abu Sayyaf dan serangan pengganas di Amerika Syarikat, akibatnya para pengusaha tempatan yang menghadapi kerugian yang besar terhadap perusahaan pelancongan mereka, di mana rumah-rumah rehat, *resort* mereka semakin berkurang pengunjung. Sekiranya hal ini berlarutan, sudah pasti para pengusaha tidak dapat bertahan lagi. Saya juga telah difahamkan bahawa pihak bank juga tidak sanggup lagi memberi bantuan pinjaman kepada mereka. Saya merasa amat kesal terhadap tindakan pihak bank berkenaan kerana, kenapa pihak bank tidak memberi sokongan dan galakan terhadap industri pelancongan negara, sedangkan industri pelancongan negara adalah amat berpotensi untuk diperkembangkan di seluruh dunia.

Pada pandangan saya, bagi mengatasi masalah ini, peranan kerajaan haruslah memfokuskan industri pelancongan negara kepada *Asian country* seperti Singapura, Jepun, Korea, Taiwan, Hong Kong dan negara-negara *Asian* yang lain.

Yang kedua, menggalakkan pelancong-pelancong tempatan melancong di dalam negara sendiri. Sebagai contoh, dengan menyediakan pakej-pakej pelancongan keluarga dengan harga yang istimewa. Seterusnya, kerajaan haruslah menubuhkan satu tabung dengan mengenakan kadar faedah yang rendah kepada pengusaha-pengusaha pelancongan sehingga kedua-dua masalah pengganas ini dapat diselesaikan. Saya yakin, dengan cara ini akan dapat membantu para pengusaha pelancongan tempatan. Di samping itu, Bank Negara juga patut memberi nasihat atau arahan kepada bank-bank yang lain untuk menghulurkan bantuan pinjaman kepada para pengusaha-pengusaha industri pelancongan yang memerlukan sebagai tanda

sokongan dan galakan terhadap usaha mereka mengembangkan industri pelancongan negara.

Tuan Pengerusi, di dalam persidangan Parlimen yang lalu, Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah menyebut mengenai satu tabung yang telah ditubuhkan untuk membantu para pengusaha tempatan yang memerlukan bantuan sama ada untuk memperluas atau membina rumah-rumah rehat, *resort*, restoran dan sebagainya yang berkaitan dengan perindustrian pelancongan. Ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mendapat penjelasan mengenai syarat-syarat dan kriteria-kriteria yang diperlukan sekiranya seorang pengusaha itu memerlukan bantuan pinjaman daripada tabung tersebut dan dari jabatan atau kementerian manakah yang telah menyalurkan kewangan dalam tabung tersebut.

Tuan Pengerusi, akhir sekali, sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya berharap kerajaan akan bertindak pantas untuk menyelamatkan keadaan ekonomi kita di dalam industri pelancongan dan akan sedia membantu para pengusaha industri pelancongan untuk mengatasi masalah yang sedang dihadapi.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, sila.

**11.52 pagi.**

**Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun bangun dan memberi pelbagai pandangan yang semuanya baik-baik belaka, yang kami telah catat dan ambil perhatian dan di mana boleh, kita akan melaksanakan.

Cuma, sedikit sebanyak jawapan dan pandangan kepada pandangan-pandangan yang telah pun dibangkitkan, mulanya, Ahli Parlimen bagi Bachok, telah membangkitkan persoalan mengenai makam Tok Janggut.

Ini, saya telah diberitahu bahawa memang kadang-kala Jabatan Muzium Negeri dan juga Ibu Pejabat Jabatan Muzium telah pun mengambil pelbagai langkah untuk memperbaiki makam itu dari semasa ke semasa. Tetapi insya-Allah, saya akan membuat lawatan. Bila saya buat lawatan ke Kelantan akan datang, saya akan melawat tempat sejarah ini dan insya-Allah, kita akan cuba memperbaiki makam itu dan disediakan supaya ianya benar-benar boleh menjadi satu tarikan kepada pelancong dan juga untuk golongan muda kita mendapat inspirasi dari perjuangan Allahyarham itu.

Hubungan kebudayaan Malaysia dan Thailand. Sukacita saya menyatakan kerjasama kebudayaan memang sedang dilaksanakan setiap masa dan kita telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN, *ASEAN Community on Culture and Information* dan dalam konteks inilah maka kerjasama di antara Selatan Thailand dan juga Kelantan sudah dijayakan dari masa ke semasa. Pelbagai program kebudayaan, siri-siri pertemuan dan pertukaran lawatan seperti yang dikendalikan oleh Gabungan Persatuan Penulis Nasional, GAPENA, kerajaan negeri di bahagian utara dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dijalankan setiap masa. Ini insya-Allah, kita akan dapat dan kita akan cuba mempergiatkan lagi.

Mengenai soal supaya kita janganlah mempersembahkan kesenian yang bertentangan dengan Islam, kementerian amat mengambil berat pembangunan dan perkembangan kesenian ini sebagai satu hasil kreativiti dan falsafah suatu kebudayaan, kesenian adalah lambang satu masyarakat. Oleh sebab itu, beberapa program kerjasama antara Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dengan Pusat Islam bagi meneliti dan menghalusi perkara ini telah dilaksanakan bagi memastikan pembangunan kesenian dalam konteks Islam misalnya Program Kefahaman Islam telah diadakan di Kedah, Pahang, Melaka dan Johor. Program-program yang sama juga akan terus diadakan dari masa ke semasa.

Mengenai apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Parlimen bagi Teluk Intan pula mengenai Menara Jam Teluk Intan. Bangunan menara ini merupakan bangunan yang asalnya berfungsi sebagai tangki air bagi Pekan Teluk Intan. Bangunan ini juga telah dijadikan sebagai menara jam dan dianggap *landmark* bagi Pekan Teluk Intan. Kerja-kerja penyelenggaraan berkala adalah di bawah tanggung jawab Majlis Daerah Teluk Intan. Jabatan Muzium merasakan bangunan ini sebagai sebuah bangunan yang unik dari aspek seni bina, maka mereka telah juga memberi sedikit bantuan untuk pemuliharaan dan mengekalkan struktur bangunan ini.

Buat masa ini, Jabatan Muzium dan Antikuiti sedang menjalankan kerja-kerja pemuliharaan terhadap bangunan tersebut bagi memastikan keseluruhan struktur berada dalam keadaan kukuh dan selamat untuk kunjungan orang ramai. Kerja-kerja awalan telah pun dimulakan. Cadangannya ialah supaya bangunan ini dicat semula dan memberikan warna asalnya dan semua kerja-kerja ini dijangka akan siap pada Februari 2002 dan selepas itu, insya-Allah, kita akan bukakan bangunan ini untuk kunjungan orang ramai.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Mengenai pandangan dari Ahli Yang Berhormat bagi Sik. Semua pandangan itu kami ambil ingatan dan kebetulan apa yang telah pun dinyatakan oleh Yang Berhormat itu, memang sudah dilaksanakan oleh kementerian dalam pelbagai teater dan sebagainya dipersembahkan, memang kita menitikberatkan apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tetapi, saya mintalah kalau Ahli Yang Berhormat bagi Sik mempunyai cadangan-cadangan yang spesifik, maka bolehlah menulis kepada saya dan insya-Allah, kita akan cuba laksanakan di mana boleh.

Saya pun sangat gembira pada hari ini lihat Ahli Yang Berhormat bagi Sik cukup sihat, bertambah segar pula hari ini [Ketawa] Dengar cerita macam-macam, hari ini lihat seronok, ya [Ketawa] [Dewan gamat seketika] Ini, sahabat saya lama. Dahulu, sama-sama dalam Biro Pendidikan UMNO. [Ketawa] Patah baliklah kot no. Anyway, saya gembira. Insya-Allah, kalau ada cadangan-cadangan tertentu, bolehlah Ahli Yang Berhormat tulis dan insya-Allah, apa yang baik, kita akan laksanakan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, dia ada buku-buku baru, ya.

**Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Buku-buku baru? [Ketawa] Ok, Yang Berhormat bagi Tebrau, insya-Allah, apa yang dicadangkan itu, kita akan laksanakan dari semasa ke semasa. Sekarang pun, sudah dibuat tetapi kadang-kadang mungkin tidak cukup. Kita memang ada satu muzium sejarah di Kuala Lumpur ini. Muzium sejarah tetapi jarang orang kunjung di sana. Di sanalah yang kita banyak mempamerkan dari semasa ke semasa sejarah tokoh-tokoh agama, tokoh pendidikan dan sebagainya.

Mengenai *festivals* dan sebagainya ataupun usaha untuk mengatasi kesan-kesan buruk dari kejadian September 11 dan sebagainya, insya-Allah kita memang sedang mengambil tindakan yang berbagai-bagai. Kesannya memang agak buruk sedikit untuk Malaysia kerana pada bulan Oktober, biasanya dari Januari ke Ogos, jumlah hitung-panjang pelancong yang datang ke Malaysia ini lebih dari sejuta setiap bulan. Ini memang satu angka dan kejayaan yang cukup besar kepada industri pelancongan.

Tetapi selepas 11 September, jumlah tersebut jatuh dan pada bulan Oktober jumlah pelancong yang datang ke Malaysia hanyalah 562,000 sahaja sedangkan kita mengharapkan 1.2 juta dan sebagainya. Jadi ini memang satu kejatuhan yang sangat terok dan pada bulan November pun mungkin juga kita tidak akan capai angka yang kita harapkan. Tetapi bulan Disember, insya-Allah saya rasa melalui hasil usaha yang berbagai-bagai yang kita sedang jalankan di merata-rata - kita sedang tingkatkan

promosi kita, tingkatkan pengiklanan kita, kita sedang memesatkan rombongan-rombongan promosi dan sebagainya - hasil usaha ini saya rasa mungkin pada bulan Disember ini kita dapat pulih kan.

Namun demikian, saya rasa pada keseluruhannya bagi tahun 2001 ini sudah tentu akan lebih pada tahun 2000 atau tahun sudah. Ini adalah oleh sebab kita begitu berjaya antara bulan Januari sehingga ke bulan Ogos. Kita memang sedang mempamerkan, kita sedang menonjolkan imej Malaysia ini sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, berbilang agama, berbilang budaya dan sebagainya dan kita sedang menonjolkan imej kepada dunia bahawa Malaysia is, dengan izin, "*The all-in-one Asian destination*". Kalau kita datang ke Malaysia, kita boleh dapat lihat China, India, Indonesia, Thailand, semuanya *in one place*. "*Malaysia truly Asia*", itu slogan yang sedang kita tujukan ke seluruh dunia.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi :** Yang Berhormat bagi Tebrau.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tahulah, selepas peristiwa 11 September, tadi Yang Berhormat Menteri terangkan kekurangan pelancong yang datang ke negara Malaysia yang begitu agak jauh bezanya dari tahun-tahun yang lalu. Dari segi pelancongan rakyat Singapura ke Malaysia selepas peristiwa tersebut, adakah ia menunjukkan kekurangan atau bertambah kerana perjalanannya itu melalui perjalanan yang mungkin tidak berapa jauh. Jadi kalau kekurangan, apakah tindakan yang perlu diambil oleh pihak kementerian dalam mengatasi perkara ini? Terima kasih.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Kesan dari kejadian 11 September ini telah memburukkan lagi keadaan ekonomi di seluruh dunia. Di samping cuma takut hendak naik kapalterbang, bukan itu sahaja tetapi ekonomi dunia yang memang sudah pun mula melesat sebelum kejadian September 11, maka dia terus menjunam selepas September 11. Oleh sebab itu banyak negara menghadapi kemelesetan ekonomi termasuk juga Singapura. Oleh sebab itu kedatangan pelancong dari Singapura juga cukup berkurangan. Malah dari bulan Ogos dia sudah mula kurang, September lagi kurang, dan Oktober pun kurang. November, oleh sebab cuti sekolah dan sebagainya mungkin akan naik balik. Ini pada bulan November dan Disember.

Jadi oleh sebab ini kita memanglah sedang mempertingkatkan usaha-usaha promosi kita di merata-rata, termasuk juga di Singapura. Kalau kita pergi ke Singapura dengar radio dia, kita boleh dengar iklan mengenai "Melancong ke Malaysia" ini

sepanjang masa dan juga dalam televisyen. Dalam akhbar dan majalah, *all the time*. Begitu juga untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bagi Siputeh, kalau di negeri China, Hong Kong, Taiwan semua iklan-iklan kita dalam bahasa Cina, dan baru-baru ini kita telah pun sampaikan kepada pasaran satu lagi iklan yang menunjukkan Michelle Yeoh, iaitu seorang warganegara Malaysia dari Ipoh tetapi yang begitu masyhur seluruh dunia sekarang ini setelah jadi pelakon Hollywood, Hong Kong, beliau mulakan iklan kita di CNN dan juga dalam berbagai-bagai televisyen nasional dan juga *regional television* di China, di Hong Kong, di Taiwan, merata-rata, dengan perkataan, dengan izin: "*I have been all over the world but there is only one place I call home – Malaysia*". Ini dari Michelle Yeoh, dan berbagai-bagai lagilah. Apa yang kita lihat dalam CNN itu hanya dalam CNN, tetapi iklan kita kepada stesen televisyen yang lain kita ubahsuai mengikut keadaan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Seri Gading bangun. Ya, Yang Berhormat bagi Seri Gading, sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah. Syabas kepada Yang Berhormat Menteri dan kementerian kerana mengikut perhitungan saya setelah mengikuti segala perancangan dan tindakan yang telah dijalankan oleh Yang Berhormat Menteri dan kementerian.

Sebenarnya Kementerian Pelancongan kita menjadi salah sebuah kementerian yang begitu memberikan keuntungan kepada negara. Syabas, kerana pelancong yang datang ke negara kita ini sebenarnya meningkat dari masa ke semasa kerana berbagai-bagai faktor dan begitu juga saya ingin mengucapkan tahniah kerana pelancongan dalam negara sendiri pun nampaknya meningkat peratusnya. Saya mengikuti semua ...

**Puan Theresa Kok Suh Sim:** Apa soalnya?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Soalanlah ini, Siputeh. Saya mengikuti semua ucapan daripada rakan-rakan Yang Berhormat. Semuanya molek-molek memberikan pandangan dan cadangan, macam juga Yang Berhormat Menteri nyatakan. Cuma saya kesal dengan Yang Berhormat bagi Siputeh. Ada satu perenggan ucapannya – ini sangat jahat – apabila beliau ingin melahirkan rasa kebencian parti DAP ini dalam usaha kerajaan hendak memperagakan negara kita menjadi destinasi pelancongan yang masyhur apabila menyatakan "apabila pengumuman negara Islam".

Sebenarnya pengumuman negara Islam tidak ada kaitan sama ada berjaya atau tidaknya pelancongan kerana negara ini memang beginilah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat berucap tu, ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya hendak bertanyalah ini, Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya. *[Ketawa]*.

**Tuan Pengerusi :** Hendaklah bertanya, ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya kesal kerana seolah-olah hendak menunjukkan gambaran umum negara Islam pelancongan akan mero sot. Ini tidak betul! Saya harap ini jangan digunakan oleh parti pembangkang sebagai untuk ... *[Disampuk]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya punya *floor* ini. Minta maaf. Saya punya *floor*. Selepas saya Yang Berhormat hendak bangun, bangunlah tanya Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya dengan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi :** Duduklah, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya. Saya harap ungkapan ini jangan digunakan oleh semua pihak kerana kita sama-sama hendak memperjuangkan negara kita untuk mencari lebih keuntungan dalam lapangan pelancongan. Kalau parti pembangkang benar-benar bertanggungjawab kepada kemajuan negara, dia tidak akan menyebut perkara-perkara yang sebenarnya dalam fikiran mereka sahaja. Jadi saya rasa, saya minta Yang Berhormat memperjelas. Pengumuman negara ini sebagai negara Islam sebenarnya tidak menjejaskan usaha-usaha untuk menarik pelancongan dan pelancong tidak akan terjejas datang ke negara ini. Saya minta sedikit penjelasan, Yang Berhormat. Saya ucapkan tahniah, terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Memanglah sebagaimana yang saya menyatakan tadi soal pengumuman sebagai negara Islam itu tidak menjadi masalah kerana ia cuma mengesahkan apa yang telah pun berlaku selama 44 tahun yang lalu, iaitu Malaysia di mana agama Islam adalah agama rasmi negara kita. Itu sahaja. Jadi kita kata *Malaysia is an Islamic country*. Tetapi apa yang kita ... *[Disampuk]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Bangun]*

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** *Let me finish* sekejap. Dari segi pelancongan, apa yang kita sedang *advertise*, ya, ataupun iklankan di luar negeri, iaitu menonjolkan negara kita, menonjolkan citra warna Malaysia. Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum, berbilang agama, berbilang budaya dan semua rakyatnya hidup

sebagai satu keluarga, dan dengan itu juga kita ada *calendar of events* kita di mana kita siar ke seluruh dunia mengenai berbagai-bagai festival, karnival dan sebagainya. Malaysia sebagai negara yang berwarna-warni dan rakyatnya yang berbilang kaum hidup sebagai satu keluarga dan ceria sepanjang masa. Itu imej yang sedang kita pameran ke seluruh dunia dan inilah saya rasa imej yang telah sedikit-sebanyak membantu usaha meningkatkan sektor pelancongan kita yang telah pun meningkat saya rasa, Alhamdulillah dengan begitu mendadak.

**Tuan Pengerusi :** Hendak bagi pada siapa tu? Hendak bagi jalan sesiapaakah?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Siapa lagi ada?

**Tuan Pengerusi :** Ada dua Yang Berhormat bangun. Ya, Yang Berhormat bagi Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apa yang saya mempertikaikan adalah kalau negara Islam adalah sebagaimana yang kita hidup sejak empat puluh tahun lebih yang lepas, mengapakah kerajaan mengumumkan negara ini sebagai negara Islam selepas berlakunya peristiwa 11 September? Kita bukan satu negara yang kuat ekonominya yang mana negara kita sebenarnya adalah satu negara yang amat bergantung kepada ekonomi antarabangsa, dan industri pelancongan adalah amat penting dari segi memupuk pertumbuhan ekonomi. Jadi kita mesti terima fakta.

Tadi saya berikan contoh di mana rakan saya bekerja di syarikat antarabangsa yang mendapat satu *e-mail* di seluruh dunia bahawa Malaysia telah disenaraihitamkan oleh mereka dan mereka tidak menggalakkan pekerja yang bekerja dengan syarikat itu untuk melawat Malaysia. Ini adalah satu fakta yang kita harus terima dan cuba menangani masalah yang kita hadapi ini. Jadi janganlah kita tipu diri sendiri tahu. Kalau UMNO hendak lawan dengan PAS [Disampuk] Yang Berhormat boleh menimbulkan isu-isu seperti ini, tetapi kalau kita bincang, ini dasar macam mana untuk kita menarik pelancong dan juga macam mana menarik pelabur asing. Kita haruslah terima fakta. Apakah posisi kedudukan Malaysia dari mata orang luar negara dan juga dalam ekonomi antarabangsa dan juga daripada mata pelawat? ...

**Tuan Pengerusi:** Penjelasannya macam mana?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Pengerusi, saya tidak tahulah bilakah ada senarai nama negara kita telah pun dimasukkan dalam senarai hitam rasmi mana-mana badan besar dalam dunia ini. Tidak ada. Tetapi kadang-kadang ada sesebuah negara memasukkan negara kita ini di dalam sesuatu senarai supaya jangan

dilawati pada sesuatu ketika. Itu adalah. Itu pun bukan bersebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri isytiharkan negara kita ini sebagai negara Islam. Bukan sebab itu. Sebabnya fasal kita ada satu-dua demonstrasi... [Disampuk] Dan sebagainya, itu sebabnya. Dan ada berita-berita lain kononnya ada orang penjahat pernah datang ke Malaysia. Itu satu-dua cerita begitulah yang telah pun ... [Disampuk] No, no!

**Tuan Pengerusi:** Seputeh! Tidak boleh kacau, ya. Sila duduk di tempat duduk!

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Jadi jenis pelancong ke negara kita ada dua jenis: Satu ialah pelancongan domestik. Pelancongan domestik, kita semua tahu keadaan dalam negara kita ini. Dari segi pelancongan antarabangsa, imej yang kita paparkan setiap masa adalah Malaysia sebagai negara berbilang kaum, berbilang agama berbilang budaya, dan rakyatnya hidup berbaik-baik. Itu imej yang kita sedang mempamerkan.

**Datuk Bung Mokhtar bin Radin:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Sila.

**Datuk Bung Mokhtar bin Radin:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Memandangkan sektor pelancongan ini di negara kita merupakan satu industri yang terbesar dan mendatangkan hasil atau pulangan yang lumayan, jadi tidakkah kementerian ini bercadang ataupun berhasrat untuk menswastakan sahaja promosi-promosi pelancongan di negara ini kepada syarikat-syarikat swasta yang lebih memahami dan lebih menjuruskan ke arah menarik pelancong-pelancong dari negara luar kerana saya dapat melihat kalau jawatankuasa atau badan kementerian ini sendiri membuat promosi di luar negara mungkin keadaan lebih terbatas?

Tetapi kalau kita *privatise* kepada satu-satu syarikat yang telah kerajaan kenal pasti, mungkin ianya akan mendatangkan hasil yang lumayan, dan saya ingin tegaskan di sini bahawa sektor pelancongan ini bukan lagi sektor yang main-main, bahkan harus difokuskan kerana ianya adalah pulangan ataupun perniagaan jangka panjang. Walaupun ada demonstrasi jalanan, walaupun ada ancaman-ancaman daripada pembangkang tetapi nyata masih ramai lagi pelancong-pelancong asing atau daripada negara-negara jiran kita datang ke Malaysia. Jadi saya mintalah kementerian ini kalau boleh, memikirkan cadangan yang saya cadangkan tadi. Terima kasih.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Pengerusi, kerajaan tidak boleh menswastakan usaha untuk mempromosikan negara kita ini. Di mana-mana pun tidak dibuat macam itu. Namun demikian kita memang menggunakan banyak syarikat-

syarikat pengiklanan, syarikat-syarikat perhubungan awam dan sebagainya untuk mendapat *idea-idea* tertentu tentang cara-cara yang sebaiknya untuk kita mempromosikan negara kita ini. Begitu juga kita mempunyai berbagai-bagai jawatankuasa di mana kita menjemput pihak swasta seperti hotel-hotel, syarikat-syarikat pelancongan dan sebagainya untuk memberikan pandangan mereka.

Jadi, semua dasar ataupun tindakan-tindakan ini adalah tindakan-tindakan yang dibuat selepas mendapat *feedback* ataupun pandangan dari semua yang terlibat. Jadi, itu yang saya rasa sebaik-baiknya.

Tadi, ada juga persoalan daripada ramai Ahli Yang Berhormat tentang apakah langkah-langkah yang kita ambil..

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Tanah Merah bangun. Hendak beri jalan atau tidak? Tanah Merah sila.

**Tuan Saupi bin Daud:** Terima kasih Tuan Pengerusi, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar langkah-langkah yang telah dibuat oleh kementerian dan saya memuji salah satu langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian Pelancongan, umpamanya yang terbaharu menjemput semua Ahli-ahli Parlimen bagi menyambut perayaan Deepavali di Istana Budaya. Saya difahamkan bahawa pihak kementerian akan mengadakan majlis-majlis seumpama ini dari segi perayaan Aidil Fitri, Krismas, Tahun Baru Cina di peringkat negeri untuk memperkenalkan budaya negeri-negeri pula, selain daripada ditumpukan kepada Kuala Lumpur sebagai ibu negara.

Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang supaya mengambil kira juga negeri-negeri di bawah pentadbiran pembangkang seperti Kelantan dan Terengganu di dalam usaha ini?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzil:** Tuan Yang di-Pertua, salah satu langkah yang kerajaan telah ambil untuk mempromosikan pelancongan dan juga dari segi usaha-usaha kita mewujudkan satu kebudayaan nasional, bangsa Malaysia dan sebagainya. Lain-lain untuk merapatkan hubungan kaum di Malaysia ini adalah dengan mengisytiharkan semua perayaan-perayaan utama kaum-kaum yang terdapat di Malaysia ini sebagai perayaan nasional atau *national celebration* iaitu enam perayaan: Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Hari Keamatan dan juga Gawai di Sabah dan Sarawak. Ada enam perayaan. Perayaan-perayaan ini adalah perayaan nasional, jadi semuanya digalakkan untuk merayakannya bersama.

Trend ini sudah pun berlaku. Sekarang ini pun sudah berlaku. Bila hari raya semua orang Islam membuat rumah terbuka, yang lain semua datang. Kalau hari raya Cina pun orang Cina membuat rumah terbuka dan semua datang. Trend itu sudah mula berjalan, cuma kita hendak mempercepat trend yang baik ini supaya kita semua akan merayakan keenam-enam perayaan terbesar ini.

Jadi, Kerajaan Federal sendiri mengadakan rumah terbuka. Kerajaan Federal, misalnya adakan perayaan hari raya yang pertama selepas keputusan dibuat di istana budaya hari raya puasa tahun sudah di mana tetamu utama kita adalah Almarhum Yang di-Pertuan Agong. Yang kedua, Hari Raya Cina kita buat di Pulau Pinang, Keamatan kita buat di Kota Kinabalu dan Gawai kita buat di Kuching. Kali ini - pertama kali - hari Deepavali kita merayakan di Istana Budaya, dan Krismas kita akan merayakan pada 29 hari bulan ini dan kita sedang mencari tempat yang sesuai. Ini Kerajaan Persekutuan akan membuat bersama dengan badan-badan agama kristian. Rumah terbuka hari raya pula kita akan buat di Johor Bharu di mana kita berharap Yang di-Pertuan Agong akan menjadi tetamu utama kita, Perdana Menteri, dan kita berharap juga untuk menjemput pemimpin tertinggi dari Singapura datang untuk merayakan bersama-sama di Johor Bharu.

Dengan itu kita berharap kita dapat memperbaiki keadaan pelancongan dari Singapura dan sebagainya. Begitulah, dan kita akan bergilir-gilir. Kerajaan-kerajaan negeri, pejabat pegawai-pegawai daerah semuanya digalakkan mengadakan juga rumah-rumah terbuka. Kalau tidak silap saya kita juga memberi sedikit sebanyak peruntukan kepada semua kerajaan-kerajaan negeri bagi acara-acara tertentu termasuk Kelantan dan Terengganu. Kita juga memberikan peruntukan dan dia orang kenalah pandai mengagih-agihkan di mana hendak dlebihkan, di mana dikurangkan dan sebagainya. Jadi, ini memang saya harapkan. Sepatutnya Kelantan dan Terengganu juga ada rumah terbuka sebegini. Ini memang keputusan kita bersama..

**Tuan Saupi bin Daud:** Tidak, yang saya maksud tadi memang Kelantan dan Terengganu sudah adakan, itu program negeri. Yang saya maksud ialah program yang Dato' sebut tadi macam di Johor umpamanya yang dianjurkan oleh Kerajaan Pusat di negeri-negeri berkenaan. Itu yang saya maksudkan.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzil:** Program kita baru bermula, rumah terbuka hari raya baru pertama. Kali ini kali kedua, kita buat di Johor Bharu. Akan sampailah giliran Kelantan dan Terengganu. Namun demikian kita ada juga perayaan-perayaan yang lain yang pernah kita adakan secara besar-besaran di Kelantan dan juga

Terengganu, yang besar-besar yang lain. Perayaan ini banyak. *Calendar of events* kita ada macam-macam. Jadi ada juga perayaan-perayaan yang lain telah diadakan di Kelantan dan Terengganu dan akan diadakan juga tahun ini dan juga tahun hadapan. Perayaan-perayaan yang lain kita harap kerajaan-kerajaan negeri juga akan merayakan, ada jugalah rumah terbuka Deepavali, Krismas dan sebagainya, kerana ini telah pun menjadi perayaan nasional, keputusan kita bersama.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa jawapan dari Kementerian sudah setengah jam.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzil:** *Last* sekali, Tuan Pengerusi, Rantau Panjang. Insya-Allah pandangan-pandangan itu saya ambil perhatian. Kalau ada projek-projek yang patut dibangunkan itu terlalu banyak tetapi wang kita terhad, jadi, kalau kita hendak memberi semua sikit-sikit, maka kita akan ada projek-projek atau produk-produk pelancongan di merata-rata semuanya *half done*, tidak lengkap. Ini yang berlaku sekarang ini. Jadi, kementerian telah pun membuat keputusan kita hendak menumpukan beberapa produk pelancongan yang benar-benar menarik, kita akan melengkapkannya betul-betul, sudahkah dia lengkap, jadi benar-benar menarik, barulah kita pergi kepada projek lain dan sebagainya.

Di Kelantan sekarang ini kita memberi perhatian kepada kawasan Tumpat kerana ia memang *shopping area* dan kawasan *entry point*, dan kita telah pun memberi duit yang banyak. Begitu juga di dataran Kelantan dan juga di pasar Siti Khatijah, ini memang boleh menjadi satu tarikan pelancong. Kita insya-Allah semua pintu masuk negara kita termasuk Rantau Panjang dan sebagainya akan dibangunkan dengan teliti dan untuk itu satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri telah pun ditubuhkan untuk membangunkan semua kawasan-kawasan di pintu-pintu masuk ke Malaysia ini supaya benar-benar menarik.

Begitu juga dengan Taman Sri Budaya dan sebagainya kita akan memperbaikilah dari masa ke semasa.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ada dua yang bangun, Yang Berhormat, hendak beri kepada siapa?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzil:** Siapa dia yang bangun? Beri kepada Tebrau.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya berterima kasih kerana sambutan hari raya secara besar-besaran yang dikeluarkan oleh kementerian yang mana hendak dibuat di Johor Bharu kalau tidak silap saya 22hb. Saya hendak meminta jaminan Menteri sedikit. Ini pengalaman sayalah. Saya tahu majlis itu akan dihadiri berpuluh-puluh ribu, insya-Allah, takut tidak cukup makanan, ini sahaja. Biasanya kalau dibuat di Johor Bharu memang ramai datang, lebih-lebih lagi ini terbuka. Saya hendakkan jaminan sedikit. Kontrak, saya hendakkan jaminan - ini berdasarkan pengalaman saya - berilah jaminan bahawa semua kontrak makanan yang saya tahu belanja itu berjuta, diberikan kepada orang negeri Johor, jangan orang Kuala Lumpur datang, dia bawa dari Kuala Lumpur.

Kedua, jangan diberi kepada seorang sahaja, berilah peluang kepada banyak pembekal-pembekal makanan yang sedap-sedap di Johor. Beri peluang semua, jenis-jenis makanan dan jangan satu orang kontrol dalam kontrak ini. Jadi, dapatlah Menteri menolong sedikit untuk memberikan jaminan dalam perkara ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzil:** Semua projek-projek, acara-acara kementerian bila dibuat di peringkat negeri kita membuat bersama-sama dengan Kerajaan Negeri. Kita berunding ada jawatankuasa bersama dan sebagainya. Insya-Allah saya akan mengambil perhatian apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Setiu.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Menteri. Saya hanya ingin mendapat sedikit penjelasan berhubung destinasi pelancongan. Daya tarikan pelancongan ialah *natural beauty*. Kita mempertahankan kita punya sumber semula jadi kita. Sekarang di kawasan Pulau Redang antara kawasan yang dianggap mempunyai *corals* dan alam sekitar yang tercantik di dunia. Untuk makluman Dato' Menteri bahawa aktiviti pembinaan lapangan terbang sedang dijalankan sekarang ini di Pulau Redang dalam keadaan cuaca yang kita tahu musim tengkujuh. Penguatkuasaan tidak boleh dilaksanakan. Apakah ianya mendapat kelulusan pihak kerajaan? Sebab saya difahamkan pihak alam sekitar memang protes secara besar-besaran dan ditakuti mengakibatkan *corals* di situ akan musnah dan kontraktor membuang sisa buangan dan juga tanah-tanah ke dalam laut begitu sahaja dan pihak masyarakat membuat protes kepada Kerajaan Negeri dan kepada saya sendiri.

Jadi, saya meminta jaminan daripada Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat menyedari perkara ini dan bersedia untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terutamanya terhadap pihak yang berkenaan. Terima kasih.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzil:** Projek itu telah pun mendapat kelulusan semua pihak yang berkaitan termasuk Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri Terengganu yang ada sekarang pun memberi kelulusan, begitu juga Jabatan Alam Sekitar. Jadi sekarang ini saya mintalah Ahli Yang Berhormat menghubungi majlis daerah yang berkaitan. Daerah Kuala Terengganu, tidak salah saya, bertanggungjawab semuanya, kenalah menjalankan penguatkuasaan dengan teliti. Penguatkuasaan ini adalah di bawah kerajaan-kerajaan tempatan, Majlis Daerah Kuala Terengganu dan sebagainya.

Jadi kalau ada nampak benda-benda pelik, berlaku diharapkan laporkah cepat-cepat kepada Jabatan Alam Sekitar dan kita akan mengambil tindakan. Ia kena ikut apa yang telah diluluskan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Setiu.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Berhubung dengan penguatkuasaan, untuk makluman Dato' bahawa ia melibatkan soal kawasan *Marine Park*, kawasan yang diwartakan oleh Kerajaan Persekutuan dan juga termasuk alam sekitar. Ini melibatkan juga kuasa daripada Kerajaan Persekutuan. Jadi saya fikir kalau dapat Yang Berhormat mengambil perjalanan di peringkat pusat sana. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzil:** Saya mengambil perhatian sudah ini tetapi benda ini berlaku setiap hari di sana. Memang Pulau Redang itu cantik, kita semua sayang, kita tidak hendak rosak. Jadi, Ahli Yang Berhormat tinggal di sana kalau tengok sesuatu yang pelik, cepat-cepatlah lapor. Itu sahaja saya minta ya. Ok terima kasih.

Ahli Yang Berhormat bagi Sandakan.....

**Seorang Ahli:** *[Bangun]*

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzil:** Sekejap, nanti saya habis dahulu. Sandakan ya, mengenai promosi semua saya sudah sebut. Memanglah kalau ada sesuatu yang berlaku di Selatan Filipina maka akan ada kesannya kepada Sabah. Dahulu masalah Pulau Sipadan, sekarang September 11 dan sebagainya. Insya-Allah kita sedang mengambil apa yang terdaya untuk membaiki keadaan itu.

Mengenai bantuan pinjaman bank ini saya - pihak kementerian - memang sedang berunding dengan Bank Negara dan sekarang ini kita meminta supaya di *defreeze* semua pintu masuk pinjaman bank bagi pembangunan *resort* dan hotel yang dibekukan. Sekarang ini kita sedang minta Bank Negara supaya dia dapat membebaskan balik bank supaya memberi pinjaman dan pihak bank bolehlah mengadakan siasatannya sebenarnya sama ada sesuatu projek itu *viable* atau tidak, tetapi jangan bekukan kerana ada projek-projek yang memang *viable* dan peminjam itu memang serius, boleh dipercayai dan boleh membayar balik. Untuk itu patut diberikan pinjaman.

Baru-baru ini dalam belanjawan memang telah pun diisytiharkan bahawa tabung pelancongan - *tourism fund* - telah pun dinaikkan dari RM200 juta kepada RM400 juta. Itu adalah suatu tabung di mana pengusaha-pengusaha kecil pelancongan boleh membuat pinjaman. Cuma saya sedang berunding dengan pihak Bank Negara supaya syarat-syarat itu dilonggarkan sedikit supaya lebih manfaat kepada pengusaha-pengusaha kecil. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Peringat.

**Tuan Muhamad bin Mustafa:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Tahniah kita ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri di atas kejayaan-kejayaan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Cuma saya ada sedikit soalan.

Yang pertama tentang, sejauh manakah usaha kementerian untuk mempromosikan kebudayaan-kebudayaan rakyat negara ini khususnya kebudayaan Islam itu sendiri seperti tatacara hidup Islam, pantang larang agama Islam dan sebagainya supaya rakyat negara luar atau rakyat negara asing yang datang ke negara Islam ini tahu apa yang dilarang dan apa yang boleh dibuat dalam negara ini. Saya bimbang dan takut berlakunya sesuatu. Kebudayaan asing ini apabila di bawa ke negara kita boleh merosakkan keindahan negara kita ini. Jadi, saya bimbang pengaruh budaya asing ini boleh merosakkan keindahan negara kita atau meruntuhkan pembangunan yang sedang berlaku di negara kita ini khususnya pembangunan insan itu sendiri.

Yang keduanya, adakah pihak kementerian telah membuat kajian secara menyeluruh bukan sahaja dari segi positifnya tetapi juga dari segi negatifnya supaya kita jujur dalam perkara ini? Kita juga tahu apa perkara-perkara yang negatif yang boleh

merosakkan keindahan negara kita seperti pelacuran, AIDS dan pelbagai perkara lagi yang dibawa masuk ke negara kita ini Saya, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, perkara Yang Berhormat bangkitkan itu tidak ada dalam ucapan ataupun pada masa ini yang sedang dibahaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Dalam penjelasan hendaklah bertanya berkenaan apa yang sedang diucapkan. Ya.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Pengerusi, walaupun kita negara Islam tetapi kita harus sedar bahawa kita juga mempunyai kaum-kaum yang lain di sini dengan budaya-budaya masing-masing. Jadi, itu kita kena selalu berhati-hatilah dalam kita membuat sesuatu. Jadi, Tuan Pengerusi, itu adalah pandangan.

Jadi, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberi pandangan yang pelbagai. Kita ambil peringatanlah mengenai pandangan-pandangan yang baik itu dan kita akan laksanakan yang mana boleh. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM410,509,500 untuk Maksud B.22; RM21,127,600 untuk Maksud B.23; dan RM22,832,600 untuk Maksud B.24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM410,509,500 untuk Maksud B.22; RM21,127,600 untuk Maksud B.23; dan RM22,832,600 untuk Maksud B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM203,375,020 untuk Maksud P.22; RM19,158,180 untuk Maksud P.23; dan RM14,000,000 untuk Maksud P.24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2002 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM203,375,020 untuk Maksud P.22; RM19,158,180 untuk Maksud P.23; dan RM14,000,000 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2002.

**Maksud B.26 dan B.27 [Jadual] –  
Maksud P.26 dan P.27 [Anggaran Pembangunan 2002] -**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.26 dan B.27 dan Kepala Pembangunan P.26 dan P.27 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahaskan. Ya, hujung sana, Tuan.

**12.34 tgh.**

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi sedikit penerangan dalam Bekalan 26 – Kementerian Pendidikan.

Pertama saya ingin menyentuh dalam Butiran 020600 – Asrama. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana dalam Belanjawan ini, peruntukan yang besar juga diperuntukkan untuk pembinaan asrama ini. Bagaimana pun sekali lagi saya ingin nyatakan, seperti yang saya nyatakan di dalam Dewan yang mulia ini pada perbahasan yang lepas, bahawa peruntukan untuk asrama desa tidak ada.

Jadi, saya mintalah, dan memohon supaya pihak kementerian mempertimbangkan kembali peruntukan untuk asrama desa ini termasuk asrama sekolah rendah sebab ini masih diperlukan terutama sekali di beberapa kawasan di Sabah termasuk di kawasan saya di Tuaran.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya beralih ke Butiran 020900 – Pengurusan Buku Teks. Dalam soal ini, Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini dan juga pihak kementerian bahawa di negeri Sabah khususnya di kawasan saya, saya telah mendapati bahawa sejak tahun lepas dan tahun ini, banyak sekolah-sekolah kekurangan kertas khususnya di sekolah rendah.

Malah guru-guru terpaksa mengeluarkan wang sendiri untuk membekalkan kertas khususnya bukan sahaja untuk peperiksaan tetapi juga untuk nota-nota para pelajar. Saya telah membangkitkan soal ini dalam perbahasan tahun lepas tetapi saya nampak masih ada lagi masalah ini dan tidak ada tindakan yang telah diambil. Saya mohon supaya tindakan segera diambil untuk mengatasi masalah kekurangan kertas di sekolah-sekolah rendah.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya beralih ke Butiran 060100 – Pengurusan Pendidikan Tinggi. Pada pagi ini, Tuan Pengerusi, kita telah menyaksikan keputusan pemilihan MPP di institusi pengajian tinggi. Dan, yang menarik dalam keputusan pemilihan ini ialah kononnya ada yang pro-kerajaan, pro-aspirasi kerajaan dan ada yang pro-pembangkang. Ada juga menyatakan yang pro-pembangkang itu adalah golongan

mahasiswa yang mempunyai idealisme yang tinggi. Persoalan di sini ialah apakah idealisme yang dibawa oleh golongan mahasiswa ini? Dan, yang kononnya mahasiswa yang dikatakan pro-aspirasi kerajaan itu, apa pula aspirasi mereka, apa pula idealisme mereka?

Tuan Pengerusi, saya mendapati bahawa sebenarnya golongan mahasiswa di universiti ini mengambil perspektif masing-masing tanpa melihat apa sebenarnya idealisme kenegaraan kita. Saya mohon dan minta pihak Kementerian Pendidikan supaya menanamkan semangat kenegaraan dengan mengambil iktibar, mengambil kira wawasan negara untuk membina negara ini, menjadikan negara ini sebagai negara maju menjelang tahun 2020.

Dan, saya lihat, perakuan-perakuan ataupun kesembilan cabaran dalam Wawasan 2020 ini tidak ditanam, tidak difahami, tidak dihayati oleh golongan mahasiswa kita. Sebenarnya, Tuan Pengerusi, jika kita lihat dan kaji dan kita amati, negara kita yang mempunyai pelbagai suku kaum, suku agama dan keturunan ini, mahu tidak mahu kita memerlukan penyertaan daripada semua pihak, sama ada golongan minoriti, daripada golongan yang majoriti dan juga daripada semua kaum.

Dalam soal ini sebenarnya negara kita telah pun mempunyai Wawasan 2020 sebagai satu garis panduan bagi kita untuk membina negara ini. Dan, negara kita juga telah melahirkan dasar-dasar seperti OPP3, dasar wawasan negara yang diluluskan di Parlimen pada tahun lepas dan sebagainya. Semua ini tidak dihayati oleh pelajar. Yang diperkenalkan dan dibawa pada perhatian mahasiswa ialah perspektif-perspektif sempit yang dibawa oleh beberapa kumpulan dalam mahasiswa kita. Kita amat prihatin dalam soal ini sebab kalau kita lihat dalam surat khabar hari ini, rupanya terdapat lebih 200,000 mahasiswa di seluruh negara dan mereka ini adalah pewaris kepimpinan negara kita.

Dan, jika sekiranya mereka tidak dapat memahami aspirasi negara, bagaimana negara kita ini dipandu, dibimbing dengan dasar-dasar yang sedia ada ke arah membina negara ini sebagai mencapai status negara yang maju, saya amat khawatir bagaimanakah kita dapat membina negara ini untuk mencapai cita-cita negara kita yang telah ditentukan Wawasan 2020.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya beralih ke Butiran 060400 – Pengurusan Kemasukan Pelajar ke IPTA. Perkara yang telah disebut oleh Menteri dalam penggulungan dalam peringkat dasar iaitu soal meritokrasi dan dalam jawapan Yang Berhormat Menteri di Dewan Negara semalam, beliau juga telah menyatakan bahawa

mulai tahun depan soal meritokrasi ini akan diteruskan khusus untuk tujuan yang baik, iaitu untuk memastikan yang negara kita menjadi negara pusat kecemerlangan pendidikan.

Dalam peringkat dasar, saya telah menyatakan bahawa soal meritokrasi ini perlu kita lihat pelbagai kemudahan prasarana di luar bandar. Beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal ini. Dan, apabila Yang Berhormat Menteri menjawab dalam penggulungan peringkat dasar, Yang Berhormat Menteri pula tidak memperincikan bagaimana kita menangani kekurangan prasarana di luar bandar yang akan mengakibatkan pencapaian dalam peperiksaan itu menurun ataupun rendah berbanding dengan yang di bandar. Saya mohon pihak kementerian mengelaskan perkara ini, bagaimana kita dapat mengambil kira apabila kita mengambil para pelajar masuk ke institusi pengajian tinggi mulai pada tahun lepas.

Dan, selain daripada itu, saya telah berbincang dengan beberapa profesor di Universiti Malaysia Sabah dan mereka mengatakan bahawa dalam pengamatan mereka, pelajar atau mahasiswa yang ada di universiti sekarang ini sebenarnya begitu lemah *foundation* mereka, ataupun kalau dikira betul, mereka sebenarnya tidak layak berada di universiti, jika kita lihat dari segi asas pendidikan mereka.

Dan, salah satu pengamatan dibuat oleh Profesor ini, beliau mengatakan bahawa ini adalah disebabkan sebahagian besar mahasiswa daripada luar bandar telah tidak dapat mendapat peluang untuk belajar di peringkat tadika. Dan, sebahagian besar sekolah-sekolah di luar bandar kita tidak mempunyai tadika dan sebagainya. Dan, selagi soal asas ataupun *education foundation* ini tidak diberi penekanan dan tidak ditangani oleh pihak kementerian, saya fikir soal untuk para pelajar daripada luar bandar ini untuk bersaing dengan para pelajar di kawasan bandar, saya ingat ini akan mengambil masa. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan, pihak kementerian mengambil iktibar untuk memastikan supaya pelajar-pelajar luar bandar ini akan mendapat pendidikan di peringkat tadika.

Selain daripada itu, di peringkat sekolah rendah juga perlu para pelajar kita ini ditekan soal-soal kecemerlangan. Dalam soal ini, Tuan Pengerusi, peranan guru-guru adalah amat penting di luar bandar, oleh kerana sebahagian besar daripada ibu bapa tidak dapat menumpukan perhatian yang sepenuhnya terhadap pendidikan anak-anak mereka sebab mereka ini menyara hidup dengan begitu susah dan sebagainya dan apatah lagi untuk memikirkan soal pendidikan anak-anak di sekolah. Oleh sebab itu, penekanan tentang peranan guru-guru luar bandar di sekolah rendah harus diambil

perhatian, khususnya komitmen guru-guru dan juga prasarana dan sebagainya di luar bandar.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya beralih ke Butiran 060500 – Kebajikan Pelajar Luar Negara. Tuan Pengerusi, mahasiswa kita di luar negara ini bukan semuanya mendapat bantuan ataupun biasiswa ataupun pinjaman daripada kerajaan. Ramai juga para pelajar kita yang menuntut di luar negara dengan wang sendiri. Beberapa pelajar kita yang belajar di Indonesia - dan saya pernah membangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia ini pada awal tahun ini - dan kita meminta supaya pihak kementerian dan kerajaan juga mengambil iktibar tentang kebajikan pelajar-pelajar yang tidak diberi bantuan biasiswa ini. Jadi, sudahlah mereka ini tidak diberi biasiswa, tidak diberi pinjaman dan sebagainya, termasuk soal kebajikan. Kadang-kadang dia bagi

Saya bagi satu contoh seorang pelajar daripada sebuah institusi pengajian tinggi di Samarang, Indonesia pada akhir tahun lepas telah meninggal dunia oleh kerana ditimpa kemalangan jalan raya. Mahasiswa yang lain telah meminta bantuan daripada kedutaan kita di Jakarta, pihak kedutaan telah tidak dapat memberi bantuan kewangan sebab sememangnya kedutaan kita bukannya satu badan kebajikan untuk mengeluarkan kewangan. Akhirnya pihak universiti telah mengeluarkan kewangan untuk menghantar mayat daripada Jakarta ke Kota Kinabalu, Sabah dan akhirnya ke Kudat. Dan, akhirnya pihak ibu bapanya juga, sampai hari ini masih membayar kos menghantar mayat iaitu sebanyak RM20,000. Anak sudah meninggal, ibu bapa masih lagi membayar sampai sekarang.

Keadaan-keadaan seperti ini, Tuan Pengerusi, harus kita ambil iktibar. Dan saya tidak pasti sama ada pihak Kementerian Pendidikan mengambil kira ini ataupun dalam bidang kuasa pihak Kementerian Pendidikan atau adakah pihak kementerian berbincang dengan kedutaan kita di luar negara bagaimana kita menangani, bagaimana kita menjaga kebajikan mahasiswa kita yang menuntut di luar negara kita ini khususnya mereka yang tidak mempunyai bantuan dan biasiswa kerajaan.

Saya fikir itu sahaja, Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat, tujuh orang, yang mana satu ya. Pilihlah salah satu daripada Yang Berhormat, ya. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi pilihlah salah satu.

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya yang pilih, baiklah. Kuala Terengganu yang mula-mula bangun tadi.

**12.45 tgh.**

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin juga turut memperkatakan tentang Kementerian Pendidikan ini.

Yang pertama tentang di bawah Butiran 020300 iaitu Pendidikan Rendah. Sebagaimana yang telah dimaklumi bahawa dalam konteks pendidikan rendah ini memanglah satu yang teramat penting dari segi pembangunan dan juga pembesaran anak-anak kita yang memasuki pendidikan rendah. Apa yang agak menarik, Tuan Pengerusi, di dalam konteks pendidikan rendah ini, negeri Terengganu dan Kelantan dalam keputusan UPSR merupakan negeri yang terbaik di seluruh Malaysia.

Negerinya miskin tetapi rakyatnya kaya dan mempunyai jiwa yang besar tentang ilmu ini sendiri, *alhamdulillah*. Walaupun negeri Terengganu dan Kelantan dianggap sebagai negeri yang mundur, rakyatnya dianggap sebagai rakyat yang terkebelakang, tetapi dari sudut pendidikan mereka telah berjaya membuktikan walau apa pun kekurangan yang ada, walau apa pun tekanan-tekanan yang diberikan kepada kedua-dua negeri ini, rakyatnya adalah merupakan rakyat yang mempunyai potensi bijak pandai dalam konteks pembangunan manusia di negara kita.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada 020400 iaitu Pendidikan Menengah. Terlalu banyak telah pun diperkatakan tentang projek-projek untuk membuat ataupun kegagalan mengadakan *computer lab*, dengan izin, di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia. Menurut Timbalan Menteri Pendidikan, lebih daripada 2400 pusat-pusat komputer di seluruh negara, yang hanya dapat siap terbina sehingga kini hanya lebih kurang 20%. Ini merupakan suatu yang amat menyedihkan kita kerana pusat-pusat komputer ini adalah begitu penting dan kegagalan kontraktor-kontraktor untuk menyiapkan ataupun membina pusat-pusat komputer ini sudah barang tentu akan membantut pembangunan dan pengembangan pelajar-pelajar untuk mendalami dan juga memahami dengan lebih baik dari segi penggunaan ataupun IT yang sering kita sebutkan di negara kita.

Apa yang berlaku, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, yang pertamanya, kontraktor-kontraktor yang diberikan projek ini. Siapakah kontraktor-kontraktor ini ataupun konsortium-konsortium yang diberikan projek ini? Yang keduanya, apakah kementerian tidak menyedari bahawa kebanyakan daripada kontraktor yang diberikan projek-projek ini mempunyai perkaitan ataupun mempunyai pertalian politik dengan parti pemerintah? Ini satu yang perlu diperjelaskan oleh pihak

kementerian. Dan yang ketiganya, kebanyakan kontrak yang diberikan kepada kontraktor-kontraktor ini, dengan izin, saya baca apa yang disebut dalam *The Sun*: “*The contract was sold from hand to hand*”. Kontrak ini telah dijual, dijaja dari tangan ke tangan.

Saya memberi contoh kepada apa yang berlaku pada salah satu kontrak di negeri Terengganu yang telah saya sebut beberapa minggu yang lepas di mana kontrak yang diberikan kepada Wata Bina Sendirian Berhad di mana Ketua Pemuda UMNO Marang merupakan pemilik Wata Bina Sendirian Berhad untuk membina sebuah sekolah menengah di Setiu. Kontrak ini dijual terus kepada Ibai Bina dan Ketua Pemuda UMNO Marang mendapat untung tidak kurang daripada RM1.9 juta. Dijual kepada Ibai Bina, dia tidak buat projek tetapi dia mendapat projek dan dijual terus kepada Ibai Bina.

Dan inilah yang saya berkeyakinan besar berlaku kepada program-program ataupun kontrak-kontrak yang diberikan dalam pembinaan pusat-pusat komputer di seluruh negara ini yang hanya 20% sahaja yang berjaya disiapkan kerana projek ini, dengan izin, *was sold from hand to hand*. Mereka hanya mendapat untung atas angin daripada kontrak yang diberikan kepada orang-orang yang mempunyai kepentingan politik terutamanya yang mempunyai perkaitan rapat dengan pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional.

Bagi saya, ini adalah suatu pengkhianatan yang besar yang dilakukan oleh beberapa kalangan pemimpin-pemimpin UMNO yang mengambil peluang daripada keprihatinan rakyat sekarang ini yang mahukan kepada suatu bentuk pendidikan yang lebih baik. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian dalam soal ini.

Yang ketiga Tuan Pengerusi, saya ingin juga membahaskan ataupun memperkatakan tentang projek dalam konteks pendidikan tinggi terutamanya 27000 di UUM dan 32000 di UiTM. Apa yang berlaku di kedua-dua pusat pengajian tinggi ini, kita dapat melihat bagaimana penglibatan politik oleh beberapa kalangan pimpinan di pusat-pusat pengajian tinggi ini. Di UiTM, Naib Canselornya sendiri adalah merupakan orang yang mempunyai kaitan ataupun mempunyai penglibatan politik yang begitu tinggi. Begitu juga di UUM. Walau apa pun diperkatakan untuk meletakkan pusat pengajian tinggi ini bebas daripada politik tetapi sebenarnya mereka ini mempunyai perkaitan ataupun melaksanakan tugas-tugas ataupun bermain politik di kampus ini sendiri.

Saya ingin memberi contoh di UiTM. Namanya Doktor Ibrahim Abu Shah. Dia merupakan bukan sahaja seorang *academia* tetapi merupakan seorang aktivis politik

UMNO dan Barisan Nasional. Dia merupakan salah seorang pimpinan alumni UMNO yang pulang dari Amerika Syarikat ataupun United Kingdom dan sehingga sekarang masih terlibat dengan alumni UMNO.

Begitu juga di UUM, Profesor Fauzi Basri - Saya kenal dengan beliau - merupakan seorang aktivis UMNO, pulang dan cuba melaksanakan tindak-tanduk beliau ke atas universiti itu sendiri dan ini merosakkan suasana pendidikan, suasana atau *environment* akademik yang berlaku di pusat-pusat pengajian tinggi ini. Di UUM, sebagai contohnya, pelajar-pelajar dilabelkan sebagai pelajar yang ekstremis. Pensyarah-pensyarah yang tidak sehaluan dilabelkan sebagai pensyarah-pensyarah yang radikal dan ekstremis. Mereka dikenakan pelbagai tindakan. Mereka dikenakan pelbagai ugutan oleh Profesor Fauzi Basri ini sendiri.

Saya pernah terlibat dengan beliau semasa di United Kingdom. Beliau seorang aktivis UMNO. Beliau seorang yang begitu kuat dan aktif di dalam UMNO semasa di United Kingdom dan apabila beliau pulang ke Malaysia ini, sehingga sekarang Profesor Fauzi Basri ini juga merupakan salah seorang yang mengendalikan program-program kursus untuk UMNO di seluruh Malaysia.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pendidikan. Kaulah Profesor Fauzi Basri ini boleh dibenarkan bebas bergiat dengan program-program UMNO, mengisi program-program UMNO di seluruh Malaysia, apakah kementerian juga mahu membenarkan pensyarah-pensyarah yang lain untuk sama terlibat dalam program-program pengisian kepada parti-parti politik yang ada di negara kita, sama ada kerajaan ataupun parti politik pembangkang ini sendiri?

Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada kementerian, penglibatan Profesor Fauzi Basri ini, apakah mendapat *green light* daripada kementerian? Dan ini merupakan polisi membenarkan mana-mana pensyarah untuk memberikan "khidmat mereka", dengan izin, kepada UMNO tetapi tidak mendapat ataupun tidak diberikan sebarang kebenaran untuk pensyarah-pensyarah terlibat dengan mana-mana aktiviti parti-parti politik yang dianggap sebagai parti politik pembangkang.

Begitu juga dengan Doktor Ibrahim Abu Shah dari UiTM. Beliau begitu lantang menyekat aktiviti pelajar. Beliau begitu lantang menyekat aktiviti pensyarah-pensyarah di UiTM, tetapi beliau juga merupakan salah seorang aktivis UMNO yang memberikan kebenaran kepada pelajar-pelajar yang mirip kepada UMNO untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya dan beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan beberapa kalangan pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional.

Saya menganggap tindakan kedua-dua orang pimpinan pusat pengajian tinggi ini sebagai suatu yang tidak bertanggungjawab. Apa yang ada pada mereka adalah kepentingan politik. Apa yang ada pada mereka adalah semata-mata untuk meraut daripada kedudukan yang ada pada mereka ini untuk mendapat tempat di dalam kepimpinan politik UMNO dan Barisan Nasional.

**Tuan Pengerusi:** Masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah cukup. Sudah 10 minit Yang Berhormat.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Ya, saya ingin merumuskan. Tuan Pengerusi, inilah yang sedang berlaku di pusat-pusat pengajian tinggi di negara kita sekarang ini. Soal pendemokrasian di kalangan mahasiswa dan pensyarah sekarang ini seolah-olah tidak wujud langsung.

Apa yang berlaku dalam pilihan raya mahasiswa dalam sehari dua ini, amat memalukan masyarakat kampus sendiri. Di kalangan pensyarah-pensyarah, rakan-rakan saya di Universiti Malaya menceritakan bagaimana cara kuku besi dilaksanakan di Universiti Malaya ataupun di seluruh pusat-pusat pengajian tinggi sekarang ini. Pelajar-pelajar tidak lagi dibenarkan berkempen secara terbuka. Pelajar-pelajar tidak lagi dibenarkan untuk menyiarkan risalah-risalah mereka secara terbuka, seolah-olah mereka dikongkong sepenuhnya dan anggapan bahawa dengan kongkongan ini, mereka ataupun pelajar-pelajar yang ditaja oleh kerajaan boleh menang, terbukti tidak berjaya juga.

Keputusan pilihan raya hari ini menunjukkan, walaupun kita tidak terlibat, pembangkang tidak terlibat di kampus, tidak masuk ke kampus....

**Tuan Pengerusi:** Cukup Yang Berhormat.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** ....Tetapi kita ataupun pelajar-pelajar yang tidak bersama-sama dengan aspirasi UMNO dan Barisan Nasional kalah teruk di kebanyakan pusat-pusat pengajian tinggi awam di negara kita dengan keputusan pada hari ini. Ini membuktikan bahawa ....

**Tuan Pengerusi:** Ya, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Ini membuktikan bahawa mahasiswa tidak terikat dengan segala peruntukan ataupun segala sekatan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional yang mempunyai kepentingan. *Wallahu'alam.*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Batang Lupar.

**12.58 tgh.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucap tahniah kepada Doktor Ibrahim Abu Shah dan Profesor Fauzi kerana boleh melihat di antara sekam dan kelabu itu, ada kegelitaan ataupun sinaran yang terserlah.

Tuan Pengerusi, saya tidak ingin cerita politik kerana saya tidak bersetuju menghalalkan politik di kampus sebab saya percaya pelajar-pelajar di universiti perlu belajar, bukan untuk berpolitik.

Saya juga rasa sedih macam Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu yang politik itu begitu diketengahkan sangat di universiti-universiti sampai *pamphlet* dan poster kempen besar-besar. Jadi, tindakan-tindakan oleh pihak universiti melarang perkara ini dibuat, saya ucapkan tahniah juga, terima kasih.

Saya berbalik kepada Butiran 02000 – Pendidikan Persekolahan Rendah dan Menengah. Saya ingin bertanya sahaja, Tuan Pengerusi. Persoalan digital divide yang telah kita bawa ke Parlimen ini banyak kali, tahun lepas sampai sekarang masih belum reda. Saya tidak hendak meredakan perkara ini. Terutama sekali persoalan sekolah-sekolah di luar bandar.

Sekolah-sekolah di luar bandar belum mempunyai *electricity* yang cukup, tidak mempunyai komputer, tidak mempunyai guru-guru mengajar komputer dan juga bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris adalah bahasa komputer, Tuan Pengerusi, kena diajar di luar bandar. Di bandar, saya tidak payah sebut kerana ibu bapa boleh mengambil tindakan yang khusus tetapi untuk di luar bandar, saya tidak percaya di luar bandar mempunyai prasarana ataupun kemudahan untuk mereka ini mendapat alternatif....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sambung sebelah petang ya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** .... Kepada sekolah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)

***mempengerusikan Mesyuarat]***

***Mesyuarat bersidang dalam Jawatankuasa***

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)

***mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Diminta Yang Berhormat bagi Batang Lupar menyambung ucapan. Silakan.

**2.32 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tidak ada politik, tidak ada polemik dan tidak ada retorik kepada butiran yang sama saya sebut tadi 02000 - Pendidikan Prasekolah, Rendah dan Menengah. *Digital divide* – persoalannya sekolah di luar bandar. Apakah tindakan khusus untuk mencapai matlamat supaya di luar bandar mencukupi, tiap-tiap sekolah diberi bekalan elektrik, diberi bekalan komputer, diberi pengajar guru komputer dan diberi pengajar bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris adalah bahasa komputer dan bahasa yang boleh dikatakan lingua franca komputer seluruh dunia.

Jadi, di luar bandarlah aksi dan reaksi dan misi kita mesti ditumpukan. Kalah luar bandar kalahlah masyarakat kita. *Digital divide* akan memecahkan bukan sahaja daripada segi pendidikan tetapi juga daripada segi etnik, bangsa dan keseluruhan masyarakat Malaysia kerana kita di luar bandarlah orang Melayu orang bumiputera. Di luar bandarlah orang-orang kita bertapak. Di sanalah terletak politik kita. Politik yang dilandaskan dengan bumiputera akan kehilangan bijak pandai dan bijak komputer. Jadi, saya berharap bukan polemik dan politik yang saya main ini, tetapi kenyataan.

Masa saya tidak banyak Tuan Pengerusi. Berpindah saya ke Butiran 060000 - Pendidikan Tinggi. Satu persoalan saya hendak tanya - kawan saya dari Tambun tidak ada di sini, Pengerusi PTPTN. Pada masa sekarang dikhaskan untuk pelajar di dalam negara. Tadi ada Yang Berhormat daripada satu kawasan daripada Sabah menyebut bahawa keadaan pelajar kita di luar negara amat tertekan. Jadi, tidak berapa bulan lepas saya berjumpa dengan 120 orang pelajar daripada UiTM hendak pergi ke Germany, ke Amerika, ke Eropah, London dan sebagainya. Semua mereka ini perlukan bantuan daripada kerajaan. Saya mencadangkan supaya PTPTN ini juga dibuka kepada pelajar-pelajar yang hendak belajar ke luar negara. Anak jiran saya, Lipis

hendak belajar *electrical engineering* hendak pergi ke luar negara, kalau tidak ada biasiswa daripada kerajaan, poket kurang ada duit, PTPTN lah sahaja tempat dipinta. Kalau tidak ada dibuka, Tuan Pengerusi, saya berasa sedih. Ini mungkin akan mengecewakan.

Dalam konteks yang sama, saya berpindah ke soalan yang current diperbincangkan sekarang CLP. Sejarah CLP atau *Certificate of Legal Practice* saya tahu betul soalnya, bahkan pengarah lembaga ini pun kawan seuniversiti saya, Khalid yang sekarang digantung kerjakah, saya tidak tahu. Tetapi persoalan CLP ini adalah cerita ad hoc yang kita buat pada tahun 1983. Pada tahun 1981, dekan daripada Universiti Malaya dihantar ke England oleh kerana Council of Legal Education di London telah membataskan orang yang berkelulusan kurang daripada *Second Class Honours* tidak boleh dimasukkan ke *Council of Legal Education* untuk mempelajari *The Degree of Utter Barrister* ataupun *Bar-at-law* yang diperkenalkan kerana berkehendak peringkat yang tertentu. Jadi, diwujudkan CLP secara ringkas dan dekan ini untuk belajar sistem memperkenalkan CLP di Malaysia untuk menerima lepasan universiti kelulusan undang-undang di negara ini yang belajar di England pada ketika itu. Jadi, hinggalah sekarang ini nampaknya perkara ini masih dalam keadaan anak buah kepada Universiti Malaya.

Saya bersetuju sangat kalau kita wujudkan satu institusi baru kalau sistem CLP ini hendak kita wujudkan. Sebagai satu universiti yang mengendalikan soalan CLP ini mungkin di bawah nama lain sebagaimana di England ataupun Commonwealth Countries dulu disebut *A Degree of Utter Barrister* atau dulu dikenali sebagai *Bar-at-law* ataupun *final examination*. Apabila dipakai di negara ini digunakan CLP, mungkin kita patut wujudkan satu institusi pendidikan yang tinggi untuk mengendalikan mereka ini, diwujudkan supaya institusi ini mengkaji akademi undang-undang yang mengendalikan persoalan ini di bawah pentadbiran mereka sendiri dijaga oleh mereka sendiri. Jadi, tidak lagi menjadi anak buah atau anak tiri universiti tertentu. Saya harap kerajaan melihat perkara ini supaya kita boleh memperkemas lagi pentadbiran dan pengawalannya.

Tuan Pengerusi, saya berpindah kepada 0900 - Pendidikan Islam dan Moral. Pada masa sekarang anak-anak Islam diajar belajar Islam, pelajaran Islam, pendidikan Islam, mengaji dan sembahyang, kalimah syahadah dan sebagainya. Tetapi yang bukan Islam diajar ilmu moral sampai peringkat yang tertentu. Nampaknya orang yang mendapat pendidikan Moral lebih bermoral daripada orang yang mendapat pendidikan Islam. Kita bimbang inilah mengapa kalau kita lihat anak-anak Melayulah yang banyak

terlibat dengan jenayah, dengan dadah dan sebagainya. Saya bukannya membuat satu kepastian, ini adalah satu kemungkinan. Jadi, dalam keadaan sedemikian saya mencadangkan supaya pelajaran Islam ini tidak diajar secara *ritual* sahaja, yakni kalau sembahyang, sembahyang sahaja, mengaji, membaca al-Quran sahaja tidak mengetahui apakah hikmat dan nikmat di sebalik pengajaran dan amalan yang kita buat dalam Islam itu sendiri. Jadi, dengan sendirinya *ritual* diajar tetapi moral di sebalik amalan dan pengajaran yang anak kita terima tidak mempunyai pengajaran yang tertentu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi, akan gulung selepas ini Tuan Pengerusi, tetapi biarlah saya menghabiskan soalan Islam dan pengajaran di sekolah ini dulu. Yakni ada guru-guru yang datang, ustazah-ustazah, ustaz-ustaz di Sarawak umpamanya yang mengajar, kalau tidak pakai tudung masuk neraka. Anak saya balik ke rumah, "Abah macam mana ini kalau tidak pakai tudung masuk neraka ini." Jadi, ustaz itu sahaja yang saya dengar. Orang Islam ini kalau salah buat sikit masuk neraka, salah sikit masuk neraka. Macam mana tarikan kepada Islam ini. Yang lain tidak ada, memang tidak ada yang baik. Tuhan itu tidak ada kerja lain hendak marah sahaja dengan orang. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim* pun sudah tidak ada makna lagi. Mana yang pengasih, mana yang penyayang tidak ada lagi dalam Islam.

Jadi, orang-orang ini ada hubung kait dengan parti-parti yang tertentu. Jadi, ini kena kita memperbaiki dan kita membetulkan di peringkat sekolah dan peringkat maktab perguruan supaya jangan anak-anak kita ini soal Islam jangan didengar budak-budak Islam sahaja bahkan orang bukan Islam pun dengar Islam ini tidak ada benda lain kebanyakannya masuk neraka semua.

Lagi Tuan Pengerusi, saya hendak gulung dari tadi sampai ke sini kena gulung semua saya bersetuju dengan Tuan Pengerusi itu. Kena gulung, yang pertama *digital divide* kena jauh daripada masyarakat Melayu daripada masyarakat bumiputera di luar bandar. Kita kena memperbaiki *electricity*, komputer, bahasa Inggeris di luar bandar. Jangan hantar komputer kalau tidak ada *maintenance*. Nanti tiga bulan rosak selepas itu tidak guna lagi. Nama komputer ada tetapi pelajar tidak ada. Jadi, yang PTPTN itu kita kena juga lihat orang macam kawan saya dari Kuala Lipis anak dia hendak pergi sekolah ke luar negara itu kena bantu juga. Tolong lihat juga PTPTN ini kena ubah sikit, perubahan mesti kena buat. Tambah duit sikit. Asas pendidikan adalah asas

semuanya. CLP buat akademi ataupun institusi yang baru untuk mengendalikan CLP. Jangan di bawah satu orang manusia sahaja supaya jangan kecaciran ini pun, kerana martabat perundangan ini amat tinggi. Ini mencerminkan semuanya kebaikan dalam negara ini. Oleh kerana soalan *judiciary* adalah salah satu daripada undang-undang dan pendidikan Islam dilihat bukan sebagai ritual, tetapi satu pengajian ilmiah yang kita tahu, jangan diajar dalam bahasa Arab tidak ada terjemah dalam bahasa Melayu dan jawi yang kita tidak fahami.

Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kota Melaka.

**2.42 ptg.**

**Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 – Pendidikan Prasekolah, Rendah dan Menengah.

Tuan Pengerusi, ekoran pengumuman keputusan UPSR tahun ini, terdapat aduan daripada guru besar dan juga ibu bapa yang mengatakan bahawa terdapatnya dua perkara yang ganjil dalam keputusan untuk tahun ini. Yang pertama ialah bahawa terdapat murid-murid yang mendapat gred A dalam Bahasa Malaysia *essay paper* tetapi mereka gagal dapat E dalam Bahasa Malaysia *comprehension paper*. Yang kedua ialah bahawa walaupun ada murid-murid yang telah mencapai prestasi yang baik secara keseluruhannya tetapi mereka pula gagal dalam Chinese *comprehension paper*. Saya dapati daripada laporan akhbar sejumlah 200 murid di Negeri Sembilan telah juga membuat aduan dan perkara ini telah ditimbulkan oleh seorang wakil persatuan. Dan di Melaka juga melalui aduan secara terbuka kepada surat khabar, saya dapati dan saya telah kumpul apa yang telah saya baca sebanyak enam sekolah di mana murid-murid telah membuat aduan, sebenarnya bukan mereka tetapi guru besar sekolah itu telah mendedahkan bahawa ada murid-murid yang jatuh dalam dua golongan ini.

Dan sekolah di Melaka di mana aduan telah dibuat melalui surat khabar ialah Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Bertam Hulu. Ini semua berkenaan dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Kedua, Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Bacang. Yang ketiga Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Ting Meng. Keempat, Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Pei Fong II. Yang kelima, Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Keck Seng. Yang keenam, Sekolah Jenis Kebangsaan Pei Ji di Pulau Sebang. Ini semua terletak di dalam negeri Melaka. Jadi, saya minta supaya Jabatan atau Kementerian Pendidikan mengadakan satu siasatan yang penuh.

Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan Yang Berhormat bagi Seremban telah mengatakan bahawa murid-murid boleh buat rayuan, tetapi ini bukan satu tindakan yang mencukupi. Oleh kerana, kalau begitu ramai orang telah mengadu, kita kena siasat dengan betul-betul sama ada *examiners* adakah terpengaruh dengan apa-apa. Jadi, kita perlukan satu siasatan yang penuh dan saya harap bahawa selepas siasatan diadakan satu ruangan yang boleh dibuat secara terbuka supaya rakyat tahu apakah yang telah berlaku supaya *public confidence*, keyakinan dan rakyat akan boleh dapat dipulihkan terutama sekali selepas perkara CLP telah merosotkan lagi keyakinan ramai terhadap sistem peperiksaan di dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang saya ingin membawa di sini ialah berkenaan dengan sekolah wawasan. Selepas pilihan raya kecil Lunas, kerajaan telah membuat satu pengumuman bahawa mereka tidak akan memaksa sekolah-sekolah Cina yang tidak menerima konsep ini, sebenarnya MCA pun telah mengatakan bahawa kerajaan akan mematuhi hasrat mereka yang tidak ingin mengambil bahagian dalam konsep ini dan mereka tidak akan memaksa pun sekolah-sekolah untuk mencampuri konsep ini, tetapi kerajaan akan meneruskan dengan dua buah sekolah sebagai *test case* untuk membuktikan bahawa konsep ini adalah baik.

Dan ini telah dilaporkan di dalam surat khabar pada 2 Disember tahun lalu selepas pilihan raya kecil Lunas. Saya tahu bahawa sekarang ini Barisan Nasional begitu yakin terutama sekali selepas kejadian September 11, tetapi ini tidak bermakna bahawa kerajaan boleh memungkirkan janjinya, dan saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, adakah benar bahawa kerajaan telah dengan secara sembunyi, diam-diam telah membina sebanyak tujuh buah sekolah wawasan.

Saya telah mendapat maklum balas walaupun hari ini saya tidak boleh bawa gambar di sini, bahawa sebanyak tujuh buah sekolah wawasan sedang dibina di mana papan tanda telah didirikan dengan perkataan 'sekolah wawasan' atau sekolah (wawasan) dan juga dengan perkataan 'sekolah bersepadu'. Ini semua sebenarnya adalah konsep sekolah wawasan dan saya percaya bahawa apabila perkataan 'sekolah wawasan' digunakan ataupun sekolah patut digunakan memang itu ialah sekolah wawasan yang sentiasa dikatakan oleh kerajaan, dan kalau ini telah dibuat secara senyap-senyap, saya rasa ini adalah satu tindakan yang mestilah diberhentikan segera, sebab ini adalah satu perkara yang begitu serius dan sebenarnya menjadi faktor utama di mana Kerajaan Barisan Nasional telah kalah dalam Pilihanraya Umum Lunas. Tetapi

yang mustahak sekali ialah bahawa sekiranya janji telah dibuat oleh MCA bagi pihak kerajaan bahawa tidak ada mana-mana sekolah yang akan dipaksa untuk mengambil bahagian di dalam konsep ini dan tiada sekolah baru yang akan dibina kecuali dua buah sekolah, kalau saya baca di sini, dua buah sekolah itu ialah Subang Jaya dan Johor Jaya sahaja.

Jadi, kalau betul, kita akan tunjuk gambar apabila saya dapat gambar itu, bila sekolah itu telah dibuat, saya harap satu penjelasan yang memuaskan akan diberikan di dalam Dewan ini dan apakah sebabnya kerajaan telah membuat demikian. Harus diingati bahawa konsep ini adalah satu konsep yang telah ditentang kuat sekali oleh komuniti Cina yang merasakan bahawa konsep ini akan mengancam ciri-ciri sekolah jenis kebangsaan Cina. Jadi, saya harap bahawa perkara yang sensitif ini tidak akan dibiarkan begitu sahaja dan Yang Berhormat Menteri dan Setiausaha Parlimen akan memberikan satu jawapan yang memuaskan dalam Parlimen ini.

Perkara yang akhir sekali yang saya hendak bawa ialah berkenaan dengan pendidikan tinggi iaitu saya merujuk kepada Butiran 060000 – Pendidikan Tinggi.

Tuan Pengerusi, saya juga pernah mendapat aduan dan juga membaca dalam laporan akhbar bahawa persatuan mahasiswa di beberapa buah universiti telah menghadapi masalah apabila mereka ingin menganjurkan aktiviti seperti Pesta Tanglung Universiti Malaya dan di Universiti Sains Malaysia, Persatuan Tionghoa, *Chinese Language Society*, apabila mereka mengambil bahagian dalam pertandingan perbahasan juga menghadapi halangan daripada pihak universiti dan Universiti Teknologi Malaysia apabila murid-murid atau mahasiswa hendak menganjurkan kalau saya tidak silap pameran tahun baru Cina juga mereka menghadapi tekanan dan halangan.

Jadi, walaupun sentiasa kita bawa perkara dalam Parlimen ini memang kerajaan ada jawapan, tetapi saya rasa jawapan yang diberikan itu kadang-kadang tidak mencerminkan kenyataan yang sebenar. Tetapi apa yang mustahak sekali ialah mengapa sentiasa sahaja mahasiswa sekarang ini terpaksa menghadapi begitu tekanan dan halangan apabila mereka hendak menganjurkan aktiviti yang sebenarnya adalah baik untuk kepentingan mereka, walaupun seruan telah dibuat untuk kerajaan untuk meminda AUKU tetapi memang saya tahulah pihak Barisan Nasional tidak akan membuat demikian, tetapi jangan kita mentafsirkan akta ini dengan begitu sempit dan menyekat perkembangan akademi dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin melahirkan satu perkara yang saya rasa tidak memuaskan, saya rasa ialah bahawa dahulu saya sentiasa dengar bahawa kerajaan tidak menggalakkan pensyarah melibatkan diri dalam politik, tetapi sekarang saya baca dalam jawapannya yang diberikan kepada saya di dalam surat khabar juga bahawa ada pensyarah dikenakan tindakan oleh kerana mereka melakukan aktiviti anti kerajaan, bukan oleh kerana mereka melibatkan dalam aktiviti politik.

Saya rasa ini adalah tidak sihat dan tidak betul, oleh kerana kalau rakyat biasa bila mereka baca laporan ini, mereka anggap bahawa orang-orang ini semua anti kerajaan itu salah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya habiskan, nanti sekejap. Tetapi yang mustahak kalau mereka katalah mereka diberhentikan, dikenakan tindakan disiplin oleh kerana mereka melanggar disiplin, kalau disiplin itu mengikut peraturan yang telah di tetapkan, disiapkan oleh kerajaan, itu lain perkara, jangan kata bahawa mereka anti kerajaan. Saya anti kerajaan atau tidak, sebagai pembangkang? Boleh saya ditangkap oleh kerana saya membangkang kerajaan, memang saya bangkang kerajaan. Apakah perbezaannya di antara bangkang kerajaan dengan anti kerajaan.

Saya hendak tahu, kalau mereka langgar disiplin, peraturan, katalah mereka langgar disiplin, perkhidmatan yang mereka telahersetujui, jangan kata mereka telah diberhentikan oleh kerana mereka adalah anti kerajaan.

Jadi, macam mana kita hendak didik orang Malaysia apakah yang betul. Saya rasa bangkang kerajaan tidak ada salah. Kalau Yang Berhormat janji hendak jawab ya, sila sebut, apakah perbezaan di antara anti kerajaan dan juga bangkang kerajaan. Itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya beri Selangau.

**2.47 ptg.**

**Tuan Jospeh Mauh anak Ikeh [Selangau]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya hanya ingin mengemukakan beberapa perkara sahaja dengan secara ringkas iaitu lima perkara berkenaan dengan B.26, Kementerian Pendidikan di bawah Butiran 00100 - Pendidikan Rendah dan 00200 - Pendidikan Menengah, kemudian Butiran 03500 – Ubasuai dan Naik Taraf, 03506 – Program Pembangunan Luar Bandar Sabah dan

Sarawak dan yang akhir sekali berkenaan dengan 04500 - Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

Pertamanya, saya ingin menyentuh berkenaan dengan kemudahan yang berkurang iaitu rumah guru di negeri Sarawak. Mengikut maklumat tentang keperluan rumah guru di Sarawak iaitu keperluan rumah guru amat mendesak, sama ada di luar bandar atau di bandar, misalnya di kawasan luar bandar di Kapit, kebanyakan guru oleh sebab tidak cukup rumah guru terpaksa untuk mencari rumah sewa, tetapi maklumlah Kapit sebuah daerah atau bahagian atau bandar yang kecil dan untuk menyewa rumah pun susah dan juga di Miri, Bintulu. Jadi, minta rancangan Kementerian Pendidikan membina banyak rumah guru mengikut rumusan maklumat tentang keperluan rumah guru di sekolah-sekolah di Sarawak seperti pada 29 Februari 2000, misalnya bagi sekolah rendah, jumlah guru - 15,876, tetapi bukan guru atau staf – 2,754.

Jadi, rumah guru yang sedia ada sekarang hanya 3,288. Dan rumah guru yang diperlukan kurang lebih 4,892. Ini bagi sekolah rendah. Bagi sekolah menengah pula, bilangan guru - 9,866, bukan guru atau staf - 2,373. Rumah guru yang sedia ada hanya 2,421. Yang masih diperlukan 3,126. Jumlahnya, rumah guru yang diperlukan bagi negeri Sarawak termasuk sekolah rendah dan sekolah menengah – 8,018 unit. Jadi, saya harap pihak Kementerian Pendidikan bagi tahun akan datang, dalam Rancangan Malaysia Kelapan dengan sedaya upayanya cuba membina rumah guru tidak kurang daripada 8,018 unit.

Yang kedua pula, berkenaan dengan kemudahan rumah guru yang tidak mendapat bekalan elektrik yang secara konsisten di mana mereka masih menggunakan gen-set bukan daripada SESCO. Mengikut maklumat ini 505 daripada 1,250 sekolah rendah yang tidak ada bekalan elektrik secara konsisten di mana tidak dapat di *supply* dengan elektrik daripada SESCO iaitu 40.5%. Begitu juga sembilan daripada 153 sekolah menengah yang tidak dapat elektrik awam, jadi 109 bermaknanya 5.9%, ini ada baik sedikit tetapi kita tidak berpuas hati sebab ini sekolah menengah dan kebanyakan mereka tidak dapat belajar komputer oleh sebab tidak ada api elektrik dengan secara konsisten.

Sekolah menengah dibekalkan jana kuasa daripada gen-set kebanyakannya ialah sekolah-sekolah yang di kawasan luar bandar, hanya beberapa sekolah sahaja yang berdekatan jalan atau Lebuhraya Persekutuan Sarawak yang telah dibekalkan dengan bekalan elektrik yang berterusan. Jadi, daripada itu juga kebanyakan sekolah

rendah di luar bandar daripada jumlah 1,250 sekolah rendah, 950 yang tidak ada bekalan telefon. Ini lebih teruk lagi di luar bandar

Saya ingin juga kemukakan sekolah-sekolah yang tidak ada bekalan air yang bersih di mana tidak ada menepati yang disalurkan daripada air terjun ataupun perigi atau sungai dengan dikatakan, dengan izin, hanya mendapat *gravity feed*, bukan daripada bekalan Lembaga Air, *water board*, dengan izin. 701 daripada 1,250 sekolah rendah bermakna yang 56% dan tiga buah sekolah menengah daripada 143, bermakna 1.9% sekolah menengah yang tidak mendapat bekalan air yang dirawat.

Begitu juga saya ingin mengemukakan berkenaan dengan masalah disiplin. Mengikut di sini punca-punca murid-murid itu disiplinnya kurang dikawal oleh guru-guru oleh kerana ramai bilangan murid-murid yang belajar, yang sekarang ada juga di bandar pertama kalinya ialah antara 45 hingga 50. Jadi, mengikut seorang guru yang agak pakar tentang cara psikologi murid-murid sebenarnya hanya 20 dan 25 orang murid-murid belajar, itu yang paling tepat sekali, yang senang lagi di kawal. Itulah punca mengapa sebab ramai daripada anak-anak kita pada hari ini masalah disiplin pelajar. Punca utama masalah disiplin pelajar ialah:

- (i) satu daripada pengaruh rakan sebaya;
- (ii) kelemahan institusi keluarga, ibu bapa *broken home* dengan izin;
- (iii) pengaruh alam persekitaran;
- (iv) pengaruh elektronik dan media cetak;
- (v) pencapaian akademik yang lemah; dan
- (vi) pegangan agama yang tidak kukuh.

Saya dengan ringkas sebut banyak ini, pada tahun 31 Januari, 1999 mengikut maklumat ini, daripada jumlah *enrolment* atau pelajar sekolah rendah 270,215 - tingkah laku jenayah bagi sekolah rendah 1,585 yang membuat itu, bagi sekolah menengah - 2,665 yang melakukan jenayah. Tingkah laku lucah pula bagi sekolah rendah - 214 orang, bermaknanya 0.8% dan bagi sekolah menengah - 636, bermakna 0.36%. Bagi tingkah laku kurang sopan, biadab bagi sekolah rendah di sini ialah 910 - 0.34%, bagi sekolah menengah 5,701 - 3.36%. Yang ponteng, bagi sekolah rendah 2,158 - 0.8% dan bagi sekolah menengah 16,761 orang. Yang lain-lain, bagi sekolah rendah buat biadab dan sebagainya 77 orang, bagi bagi sekolah menengah 996 orang. Ini daripada *enrolment* sekolah rendah - 270,215 dan bagi sekolah menengah daripada *enrolment* atau jumlah murid-murid 169,766 orang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung Yang Berhormat.

**Tuan Josphe Mauh anak Ikeh:** Yang kedua ini, saya ingin menyentuh perkara berkenaan dengan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Saya telah mengemukakan satu kes kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang seorang murid di mana dia belajar lebih kurang satu tahun setengah di Universiti Sarawak (UNIMAS) setakat ini belum terima bantuan daripada Tabung Pendidikan Nasional kita. Jadi, hanya satu kes saya telah dimaklumkan oleh para ibu bapa, ramai daripada bukan sahaja di Sarawak, Sabah dan di sini juga, kes kelewatan itu banyak berlaku. Saya minta Pengerusi Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini, Yang Berhormat bagi Tambun - tak datang, mintalah supaya tabung pendidikan ini dipercepat, oleh kerana kebanyakan anak-anak kita, lebih-lebih lagi bumiputera ini memerlukan tabung pinjaman ini dipercepat.

Selain daripada itu juga, saya ingin mengemukakan berkenaan dengan yang kurang guru bagi mata pelajaran, banyak di sini, Tuan Pengerusi, tetapi saya hanya mengemukakan beberapa perkara sahaja. Kedudukan guru siswazah terlatih pada tahun 2000 di sini yang diluluskan bagi negeri Sarawak 5,117 di isi pada 20 Januari 2000 hanya 3,600...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu panjang ceritanya Yang Berhormat, apa perkara yang hendak minta penjelasan, masa Yang Berhormat dah habis.

**Tuan Josphe Mauh anak Ikeh:** Apa?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Apa perkara yang hendak minta penjelasan?

**Tuan Josphe Mauh anak Ikeh:** Saya mintalah keterangan supaya Tuan Pengerusi tahu perkara ini, dan kedudukan sebenarnya di Sarawak memerlukan guru terlatih 2,050 sebab guru yang ramai adalah guru yang tak terlatih bagi negeri Sarawak. Juga bagi guru Bahasa Inggeris, Matematik banyak senarai sini yang saya perolehi dari Jabatan Pendidikan. Yang penting sekali di negeri Sarawak memerlukan lebih kurang 222 guru bahasa Inggeris. Oleh kerana kebanyakan di luar bandar saya telah melawat, ini hanya untuk contoh, guru besar ini kompelin kepada saya di mana ramai daripada keputusan UPSR yang kebanyakan murid-murid itu tidak lulus dalam bahasa Inggeris.

Bila saya pergi ke satu tempat, saya tengok *dairy* itu dia buat tiap-tiap hari...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat masa dah habis, masa dah habis.

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh:** Saya beri contoh ini, *I'm very sad* tengok. Dia cakap ini, dia tulis, *today was Monday*, saya tengok apa ini, sebenarnya *today is Monday*, tetapi dia buat *was*. Lagi satu, *yesterday he was made homework*, dia ada buat *double pasttense...*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat, masa sudah berlebihan banyak.

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh:** Bila saya tengok patutlah, bukan itu salah guru sebenarnya Tuan Pengerusi. Sebenarnya guru yang bukan mahir dalam Bahasa Inggeris untuk mengajar Bahasa Inggeris sebabnya tak cukup. Itulah laporan daripada saya, ini lebih dari 200 guru Bahasa Inggeris diperlukan bagi negeri Sarawak. Sekian sahaja, saya harap apa-apa yang saya hurai dapat dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kuala Selangor

**Tuan Mohamed Sayuti bin Said [Kuala Selangor]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat petang dan selamat sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi yang memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan B.26 dan B.27 Kementerian Pendidikan dalam Butiran 090000 – Pendidikan Islam dan Moral yang mana anggaran pada tahun ini hanya melebihi RM2 juta sahaja dan perlu di tokok tambahkan lagi mengenai Pendidikan Islam dan Moral.

Tuan Pengerusi, objektif bagi menentukan insan yang dilahirkan melalui sistem pendidikan kebangsaan lengkap berpengetahuan dan berilmu, beriman, beramal, bertakwa dan berakhlak mulia adalah satu tanggungjawab yang maha berat, namun sekiranya murid-murid telah ditentukan pengajaran bermula dari peringkat bawah, ianya akan terlatih dan kurikulum berteraskan kepada pendidikan Islam dapat di terima oleh mereka dan secara tidak langsung juga corak penghidupan seharian akan berinteraksi secara Islam.

Melalui asas-asas pendidikan Islam yang telah diterapkan, pelajar-pelajar akan dapat membuat penilaian ke atas gaya hidup serta bercorak aktiviti yang akan dilakukan dalam kehidupan seharian dan kelangsungan ini akan berterusan sehingga ianya bekerja dan berumah tangga serta dapat mendidik ke atas anak-anak, keluarga, masyarakat seterusnya negara. Bagi menjamin kesejahteraan dan keamanan ummah, hanya kepada pendidikan Islam serta kemantapan pendidikan moral sahaja yang dapat menjamin seseorang itu dapat melaksanakan tanggungjawab serta kepimpinan diri serta keluarganya.

Saya memohon mencadangkan agar Kementerian Pendidikan memperluas lagi aktiviti yang menjana kepada pendidikan Islam dan Moral kepada sekolah-sekolah yang berpotensi dan juga memohon agar diperluas lagi dan ditambah sekolah menengah kebangsaan agama SMKA selaras dengan agama Islam agama rasmi di negara kita yang menjadi tumpuan kepada penjaga-penjaga di hari ini kepada sekolah tersebut yang berkonsepkan kepada program pendidikan Islam dan Moral setiap daerah di seluruh negara. Saya juga memohon kuota kemasukan bagi penempatan belajar ke sekolah tersebut adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tempatan yang berkelayakan. Tuan Pengerusi saya menyokong di atas anggaran perbelanjaan bagi Kementerian Pendidikan melalui Pendidikan Islam dan Moral dilaksanakan pada tahun 2002.

Seterusnya saya ingin mengemukakan dalam Butiran 080000 - Pendidikan Khas dengan tambahan daripada tahun yang lalu hanya RM2 juta sahaja dan ini perlu juga untuk ditambahkan. Program Pendidikan Khas yang memfokuskan kepada murid-murid yang bermasalah pendengaran, masalah penglihatan, masalah pembelajaran, pemulihan khas adalah usaha murni selaras dengan falsafah pendidikan khas dan falsafah pendidikan kebangsaan. Saya memohon mencadangkan kepada pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan agar dapat menetapkan kuota kepada calon-calon pekerja sama ada untuk peringkat kementerian atau agensi-agensi kerajaan adalah terdiri daripada pelajar yang telah lulus melalui pendidikan khas agar diberikan peluang bekerja yang bersesuaian serta bertepatan dengan bidang kemahiran yang diperolehi melalui sekolah pendidikan khas.

Pihak kerajaan jarang memberikan peluang pekerjaan kepada guru golongan yang istimewa ataupun mereka yang cacat dan tanggungjawab sosial ini banyak di ambil oleh pihak swasta dan pihak kerajaan seolah-olah lepas tangan kepada tanggungjawab sosial serta kebajikan ke atas mereka yang terdiri daripada golongan istimewa, kurang upaya serta yang cacat.

Saya mohon mencadangkan agar Kementerian Pendidikan dapat membina satu penempatan khas sekolah pendidikan khas setiap daerah bagi menampung keperluan murid-murid terutama di luar bandar yang mengalami masalah pendidikan khas dapat belajar di daerah masing-masing bagi memudahkan ibu bapa, penjaga membuat lawatan di waktu lapang. Tuan Pengerusi, saya menyokong di atas anggaran perbelanjaan Kementerian Pendidikan melalui program khas untuk dilaksanakan pada tahun 2000 ini. Keprihatinan kepada pihak kerajaan kepada mereka yang kurang bernasib baik dapat dinikmati segala bentuk kemakmuran di negara kita.

Seterusnya saya ingin mengumpulkan dalam Butiran 020000 – Pendidikan Pra Sekolah, Rendah dan Menengah. Tuan Pengerusi, objektif ke atas aktiviti pendidikan prasekolah sebagai persediaan bagi pendidikan formal kepada murid-murid yang berumur di antara 4 hingga 6 tahun adalah langkah yang baik dan bijak terutama kepada penerima kemahiran menulis, membaca dan mengira serta mempraktikkan amalan nilai-nilai murni dan semangat sayangkan negara.

Saya memohon mencadangkan agar kokurikulum pendidikan kepada aktiviti pendidikan pra sekolah yang dikendalikan oleh swasta atau agensi kerajaan lain adalah melalui kokurikulum Kementerian Pendidikan sahaja dan tidak ada pelbagai kokurikulum lain yang diajarkan kepada murid pra sekolah serta tenaga pengajar guru yang mengajar kelas prasekolah dimestikan mendapat sijil kelayakan daripada Kementerian Pendidikan walaupun guru pengajar tersebut mengendalikan prasekolah swasta atau agensi kerajaan yang lain.

Juga bilangan murid di kelas-kelas prasekolah di Kementerian Pendidikan perlu diperluas ke atas jumlah bilangan murid bagi memberikan peluang kepada ibu bapa yang inginkan anak-anak mereka melalui pendidikan prasekolah yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan. Ianya sebagai langkah kawalan kepada bentuk pendidikan prasekolah tidak dapat pelbagai kokurikulum yang diajarkan kepada terutama prasekolah yang dikendalikan pertubuhan dan juga prasekolah yang dikendalikan oleh pihak swasta. Tuan Pengerusi, saya menyokong di atas anggaran perbelanjaan untuk Kementerian Pendidikan melalui Pendidikan prasekolah dan dilaksanakan pada tahun 2002 dengan ditambahkan peruntukan lagi. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Seorang sahaja lagi sepatutnya, itu pun saya sudah bagi lebih, Yang Berhormat. Saya ingat selepas Parit Buntar, minta Menteri menjawab.

**Seorang Ahli:** Ini tidak boleh?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini pun lebih dah. Sila, sila, sila.

**Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali:** RM15 bilion perbelanjaan ini, jadi kita kena.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Serupa yang lain juga, serupa yang lain juga.

**Seorang Ahli:** 5 minit sahaja, 5 minit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kalau setuju 5 minit, 5 minit tidak apalah, saya bolehlah fikirkan.

**Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali:** Saya 10 minitlah, yang lain 5 minit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, tidak boleh, tidak bolehlah begitu [*Ketawa*] Ha, sila, sila. Sila, Parit Buntar.

**Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali [Parit Buntar]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 020000 – Pendidikan Pra-Sekolah, Rendah dan Menengah, iaitu isu mengenai kekurangan pelajar Aliran Sains. Isu ini sebenarnya Tuan Pengerusi, telah dibincang sekian lamanya sejak kita awal-awal dahulu, pertengahan tahun 70-an, 80-an dan perkara ini dibincangkan lebih kerap lagi pada tahun 90-an dan khususnya tahun kita menghadapi abad baru ini iaitu untuk memperbanyakkan bilangan pelajar daripada Aliran Sastera sekarang ini menjurus kepada Aliran Sains. Apa yang berlaku Tuan Pengerusi, ialah kita lihat sekarang ini bilangan pelajar Sains dan Teknikal hanya 25.7% sahaja daripada jumlah semua pelajar yang sedang belajar. Sasaran nisbah pada Rancangan Malaysia Ketujuh, Tuan Pengerusi ialah 60% untuk Sains, 40% untuk Sastera.

Sekarang ini yang mampu dicapai hanya 26:74 - 26 Sains, 74 Sastera, berkurang, Sains sebanyak 34%. Kekurangan ini sangat-sangat dirasakan terutamanya masyarakat luar bandar dan saya mewakili Parit Buntar yang kebanyakannya masyarakatnya luar bandar sudah tentulah memikirkan perkara ini dengan fikiran yang sangat-sangat masak untuk mencari jalan bagaimana kementerian dapat menyelesaikan masalah dalam mana anak-anak bumiputera khususnya yang tinggal di luar bandar adalah merupakan golongan yang didapati kurang tertarik, kurang minat atas beberapa sebab untuk menyertai kelas-kelas Sains.

Kesan daripada ini Tuan Pengerusi, tidak lain dan tidak bukan, bila kita membangun nanti dan sedang membangun sekarang ini dengan k-ekonominya, dengan e-dagangnya, *k-society* nya, *k-komunitinya*, *k-nation* nya, berbagai-bagi K lagi, tetapi didapati rakyat sekarang dan akan datang tidak mampu menyaingi, tidak mampu berganding dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia ini negara maju sebagaimana negara-negara di Eropah, Amerika dan sebagainya. Ini adalah kerana pada masa-masa yang akan datang apa pelajaran pun akan disebut labelnya ialah Sains - Sains Kemasyarakatan, Sains Pendidikan, sebab unsur sains itu adalah unsur yang *across the board*, dengan izinnnya.

Sebab itu Tuan Pengerusi, perkara ini haruslah diberikan perhatian dalam *budget* yang kita sedang bincang ini bagaimana caranya kita hendak melihat satu *master plan* sebab benda ini sudah dibincangkan begitu lama. Tetapi kementerian tidak lagi mengemukakan rancangan-rancangan yang konkrit yang boleh difahami oleh orang kampung, yang boleh difahami oleh orang yang kurang belajar, yang boleh difahami oleh orang-orang yang mempunyai anak yang juga berminat untuk anak-anak ini menjadi para-para *scientist* dan sebagainya, tetapi mereka sehingga kini gagal untuk melihat satu perancangan yang konkrit daripada pihak kerajaan. Apa yang hendak dibuat dua tahun yang akan datang, lima tahun yang akan datang, perancangan jangka pendek, perancangan jangka pertengahan dan perancangan jangka panjang supaya kuota yang kita sebut 60:40 itu dapat dicapai.

Saya hendak tanya kementerian, bila sebenarnya berdasarkan kekurangan *short fall* 30% daripada pelajar-pelajar Aliran Sains ini, bila dijangkakan bahawa kuota 60% Sains, 40% Sastera itu dapat direalisasikan? Sebab itu kita juga diberitahu bahawa salah satu daripada empat, ada empat sebab utama yang menyebabkan anak-anak kita kurang berminat dalam mata pelajaran Sains. Pertama ialah kurikulum. Kurikulumnya yang mati, kurikulumnya yang tidak dapat diberikan nyawa baru supaya dapat menarik minat-minat anak-anak kita terutamanya anak-anak desa yang persekitarannya desa, persekitarannya padi, persekitarannya nelayan, persekitarannya getah, bukan persekitaran anak-anak yang tinggal di Technology Park, anak-anak yang tinggal di kawasan MSC, anak-anak yang tinggal di kawasan Cyber Jaya dan sebagainya. Yang saya rasa, pendedahan persekitaran mereka tentang sains ini lebih ke depan jika dibandingkan dengan anak-anak desa.

Satu lagi ialah kaedah pembelajaran. Ini pun juga ditimbulkan. Galakan daya kreatif tidak dapat dibuat. Inovasi hampir dikatakan rendah tahap inovasi. Inovasi pengajaran mata-mata pelajaran sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah. Kemahiran berfikir yang satu masa dahulu ditekankan tentang *lateral thinking* dan sebagainya, sekarang ini kita tidak dapat banyak dengar lagi tentang kemahiran berfikir. Saya agaklah kemungkinan ada orang-orang dan teman-teman yang mengagak memang tidak mahu, bukan hendak diasah pemikiran tetapi hendak ditumpulkan pemikiran. Sampai di peringkat universiti pun, pelajar-pelajar di universiti hendak ditumpulkan pemikiran dengan terlebih dahulu menumpulkan pemikiran para-para pensyarahnya, para-para V.Cnya, para-para Timbalan V.Cnya, para-para H.A.Pnya

supaya bila menumpulkan minda-minda mereka mudahlah mereka rasanya menjadi penyokong-penyokong dan menjadi pak turut-pak turut kepada kerajaan.

Kemudian tentang *enrolment* di peringkat tinggi yang begitu rendah, kualiti tenaga pengajar yang juga dikatakan rendah, gaji skim perkhidmatan perguruan yang kurang menarik, soal gaji, soal naik pangkat dan sebagainya.

Dan yang keempat ialah persekitaran sains. Ini saya rasa kita boleh banyak belajar daripada kawan-kawan kita di Korea, daripada kawan-kawan kita di Jepun, kawan-kawan kita di Norway dan di Sweden, material bahan-bahan tentang ini terlalu banyak. Kalau teman-teman daripada kementerian dapat mengkaji bahan-bahan yang ada dalam Internet ini, saya rasa terlalu banyak *method* yang telah dicuba. Metodologinya yang indah, yang beroperasi, yang boleh dicuba di peringkat kita di Malaysia ini dalam konteks hendak melahirkan anak-anak yang lebih cenderung kepada Aliran Sains.

Sebab itu saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian agar satu manual dibuat, manual untuk pelajar, manual untuk ibu bapa, manual untuk guru-guru, manual untuk teman sebaya, manual untuk kehidupan bermasyarakat, berkomuniti dibuat supaya manual itu dapat membuka ruang minda kepada mereka supaya mereka lebih cinta kepada mata pelajaran Sains dibandingkan kebanyakannya yang lebih cinta kepada mata pelajaran Sastera.

Jadi berikutnya Tuan Pengerusi, hendak pergi kepada Butiran 060000 – Pendidikan Tinggi. Isu mengenai penerbitan buku-buku ilmiah. Di Malaysia ini rata-ratanya satu tahun ada 100 judul sahaja buku ilmiah yang dihasilkan. Dibandingkan misalnya dengan Korea dan Jepun melahirkan 65,000 judul satu tahun. Kemudian kalau kita tengok German dan England, United Kingdom misalnya melahirkan 80,000 judul-judul buku ilmiah baru setiap tahun berada di pasaran. Berapa jauh bandingnya antara Malaysia misalnya dengan negara-negara yang saya sebut? Begitu juga kalau kita mengambil statistik dibandingkan Malaysia dengan Singapura, jauh bezanya. Dibandingkan Malaysia dengan Hong Kong jauh bezanya. Bahkan dibandingkan Malaysia dengan kawasan-kawasan yang berdekatan dengan kita seperti Thailand dan sebagainya pun, kedudukannya Malaysia agak terkebelakang jika dibandingkan dengan negara-negara tentang penerbitan ilmiah ini.

Kenapa ini berlaku? Tidak lain dan tidak bukan sebab organisasi penerbitan tidak berada di barisan hadapan. Di Malaysia oleh kerana sikap sebahagian daripada kita yang kurang gemar membaca, kerana persekitarannya yang tidak menggalakkan

membaca, menyebabkan penulis-penulis kurang gemar menulis. Penulis-penulis kurang prihatin untuk menulis, penulis-penulis kurang tertarik kerana imbuhan yang mereka dapat daripada buku-buku yang dihasilkan terutama buku-buku ilmiah ini menyebabkan tulisan-tulisan yang mereka lakukan seperti yang disebut oleh Timbalan Perdana Menteri, “nun di Dewan Bahasa dan Pustaka ada rangkaian buku-buku yang tidak dijual bernilai berjuta-juta ringgit”.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri, Yang Berhormat, Parit Sulong.

**Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali:** Minta maaflah Parit Sulong, masa tidak ada, masa tidak ada, minta maaflah, masa tidak ada.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali:** Sebab itu..... yang kedua ialah soal penerbit. Penerbit pun menghadapi masalah. Yang ketiga, soal pembacaan menggunakan, buku ditulis tetapi tidak dibaca sebab tradisi membaca di Malaysia. Bahkan dalam Dewan ini saya sendiri pun telah menyentuh tiga kali sebenarnya soal hal pembacaan - *reading habit* ini di kalangan rakyat di Malaysia ini yang begitu kurang jika dibandingkan dengan negara-negara maju, negara-negara yang sedang membangun.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Parit Sulong berdiri lagi, Yang Berhormat. Bagi jalan?

**Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali:** Yang ketiga, yang saya hendak sebut tentang buku ilmiah ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi, Parit Sulong.

**Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali:** Minta maaflah, minta maaf.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali:** Sebab itu yang ketiga, yang ketiga, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ialah tentang.....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Buku terbaru apa yang saudara baca, saya hendak tanya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali:** Butiran 060000 Yang Berhormat ialah mengenai Sijil STAM. Pelajar-pelajar yang di Jordan, yang di Mesir pada satu masa

dulu kerana tidak ada sekatan-sekatan kepada STAM misalnya, kita dapat menghantar hampir 3,000 pelajar-pelajar ke Mesir, ke Jordan kerana ada keterbukaan dan sistem yang agak terbuka. Bila STAM di *introduce*, dikemukakan, kita dapati laporan mengatakan hanya 70 orang sahaja pelajar yang berjaya mendapat tempat di Mesir misalnya. Bahkan kita memikirkan bagaimana caranya kita hendak melahirkan ulama-ulama. Bila kita membangun saya rasa yang pastinya kita selalu menyatakan pembangunan yang seimbang, sudah tentulah kita hendak, pakar sains pun kita hendak, profesional-profesional ulama pun kita hendak, pakar-pakar teknologi pun kita hendak orang yang membimbing kita dalam pembangunan ini. Membimbing ke arah dunia, membimbing ke arah akhirat supaya dapat kehidupan yang seimbang di kalangan seluruh rakyat ini pun sangat-sangat diperlukan.

Saya rasa dengan keadaan daripada 3,000 tinggal 70 orang, dan saya diberitahu juga pelajar-pelajar yang memilih untuk pergi ke Mesir, ke Jordan ini tidak dapat bantuan daripada PTPTN. Saya pun tidak tahu mengapa ini berlaku dan minta penjelasan daripada Kementerian Pendidikan, kenapa ini berlaku? Kenapa mereka dianaktirikan? Kenapa mereka bila memilih sahaja pelajaran Agama, maka dengan sendirinya mereka dianaktirikan. Bagaimana mereka dianaktirikan? Bilangan mereka dihadkan daripada 3,000 kepada 70. Pasal apa dihadkan? Mungkin ada motif-motif daripada kerajaan yang saya pun sukar untuk membacanya. Tetapi apa pun kesan kepada pembangunan yang akan datang kita akan rasakan 10 tahun daripada sekarang.

Sekarang pun kita rasakan, tadi apa yang disebutkan oleh teman saya daripada Sarawak macam mana pelajar-pelajar kita terlibat dengan pelbagai gejala. Sebahagiannya membunuh, sebahagiannya menculik, sebahagiannya merogol dan sebagainya berlaku dan kesalahan-kesalahan juvana ini berlaku di sekolah-sekolah kepada anak-anak sekolah. Tetapi kalau tidak ada pembimbing-pembimbing manusia yang namanya ulama, manusia yang berilmu, manusia yang ilmuan-ilmuan agama, manusia yang dapat menunjukkan contoh-contoh kehidupan beragama dalam konteks manusia moden ini, saya rasa agak sukar barangkali laluan-laluan pada masa yang akan datang kita sudah dapati apa yang berlaku sekarang ini dalam mana hal moral, dalam mana hal agama, sebenarnya sedang mengganggu-gugat kehidupan masyarakat di Malaysia ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah habis.

**Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa sudah cukup.

**Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali:** Setengah minit. Gulung, gulung, hendak gulung. Sebab itu Tuan Pengerusi, saya ingin sekali lagi supaya hal mengenai STAM ini, kerajaan memikirkan semula dengan membenarkan institusi-institusi seperti KUSZA misalnya, MADIVA, Darul Ulum dan sebagainya yang selama ini mempunyai *arrangement* terus dengan pihak Al-Azhar misalnya dan mereka berupaya masuk ke Al-Azhar dengan memilih tahun-tahun mana yang mereka akan masuk berdasarkan pencapaian mereka semasa mereka belajar di Malaysia. Kalau dapat ini diteruskan, PTPTN lebih terbuka untuk memberikan bantuan kepada mereka, kerajaan lebih simpati kepada mereka, maklumlah Kerajaan Islam, Negara Islam. Negara Islam sendiri menyekat, meletakkan berbagai sekatan-sekatan untuk melahirkan manusia yang dianggap nanti sebagai penyubur-penyubur, pemegang-pemegang obor yang untuk menentukan pembangunan negara ini tegak atas prinsip-prinsip Islam. Sebab itu kalau ini tidak berlaku, saya rasa apa yang dislogankan sebagai negara Islam itu.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Setengah minit, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali:** ..... Hanya sebagai tinggal slogan sahaja. Terima kasih, Tuan Pengerusi,.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Minta Kementerian menjawab.

**3.30 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pertama sekali mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah mengambil bahagian dan nampaknya Kementerian kita diberi seramai tujuh orang untuk mengambil bahagian. Jadi agak lebih masa untuk saya menjawab.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, masa setengah jam saya bagi.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Walau bagaimanapun, saya cuba Tuan Pengerusi, kalau terlebih seminit dua jangan marah dengan saya sebab tujuh orang.

Pertama sekali Yang Berhormat Tuan telah membangkitkan mengenai dengan kekurangan kemudahan. Masalah kekurangan kemudahan pendidikan pra-sekolah

terutama sekali di luar bandar dan pedalaman memang mendapat perhatian serius oleh pihak kerajaan. Oleh itu yang ini jangan bimbang kita ini dalam perancangan.

Mengenai kebajikan pelajar luar negara, memang pelajar bersendirian luar negara kita minta supaya mereka melaporkan dengan Jabatan Penuntut kita dan sekiranya mereka mempunyai masalah kesulitan dan sebagainya kita boleh membantu tetapi dari segi soal kewangan tidak dapat kita adakan.

Walau bagaimanapun, saya .....

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ..... Boleh saya teruskan?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Mengenai dengan apa, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat hendak bagi jalan?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sekejap, sekejap saya belum sampai lagi.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Sudah, yang pertama yang disebut tadi itu, pra-sekolah

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat hendak bagi, duduklah. Sila.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soal prasekolah tadi, mengambil perhatian soal tadika, kita tahu beberapa kementerian juga menyediakan kemudahan seperti KEMAS daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga daripada Jabatan Perpaduan. Tetapi dari segi kemudahan yang diberikan secara langsung oleh Kementerian Pendidikan, saya nampak agak kurang termasuk di kawasan sayalah. Jadi, adakah pihak kementerian akan membina memberi pendidikan, memberi kemudahan-kemudahan untuk sama ada segi kemudahan guru-guru untuk tadika ini. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai pendidikan prasekolah, memang itu menjadi agenda utama kita mengenainya. Mengenai dagangan agensi-agensi kerajaan yang lain memang mereka juga

berperanan. Itu kita tidak dapat menafikan misalnya daripada Kementerian Kebajikan Masyarakat dan juga daripada pihak Luar Bandar.

Jadi, kita tidak boleh menidakkan usaha-usaha mereka. Oleh yang demikian, saya rasa bersabarlah Yang Berhormat dan saya terus beri jaminan kepada Yang Berhormat, kita memang mulai daripada sekarang dan tahun yang akan datang kita memang beri perhatian terus kepada prasekolah ini kepada kawasan-kawasan yang belum mendapat lagi prasekolah.

Mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai konsep Asrama Desa, telah kita menyelaraskan atau dimasukkan dalam konsep asrama sekolah harian khususnya sekolah-sekolah di luar bandar. Itu telah kita lakukan.

Mengenai dengan kebajikan pelajar di luar negeri mengenai peruntukan kepada mereka khas. Kita ada peruntukan khas untuk membawa balik pelajar yang meninggal. Walau bagaimanapun, bantuan yang diberikan kepada penuntut-penuntut Malaysia yang mengalami kesusahan akibat kemalangan, bencana atau ada kecemasan dengan menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Kebajikan dan Kemudahan Penuntut di luar negara. Itu kita ada.

Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa dan juga kebanyakan semua boleh dikatakan studen yang pergi ke Amerika Syarikat terutama sekali mereka dimestikan untuk ada insurans. Kalau tak ada insurans memang sukar sekali.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tak, saya tak beri laluan, sekali cukuplah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat Tuaran.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Mengenai dengan IPT, pemilihan MPP di IPT, IPT diwujudkan untuk menjadi pemangkin kepada penjana sumber tenaga. Jadi di sini saya rasakan IPT seharusnya dapat mencorakkan graduan supaya prihatin terhadap masyarakat setempat dapat dilakukan. Itu kita juga katakan tadi mahasiswa yang ideal tadi ialah mahasiswa yang dapat memberi perkhidmatan kepada masyarakat. Yang Berhormat juga telah membangkitkan beberapa perkara, kita akan mengambil perhatian dalam hal ini.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, ha, ini yang hebat sekali ya! Masalah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu itu tadi pertama sekali mengenai dengan sekolah rendah. Beliau telah menyatakan bahawa walaupun negeri ini mundur, memang negeri ini mundur kerana ditadbirkan oleh parti

pembangking, memang mundur, tetapi beliau juga memuji dari segi pencapaian akademik murid-murid di Terengganu dan Kelantan. Ini kerana usaha Kerajaan Pusat. Mesti kita ingat, kalau pendidikan diberi kepada kerajaan negeri, sudah teruk jawabnya.

Misalnya, macam di Terengganu, fasal balak pun dia tak boleh kendali. Di Kelantan pun, mengenai air pun dia tak boleh kendali. Jadi nasib baiklah ada Kerajaan Pusat dapat kita membina ini. Jadi kita tak pilih siapa asalkan mereka itu memerlukan bantuan, kita beri sebab kita tak main politik.

Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk membaca sebagai peringatan kepada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Ini surat yang saya terima daripada Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu. Dia kata di sini, 'Penyaluran Wang Ihsan oleh Kerajaan Pusat telah membantu Jabatan Pendidikan Terengganu mencatat pencapaian tertinggi dalam sejarah pendidikan Terengganu di mana seramai 2,228 orang murid (9.2%) telah berjaya memperoleh 5A dan 7A dalam UPSR tahun 2001. Program pembiayaan Wang Ihsan Negeri Terengganu Darul Iman dalam mengangkat tinggi kecemerlangan pendidikan Terengganu'.

Bayangkan kalau wang ini diberi kepada Kerajaan Terengganu, dapatkah mereka keputusan yang begitu baik. Jadi saya berharap di sinilah menunjukkan bahawa Kerajaan Pusat telah meningkatkan lagi kejayaan pendidikan.

Beliau juga telah membangkitkan mengenai dengan kontrak. Kontrak di negeri Terengganu, di sini ingin saya nyatakan, kontraktor utama ialah Pintar Sendirian Berhad (zon utara), Primer Sendirian Berhad (zon tengah), CS Tacks Sendirian Berhad (zon selatan) dan Bell Grand Sendirian Berhad (zon timur) dan Time Home Holding (Sabah), Telekom Smart School (Sarawak). Tetapi apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah di luar pengetahuan.

Pada pendapat saya dan juga kementerian bahawa syarikat yang telah diberi kontrak oleh pihak kementerian, mereka tetap dengan kontrak itu. Persoalannya ialah subkontrak mungkin ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Subkontrak itu boleh dilakukan oleh syarikat itu dan itu dibenarkan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, bagi Pokok Sena.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya tidak ada masa. Ini mengenai dengan kontrak di Terengganu. Ya, ya... Kontrak Terengganu sahaja, saya tak boleh beri izin. Kontrak Terengganu, ya, silakan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Dato' Setiausaha Parlimen, saya ucap takziah atas kekalahan golongan aspirasi kerajaan di universiti-universiti utama dalam negara kita [*Tepuk*].

Saya hendak minta penjelasan tentang nama-nama syarikat kontrak yang dikemukakan tadi. Mengikut laporan akhbar 13 November – Berita Harian iaitu kenyataan yang dibuat oleh Datuk Roslan Awang Chik – Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia yang berkaitan dengan pembinaan Pusat Makmal Komputer ini yang menyatakan bahawa hanya satu daripada lima kontraktor utama yang mendapat tender pembinaan makmal komputer di sekolah-sekolah di seluruh negara adalah kontraktor binaan. Manakala empat lagi syarikat itu ialah pembekal peralatan komputer.

Jadi saya hendak dapat penjelasan macam mana syarikat yang membekal komputer dapat kontrak untuk membina makmal komputer? Sedangkan sepatutnya bagi kontraktor binaanlah. Ini menyebabkan antara punca kelewatan berlaku. Ini sudah tentu ada kaitan dengan penelitian sewaktu pemberian. Jadi saya hendak penjelasan apakah bentuk pemberian tender sama ada open tender' atau pun runding terus?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya, mengenai dengan pemberian tender tadi, kita telah pun dapat lakukan. Sebab itu kita dalam fasa yang kedua ini, kita ubah strategi di mana soal pembangunan dan kontraktor juga diambil kira. Ini telah pun kita bincang dan untuk mengelak kelemahan tadi. Kita akui, kita terdapat beberapa kelemahan dan banyak projek tergendala.

Oleh yang demikian, kami berharap pada masa yang akan datang, kita akan adakan seperti kata Yang Berhormat tadi, bahagian pembinaan dan bahagian komputer dan beberapa orang juga akan diberi terus dalam hal ini. Ini soal pentadbiran. Kita tidak ada campur langsung dalam soal politik seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi tuduhan Yang Berhormat tadi mengenai dengan orang buat untung di atas angin tadi, saya rasa Yang Berhormat adalah berdasarkan dengan izin, *hear say* sahaja.

Kalau Yang Berhormat ada mempunyai bukti-bukti hitam putih sila tunjukkan kepada kita.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** [*Bangun*]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya tidak boleh beri peluang lagi kepada Yang Berhormat dan memandangkan kepada kerajaan .....

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Saya ada bukti *ini*.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya, kalau ada bukti terus hantar kepada saya! Terus sahaja hantar kepada saya dan kita akan lihat kepada pembuktian itu. Minta maaf Tuan Pengerusi, saya hendak teruskan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dia tak benarkan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Kerajaan juga telah menawarkan kepada kontraktor utama sahaja. Jadi perjanjian hanya membenarkan kontraktor utama melantik subkontraktor. Itu sahaja yang kita teruskan tadi.

Mengenai dengan Naib Canselor.....

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** *[Bangun]*

**Tuan Muhyidin bin Haji Abdul Rashid:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, ada dua Yang Berhormat bangun. Satu Kuala Terengganu bangun. Satu Hulu Terengganu bangun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya tak beri laluan. Saya tak beri laluan. Kalau Yang Berhormat ada bukti, sila hantar kepada sayalah terus dan kita boleh bincang selepas ini.

Saya minta maaf. Tuan Pengerusi, saya tak beri laluan sekarang mengenai dengan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sila duduk. Dia tak benarkan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai Naib Canselor di UiTM dan UUM.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bercakap tanpa pembesar suara].*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak, tidak, terima kasih ya, Yang Berhormat dah ada masa dah, cukup. Terima kasih. Mengenai dengan Naib Canselor yang saya hendak bangkit tadi, saya berharaplah kalau boleh saya akan menghantar ucapan tahniah kepada dua orang Naib Canselor yang telah menjalankan tugas mereka dengan baik. Sebab itu mereka dilantik sebagai Naib Canselor.

Untuk membuat tuduhan begitu dan begini, saya rasa itu amatlah tidak kena kepada tempatnya sebab yang kita tahu persatuan yang Yang Berhormat bangkitkan ialah persatuan NGO yang didaftar. Itu NGO, dia tak ada kena mengena, kita hendak jalankan kegiatan UMNO dan begitu juga dengan .....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Muhyidin bin Haji Abdul Rashid:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tak, saya tak beri jalan dah. Saya tak beri jalan dah. Dah saya jawab itu. Dan juga mengenai pihak kementerian.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tak, tak, saya dah beri penjelasan. Terima kasih. Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, saya dah bagi penjelasan, saya harap penjelasan itulah sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila duduk.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Mengenai dengan Pilihan Raya MPP tadi, katanya kita sekat dan dengan adanya peraturan.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada peraturan mesyuarat, mana satu?

**Tuan Muhyidin bin Haji Abdul Rashid:** *[Memegang Buku Peraturan Mesyuarat] [Bercakap tanpa pembesar suara].* Contoh Dr. Ahmaf Fauzi Basri dia terlibat secara langsung dengan UMNO. Yang terakhir dia menyampaikan Kertas Kerja di Konvensyen UMNO Perak pada 22 September tahun ini. Kertas Kerjanya bertajuk 'UMNO Sejarah Mengajar Kerja Kita'. Apakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Pengerusi, apa kena mengena dengan peraturan mesyuarat?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukup, cukup, cukup.

**Tuan Muhyidin bin Haji Abdul Rashid:** Tak peduli, dia tak jawab.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Baiklah kalau untuk memberi respons kepada itu, jadi sesiapa sahaja boleh memberi ceramah apa yang dia hendak kalau dia dijemput.

**Haji Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Seperti juga macam saya sebut tadi, Tuan Pengerusi, dalam jawapan saya, ingin saya nyatakan di sini juga kedua-dua orang Naib Canselor tadi telah pun menjalankan tugas dan harus kita berterima kasih kepada

mereka dan mereka dua tokoh yang tahu berterima kasih kepada pihak kerajaan. Manakala ada orang yang dibiayai dan dibesarkan dengan semua perbelanjaan kerajaan dan orang ini yang balik mengutuk, menghentam kerajaan. Apakah ini adil namanya?

Ini berbalik kepada soal MPP disekat dan sebagainya. Langkah Kementerian Pendidikan mengadakan pilihan raya serentak, ini cadangan kita ini .....

**Haji Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** .....lalah supaya IPTA kecuali UIA serta .....

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tak, dah cukup dah Yang Berhormat ini, kita tak ada masa. Kalau Tuan Pengerusi bagi saya sambung panjang, saya bercakap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak bagilah. Lagi 15 minit sahaja.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ha! Tuan Pengerusi tak bagi, saya tak bagi. Minta maaf Yang Berhormat *[Ketawa]*. Kita katakan juga tujuannya ialah untuk mengelak politik partisan menyerapi masuk dalam kampus. Itu yang kita elak. Tetapi janganlah Yang Berhormat menganggap bahawa hari ini Yang Berhormat memberi ucapan takziah kata kita kalah.

Ini bukan pertentangan antara Barisan Nasional dan Parti PAS. Soalnya ialah pemilihan yang dilakukan oleh pelajar. Itu pemilihan mereka. Apa kena mengena dengan PAS. Ini nampaknya ada 'udang di sebalik batu'. *[Ketawa] [Disampuk]* Tak ada!

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Adakah calon-calonnya ditaja oleh UMNO? ditaja oleh UMNO....saya ada bukti.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** .....Tidak ada, tidak ada, tidak ada *[Dewan gamat]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** .....Tidak ada, tidak ada. Tuan Pengerusi boleh dapat kawal mesyuarat?

**Tuan Pengerusi [Dato' Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat....  
*[Dewan gamat]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya hendak teruskan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, tunggu sekejap, bukan tiada untuk keluarkan soalan.

**Seorang Ahli:** Ya, kami hanya minta penjelasan

**Tuan Pengerusi [Dato' Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat telah menyatakan yang masa memang....[*Dewan gamat*]

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah Yang Berhormat.....[*Disampuk oleh pembangkang*].....Yang Berhormat, Yang Berhormat, kalau kita tidak mematuhi peraturan mesyuarat kita pun tidak layak menjadi wakil rakyat. Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah. Semua duduk.....[*Disampuk oleh pembangkang*].....cukup, cukup, cukup. Teruskan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Pengerusi, boleh saya teruskan?

**Tuan Pengerusi [Dato' Lim Si Cheng]:** Cubalah, cuba tolong habiskan dalam masa yang dihadkan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih. Aktiviti-aktiviti parti politik UMNO tidak memerlukan kebenaran dari pihak pengurusan IPT katanya oleh pihak Yang Berhormat tadi. Pihak Kementerian Pendidikan tidak membenarkan mana-mana parti politik untuk bergerak tetapi macam saya kata dulu dan beberapa kali tetap saya katakan kalau di pihak kerajaan kita jangan dicap itu kegiatan politik, sebenarnya tidak ada kaitan dengan politik, itu adalah urusan kerajaan ataupun ada orang dijemput oleh pihak kerajaan di universiti untuk berbincang, mengurus dan sebagainya dan seterusnya.

Sekarang saya balik kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batang Lumar mencadangkan supaya PTPTN diperluas kepada pelajar luar negara. Buat masa ini pinjaman hanya diberikan kepada pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan sahaja. Akta PTPTN, tidak membenarkan dananya digunakan untuk memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar di luar negara kerana akta itu kita ikut peraturan yang sudah sedia ada.

Mengenai dengan perkara permasalahan dengan izin, *digital divide*. Pihak kerajaan memang sedar mengenai dengan perkara ini, oleh yang demikian kita sedang melaksanakan program pembangunan pendidikan luar bandar, Sabah dan luar bandar.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kubang Kerian bangun.....[Disampuk]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya minta maaf. Saya hendak teruskan ini dulu.....[Disampuk oleh pembangkang]...laitu sekolah-sekolah di luar bandar di Sabah dan Sarawak kita akan membekalkan ini kita katakan dengan kementerian-kementerian yang lain berusaha membekalkan kuasa elektrik bagi membolehkan pihak kita dapat menggunakan komputer-komputer di sekolah. Ini sedang dijalankan.

Mengenai dengan....

**Tuan Pengerusi [Dato' Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat akan memberikan laluan untuk.....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya minta maaf, saya teruskan dulu mengenai...kita sudah habis, Kelantan, Terengganu kita tidak bincang dah. Jadi kita bincang mengenai dengan Sarawak.

**Tuan Pengerusi [Dato' Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dia tidak bagi laluan. Cukuplah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat baru masuk, Yang Berhormat tidak nampak tadi kita bincang apa. Baik, terima kasih, Yang Berhormat. Tidak apalah Yang Berhormat, lepas buka puasa kita bincang.....[Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Dato' Lim Si Cheng]:** Bincang nanti ya!

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Mengenai dengan Pendidikan Islam yang diajar secara ritual sahaja. Pendidikan Islam yang diajarkan di sekolah-sekolah sememangnya telah menekankan aspek-aspek penghayatan dan amalan seperti solat dan sebagainya, kita juga ada begitu tetapi malangnya kadangkala perkara-perkara ini disalahtafsirkan oleh sesetengah pihak. Oleh yang demikian apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kita akan mengambil perhatian secukupnya.

Mengenai dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat juga, masalah CLP, CLP bukannya di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan, jadi kita tidak bolehlah bincang mengenai dengan itu.

Mengenai dengan penyediaan guru komputer di kawasan luar bandar. Komponen ICT dimasukkan dalam kurikulum pendidikan guru pra-perkhidmatan. Bagi guru-guru terlatih disediakan latihan dalam perkhidmatan yang berterusan untuk bidang ICT. Oleh yang demikian, harapan kita pada masa yang akan datang bukan sahaja kita bekalkan makmal komputer tetapi guru-guru yang terlatih dalam bidang ICT.

Yang Berhormat Kota Melaka telah membangkitkan mengenai dengan tindakan kerajaan dalam menangani masalah pensyarah yang terlibat dalam kegiatan politik. Pensyarah IPTA tidak dibenarkan melibatkan diri dalam mana-mana parti politik, ini selaras dengan peruntukan yang terdapat di dalam AUKU 1971 atau pun badan berkanun, tata tertib dan *surcaj* 2000. Itu telah dinyatakan, jadi sebagai seorang persendirian, itu terpulang kepada dia.

Lagi satu mengenai dengan adakah KPM atau Kementerian Pendidikan Malaysia adakan satu siasatan murid-murid yang mendapat gred A dalam Bahasa Melayu tulisan tetapi E dalam Kefahaman dalam peperiksaan UPSR. Yang Berhormat, mereka yang tidak berpuas hati dengan keputusan UPSR, mereka boleh membuat permohonan untuk menyemak semula keputusan berkenaan, semua rayuan sedang disiasat dengan teliti termasuk memeriksa semula kertas jawapan. Keputusan akan diumumkan kepada calon-calon yang membuat rayuan tadi, sebaik sahaja siasatan selesai, ini telah kita lakukan.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai dengan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Nak apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Lim Si Cheng]:** Kota Melaka bangun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Mengenai dengan ini?

**Tuan Kerk Kim Hock:** Apa yang saya minta sebenarnya, saya tahu bahawa murid-murid boleh membuat rayuan, apa yang saya minta bahawa kementerian sendiri mengadakan satu siasatan. Oleh kerana kita juga hendak tahu apakah sebenarnya berlaku yang menyebabkan begitu banyak aduan? Kita tidak mahu individu yang membuat rayuan sahaja, kerajaan sendiri kena mengadakan siasatan, itu yang pertama.

Yang kedua, saya kata bahawa apakah sebabnya kerajaan menggunakan kata-kata bahawa seseorang itu diberhentikan kerja oleh kerana ia anti-kerajaan. Adakah ini satu fasal dalam perkhidmatan mereka, persetujuan perkhidmatan mereka? Kalau tidak jangan gunakan perkara itu, oleh kerana bagaimanakah anak-anak mereka ini, orang telah berhenti kerja memberitahu anak mereka bahawa mereka diberhentikan kerja oleh kerana mereka anti-kerajaan? Apakah salahnya. Saya kata saya bangkang kerajaan, saya anti-kerajaan, kalau tidak ikut perjanjian yang telah disetujui itu boleh gunakan buat apa? Jangan gunakan anti-kerajaan, itu saja saya minta .....[Disampuk].

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya, kita memang tidak mengizinkan mana-mana pihak di dalam universiti IPTA, terutama sekali anti-kerajaan. Kalau anti-kerajaan

mengapa dia bekerja dengan pihak kerajaan? Dia tidak perlu kerja dengan pihak kerajaan, itu kerajaan, dengan izin, *the government of the day*, itu dia beri taat setia kepada kerajaan

*[Disampuk oleh pembangkang]....* harus Yang Berhormat dapat bezakan.....*[Disampuk oleh pembangkang lagi]..*Yang Berhormat harus dapat bezakan kerajaan dan parti politik, dapat bezakan antara kerajaan dan parti politik.....*[Disampuk oleh pembangkang lagi]* .....Yang menjalankan ialah kerajaan....kita ada tanggungjawab kita kepada rakyat keseluruhannya.....*[Y.B. bagi Kota Melaka menyampuk]*

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Betul tak?.....saya pembangkang kerajaan, bolehkah saya.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya. Yang Berhormat memang anti-kerajaan, itu kita tidak nafikan.

**Beberapa Ahli:** Apa salahnya?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya. Yang Berhormat boleh masuk bertanding anti-kerajaan, Yang Berhormat menang, itu hak Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** .....Tidak boleh jawab dengan betulkah? Hei.....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Siapa kata saya tidak betul?.....Siapa kata saya tidak betul? Ini adalah...

**Beberapa Ahli:** Yalah.....apalah!

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ini bukan soal, Yang Berhormat harus tanya dengan diri Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat bekerja dengan pihak kerajaan, kalau orang itu anti-kerajaan bagaimana? Ini bukan soal parti politik.

**Tuan Pengerusi [Dato' Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Orang profesional harus neutral dalam soal menjalankan tugasnya.

**Tuan Kerk Kim Hock:** .....Pembangkang.....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** .....Tidak ada, tidak ada!

**Tuan Pengerusi [Dato' Lim Si Cheng]:** Kota Melaka!

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Bagi mereka yang melanggar tata tertib ini yang saya akan jawab. Kementerian Pendidikan senantiasa menggalakkan pelajar-pelajar IPTA untuk menjelaskan aktiviti yang berfaedah kepada mereka. Walau bagaimanapun, mereka perlu mematuhi peraturan yang sudah sedia ada.

Dalam ini banyak kali kita terangkan kepada mereka yang ingin menjalankan kegiatan mereka harus mendapat kelulusan daripada Hal Ehwal Pelajar. Kalau kelulusan itu diberikan ayuh sahaja. Jadi ini dalam kes yang lain, banyak kali dibangkitkan. Begitu juga dengan saya sebut tadi pensyarah-pensyarah asalkan pensyarah itu masih kekal dengan profesionalisme, dia tetap menjadi pensyarah yang amat efektif.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Arau bangun.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*  
*[Disampuk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya sudah tidak ada masa, Yang Berhormat. Saya tidak ada masa. Kalau tidak, tak boleh jawablah. Baik, mengenai dengan Sekolah Wawasan, Yang Berhormat Kota Melaka membangkitkan perkara ini. Pelaksanaan Sekolah Wawasan bagi sekolah yang dalam pembinaan akan diteruskan, enam buah dalam pembinaan iaitu tiga di Perak, dua tiap-tiap satu di Kedah, Selangor dan Negeri Sembilan. Kerajaan memutuskan tidak lagi membina Sekolah Wawasan selain daripada enam yang sedang dalam pembinaan. Walau bagaimanapun, kita tidak ada paksaan dalam program ini.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat, saya hendak teruskan kepada jawapan Yang Berhormat bagi Selangau. Ya, Yang Berhormat boleh komen apa sahaja, saya hendak teruskan. Kementerian Pendidikan menyediakan bekalan elektrik. Di bawah program Pembangunan Pendidikan Luar Bandar Sabah dan Sarawak, projek bekalan air sedang dilaksanakan di 589 buah sekolah dan elektrik di 463 buah sekolah.

Mengenai dengan pelajar UNIMAS yang tidak dapat pinjaman. Berhubung dengan perkara kelewatan yang dibangkitkan itu, pihak kita akan meminta supaya pengurusan PTPTN memberi perhatian mengenai hal ini. Ini dalam tindakan dan saya

akan bagi jaminan kepada Yang Berhormat kita akan adakan perbincangan dengan pihak PTPTN apakah masalah yang melewati perkara-perkara ini.

Mengenai dengan masalah disiplin, saya juga telah berkali-kali mengatakan bahawa ia memerlukan kerjasama semua pihak terutama sekali daripada ibu bapa.

Mengenai Bahasa Inggeris yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, ini juga kita dalam proses meramaikan lagi guru-guru yang terlatih dalam Bahasa Inggeris dan *dihantar ke luar*.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya minta maaf, saya sudah lewat, Yang Berhormat.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor. Cadangan membanyakkan SMKA di negara ini. Cadangan supaya KPM memperbanyakkan SMKA adalah baik dan dialu-alukan, namun begitu tumpuan KPM pada masa ini ialah menubuhkan sekolah-sekolah integrasi iaitu sekolah ini dalam satu sekolah - sekolah menengah agama di mana dia ada beberapa aliran, itu yang kita panggil integrasi. Misalnya, bukan sahaja dalam bidang agama, dia juga ada dalam bidang teknik, sains dan sebagainya.

Yang Berhormat Kuala Selangor juga telah membangkitkan perkara mengenai penyelarasan kurikulum prasekolah yang dikendalikan oleh pihak sekolah. Pada masa ini semua prasekolah mengikut garis panduan kurikulum prasekolah seperti yang diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1996. KPM sedang mengkaji kurikulum prasekolah yang ada sekarang. Ketiga, kemudahan prasekolah akan diperluas lagi khususnya sekolah-sekolah di luar bandar yang mana tidak mempunyai kemudahan seperti yang ada di bandar.

Mengenai dengan sebuah sekolah khas di setiap daerah, saya amat mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat sebab kita baru-baru ini sahaja dalam Rancangan Malaysia Kelapan kita memberi tumpuan khas kepada pendidikan khas yang mana negara kita amat bertuah sekali mempunyai program ini. Sebenarnya populasi yang semakin meningkat dalam kategori pendidikan khas ialah mengenai dengan pembelajaran. Oleh yang demikian, peruntukan telah ditambah saban tahun misalnya pada tahun 2001, 642 program telah ditambah menjadi kepada 680 program, ini kita tingkatkan lagi. Insya-Allah, Yang Berhormat, itu kita akan ambil perhatian segala cadangan Yang Berhormat.

Mengenai dengan program pendidikan juga, jabatan kini sedang berusaha untuk bekerjasama dengan lain-lain kementerian untuk memberi atau menempatkan pelajar-pelajar pendidikan khas ini sesudah mereka lulus. Kita sedang berusaha untuk lakukan perkara ini.

Yang akhir sekali ialah Yang Berhormat Parit Buntar. Terima kasih Yang Berhormat kerana Yang Berhormat dari mula bercakap mengenai Sains kemudian balik kepada agama, jadi kadang kala saya pun tidak tahu yang mana satu Yang Berhormat hendak dijadikan prioritinya. Walau bagaimanapun, pendidikan pra sekolah rendah dan menengah, Yang Berhormat bertanya kepada kita bagaimana kementerian menyelesaikan masalah bumiputera kurang minat dalam aliran sains dan teknikal.

Pertama sekali Kementerian Pendidikan mempunyai cadangan konkrit untuk meningkatkan bilangan pelajar bumiputera dalam sains dan teknikal. Kita ada target iaitu 10% setiap tahun sehingga mencapai 60% sebelum 2010 jika tidak ada gangguan daripada parti PAS.

Kedua, kurikulum telah dikaji termasuk Sains dan seperti yang dilakukan dalam Dewan sebelum ini akan diperkenalkan bermula 2003. Ini kurikulum yang kita hendak perkenalkan.

Ketiga, mata pelajaran Sains akan diperkenalkan di tahap satu sekolah rendah, sekarang sudah di tahap dua.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sabar Yang Berhormat, kita haraplah parti pembangkang terutama sekali PAS, kita jangan guna bila kita berceramah, ceramah beritahu kepada orang Islam supaya mengambil mata pelajaran Sains. Kalau Yang Berhormat lakukan ini alangkah indahnya kita. Sokong pihak kerajaan yang hendak buat ini. Jadi saya rasa Yang Berhormat bagi Parit Buntar ada mirip-mirip menyokong pihak kerajaan. Saya tahu Yang Berhormat pernah bertugas dalam jabatan kerajaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukup, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Satu lagi, penjelasan yang akhir, takut Yang Berhormat terkilan. Mengenai dengan STAM. Kita tidak menyekat malah menyelaraskan semua 24 jenis sijil agama yang dikeluarkan oleh Majlis-majlis Agama Islam Negeri ini dalam usaha untuk mengemaskinikan lulusan yang dihasilkan dan juga orang yang berkaliber.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Kalau Tuan Pengerusi beri masa, saya bagi laluan. Tanya dengan Tuan Pengerusi *[Ketawa]*

Yang akhir sekali iaitu Yang Berhormat Parit Buntar telah mengambil isu penulisan buku...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading sila duduk, Sri Gading sila duduk *[Ketawa]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sri Gading, saya tidak beri masa, ini saya kena betul-betul *straight* sebab kita hendak buka puasa. *[Ketawa]* Isu penulisan buku ilmiah. Yang Berhormat bagi Parit Buntar, untuk pengetahuan Yang Berhormat, satu, pasaran tidak begitu besar menyebabkan pelanggan yang tertarik untuk menerbitkan buku tadi amat terhad. Keduanya kekurangan penulis dari kalangan akademik yang berminat untuk menulis dan kita sedang jalankan usaha. Baru-baru ini telah saya sebutkan, minta universiti-universiti mempertingkatkan bahagian penerbitan, kita sedia membantu.

Saya telah pun beri contoh Universiti Kebangsaan, saya berikan contoh yang terbaik antara kalangan universiti untuk menerbitkan dan menghasilkan buku-buku ilmiah malah baru-baru ini juga UPM mengambil langkah ini dengan begitu baik.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Pengerusi boleh beri masa lebih kepada saya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa cukup Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya cukup. Oleh itu mengenai dengan PTPTN seperti yang dibangkitkan oleh.....

**Tuan Kerk Kim Hock:** Jawab secara bertulislah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Kalau ada apa-apa, sila tulis kepada saya, Yang Berhormat dan saya akan jawab. *[Ketawa]* Saya sekali lagi ucap ribuan terima kasih kepada mereka yang telah mengambil bahagian dan cadangan yang telah dikemukakan.

Begitu juga dengan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak pembangkang saya tengok sudah ada mirip-mirip untuk memihak kepada kerajaan *[Ketawa]* dalam usaha untuk meningkatkan pendidikan kita. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM15,657,074,710 untuk Maksud B.26; dan RM32,036,120 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui. *[Dewan gamat]*

**Beberapa Ahli:** Mana lebih? Sana kurang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini bukan kira kuat tidak kuat. Lebih atau kurang *[Ketawa]* *[Dewan gamat]*

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM15,657,074,710 untuk Maksud B.26; dan RM32,036,120 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM5,061,962,000 untuk Maksud P.26; dan RM31,020,000 untuk Maksud P.27 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2002 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM5,061,962,000 untuk Maksud P.26; dan RM31,020,000 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2002.

**Maksud B.33 [Jadual] -  
Maksud P.33 [Anggaran Pembangunan 2002] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Bekalan B.33 dan Kepala Pembangunan P.33 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahaskan. Puan Teresa Kok Suh Sim *[Dewan gamat]*

**4.07 ptg.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 02000 - Jalan dan Jambatan. Tuan Pengerusi, saya memang merasa bosan, menjadi letih dan berulang-ulang isu tentang pampasan terhadap penduduk Kampung Kayu yang telah membuka jalan kepada pembinaan Lebuhraya Sungai Besi oleh Besraya.

Isu ini telah banyak kali saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini dan Menteri juga sendiri telah bersetuju bahawa kerajaan akan terus membayar sewa rumah sebanyak RM300 kepada setiap keluarga yang dipaksa berpindah pada tiga tahun yang lepas sehingga rumah pangsa yang dibina oleh KWSP siap dibina dan dijual kepada mereka. Persetujuan Menteri ini dibuat dalam mesyuarat di antara Menteri dengan saya

dan wakil penduduk di pejabat Kementerian Kerja Raya pada 20 September tahun ini. Yang Berhormat Menteri malah memberi jaminan kepada saya dan wakil penduduk bahawa kesemua urusan pembayaran kepada mereka akan siap pada 26 September iaitu sehari sebelum beliau pergi ke Australia.

Tetapi, sehingga ke hari ini, penduduk yang terlibat masih belum mendapat wang daripada kerajaan. Saya ingin tahu apakah sebabnya? Sekarang, penduduk terlibat selalu telefon kepada saya dan tanya bilakah mereka akan dapat bayaran sewa yang di hutang oleh kerajaan kepada mereka dan saya tidak tahu apa boleh saya jawab dan cakap kepada mereka, kecuali, saya kata, inilah Barisan Nasional, janji tidak dikotai.

**Beberapa Ahli:** Ya! [*Tepuk*]

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu saya sebab kelewatan pembayaran ini dan bilakah kerajaan akan menunaikan janji kepada mereka? Bolehkah kerajaan memberi bayaran yang terhutang kepada penduduk ini sebelum tahun 2002 yang akan datang supaya mereka boleh menggunakan wang ini untuk membeli-belah dan membuat persediaan untuk tahun yang akan datang. Saya memang sudah bosan untuk mengulang-ulangi perkara ini dan saya berharap pihak LLM dan kementerian jangan menjadikan saya sebagai seorang yang 'meleter' atas perkara ini. Saya meminta LLM supaya menjadi sebuah badan yang lebih *responsive* dan berkesan.

Saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap projek *New Pantai Express Way* (NPE) yang diambil alih oleh Syarikat Road Builder. Walaupun syarikat *Road Builder* telah pun menunjukkan keberkesanannya dari segi membina lebuhraya ini, tetapi saya juga berharap supaya pihak LLM memantau cara pengurusan baru NPE menjalankan projek tersebut. Di Batu 4, Jalan Klang Lama di kawasan saya, syarikat tersebut telah pun mencero bohi tanah beberapa rumah setinggan yang pada asalnya tidak diambil oleh pengurusan lama NPE.

Di antaranya, rumah kepunyaan Encik Khoo Ooi Lee yang terletak di No. 240, Batu 4, Jalan Klang Lama ataupun banci nombor NE1115, hampir dirobokkan keseluruhannya dan beliau tidak menerima apa-apa pampasan selama ini. Pengurusan NPE baru ini tidak bercadang untuk memberi apa-apa pampasan kepada tuan punya rumah ini kerana mereka kata, ini bukan tanggungjawabnya. Manakala, tuan punya rumah menghadapi masalah untuk berjumpa dengan pegawai Pejabat Tanah kerana pegawai yang menguruskan hal pampasan di kawasan tersebut telah pun dialihkan ke

kementerian yang lain. Saya berharap pihak LLN dapat campur tangan dalam perkara ini dan menghulurkan bantuan kepada tuan punya rumah ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membangkitkan tentang satu seminar mengenai sistem syarat lebuh raya yang diadakan di Sydney pada awal Oktober tahun ini, di mana kementerian telah hantar satu rombongan yang mengandungi lebih kurang 40 orang dan diketuai oleh Yang Berhormat Menteri sendiri ke seminar tersebut yang berlangsung satu minggu tersebut dan saya tahu, hampir semua anggota rombongan tidak menghadiri seminar sepanjang satu minggu ini kecuali majlis pembukaan. Apakah ini benar?

Saya boleh faham kalau Yang Berhormat Menteri sibuk sangat, mungkin hendak ambil lebih kontrak daripada Australia ataupun hendak berbincang dengan peserta luar negeri, tetapi saya rasa pegawai kerajaan yang dibayar oleh kerajaan untuk menghadiri seminar ini, haruslah mengikuti keseluruhan program tersebut kerana wang yang dibiayai kepada mereka adalah wang rakyat dan saya memang rasa malu bila ini diberitahu kepada saya oleh orang luar negeri dan saya juga ingin tanya sama ada perlu kementerian menghantar satu rombongan yang begitu besar, 40 orang yang mana kebanyakan mereka tidak hadir seminar. Apakah mereka menggunakan peluang pergi ke luar negeri seperti ini sebagai peluang untuk makan angin? Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa Menteri dia ada sekarang, boleh menggunakan kuasanya untuk menjalankan siasatan terhadap skandal ini, untuk membangkitkan keberkesanan dalam Kementerian Kerja Raya.

Saya juga ingin membangkitkan Butiran 03000 - Bekalan Air. Selepas JBA diswastakan, saya ingin tanya, bilakah pengubahan paip air di bawah tanah yang telah banyak kali dibangkitkan oleh JBA ini akan dilaksanakan di Kuala Lumpur khususnya di Taman Salak Selatan dan Kampung Salak Selatan. Masalah paip bocor di kawasan ini memang kerap-kali berlaku dan saya telah bosan untuk menerima aduan daripada penduduk. Saya difahamkan bahawa kawasan ini telah pun dijadikan sebagai kawasan prioriti penukaran paip air oleh JBA tetapi penduduk di kawasan itu, ingin tahu bilakah kerja tersebut akan dijalankan?

Sehubungan dengan itu, saya juga ingin mempertikaikan kadar air yang ditetapkan oleh kerajaan terhadap pengguna air khasnya kadar air baru terhadap penduduk di kondominium dengan kemudahan yang mana harganya telah naik daripada 75 sen semeter padu kepada RM1.20 semeter padu sejak Mac tahun ini. Selain itu, kadar air untuk penduduk yang tinggal di kondominium yang mempunyai kompleks beli-

belah seperti bangunan *Pearl Point* di Jalan Klang Lama, malah terpaksa membayar RM1.90 sen semeter padu kerana bangunan itu dikira sebagai bangunan komersial.

Penduduk di kondominium Prem Park di kawasan saya pernah mengadakan tunjuk perasaan atas kenaikan harga air ini tetapi bantahan mereka kelihatan tidak dihiraukan oleh kerajaan. Saya ingin menyeru kerajaan mengkaji semula kadar bayaran yang saya sebutkan tadi kerana penduduk yang duduk di kondominium dengan kemudahan tidak semestinya orang kaya. Golongan penduduk ini kebanyakannya adalah orang yang tidak mampu membeli rumah teres dan hanya mampu membeli rumah di kondominium. Mereka ini tidak sepatutnya dipaksa membayar kadar air yang begitu tinggi. Saya minta kementerian mengkaji semula kadar air tersebut.

Akhirnya, saya juga ingin membangkitkan masalah kekurangan kakitangan di JBA Selangor yang mana saya selalu dengar daripada pegawai di Jabatan Bekalan Air Selangor. Saya ingin tanya, selepas JBA ini diswastakan, sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk menambahkan kakitangan di JBA Selangor dan meningkatkan mutu perkhidmatan kepada para pengguna air terutamanya dari segi menangani aduan daripada penduduk di Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Kalau ya, saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, berapakah pertambahan peruntukan diberikan kepada JBA Selangor dari segi mengupah lebih pekerja kepada mereka dan juga macam manakah JBA Selangor akan membaiki mutu perkhidmatan mereka kepada para pengguna air. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Gelang Patah.

**4.14 ptg.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin bahas tentang Maksud Bekalan B.33 – Kementerian Kerja Raya tentang Butiran 020200 – Reka Bentuk Jalan, Butiran 020300 – Rekabentuk Jambatan dan 020400 – Perkhidmatan Penyelenggaraan Jalan.

Tuan Pengerusi, dalam Belanjawan 2002, kita dapati bahawa pihak Kerajaan Barisan Nasional masih memberikan komitmen untuk terus membangunkan prasarana bertaraf dunia. Walaupun negara kita tidak terlepas daripada dilanda krisis ekonomi sejak tahun 1997, kerajaan tidak pernah menggunakan krisis ini sebagai alasan untuk tidak meneruskan rancangan infrastruktur yang merangkumi antara lain pembinaan jalan raya dan jambatan.

Satu misal di kawasan saya, Jalan Skudai yang mana bila pembinaan pembesaran Jalan Skudai dijalankan sejak bulan November 1999 dan sekarang telah disiapkan dan telah dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Skudai itu. Saya di sini ingin mengambil peluang keemasan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Kerja Raya dan Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi, di samping membina kemudahan infrastruktur yang baru, Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama kementerian-kementerian yang lain, khasnya Kementerian Pengangkutan juga telah mengambil langkah menaikkan taraf kemudahan infrastruktur yang sedia ada. Hasil daripada itu, kini kita sudah mempunyai satu jaringan jalan raya yang menjadi kebanggaan kita bersama. Saya percaya, kemudahan prasarana yang telah dibina mahu pun yang akan dibina ini akan melicinkan aktiviti ekonomi domestik serta menjadi faktor penarik kepada pelaburan asing.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun seperti mana yang dapat kita perhatikan, banyak daripada jalan-jalan kita masih ditenggelami air dan tidak boleh digunakan oleh kenderaan ketika musim tengkujuh. Di sesetengah kawasan, jalan-jalan selalu dibanjiri air selepas hujan lebat. Ini berlaku walaupun di luar musim tengkujuh. Masalah sedemikian bukan sahaja timbul di kawasan pedalaman tetapi juga kerap terjadi di kawasan bandar.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading, sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan Yang Berhormat bagi Gelang Patah ini. Dia memang salah seorang Wakil Rakyat yang mengambil perhatian berat kepada kawasannya dan atas keprihatinan beliau sebagai salah seorang penduduk juga di Johor Bahru ini. Saya ingin hendak bertanya Yang Berhormat, apa rasa keganjilan yang berlaku kepada *interchange* di Kempas ini. Saya tengok ada sedikit perbezaan dengan *interchange* lain di Johor Bahru kerana ada lampu merah di tengah-tengahnya, sedangkan di Jalan Tampoi itu sudah ada lampu merah. So, itu akan menyebabkan saya ingat kesesakan dan tidak menjawab masalah kesesakan jalan raya Tampoi-Pasir Gudang-Kempas ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Gelang Patah bukan menteri. Macam mana boleh jawab?  
*[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya tidak berpeluang hendak bercakap dalam perbahasan ini kerana sudah terhad untuk enam orang dan oleh sebab dia menyentuh tentang perkara ini ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tumpang dialah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Boleh dia bawakan apa yang saya katakan ini kerana rupa bentuk ataupun reka bentuk *inner ring* ini tidak begitu tepat. Tetapi saya ingin dengar pendapat Yang Berhormat bagi Gelang Patah, macam mana.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya yang juga adalah Ahli Parlimen bagi kawasan Johor Bahru memang prihatin, tahu kes yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading dan saya yakin pihak Kementerian Kerja Raya akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin lanjutkan perbahasan saya. Saya tadi katakan masalah banjir kilat yang mana mendatangkan masalah kepada kenderaan. Masalah sedemikian bukan sahaja timbul di kawasan pedalaman tetapi kerap juga terjadi di kawasan bandar. Beberapa batang jalan utama di Bandaraya Shah Alam juga menghadapi masalah yang serupa. Johor Bahru – di Jalan Ayer Molek, Jalan Tampoi, Jalan Skudai serta jalan-jalan dalam Kampung Poh Chi Ling dalam kawasan Parlimen Gelang Patah pun sentiasa menghadapi masalah banjir kilat selepas hujan.

Tuan Pengerusi, masalah jalan ditenggelami air selepas hujan membawa implikasi yang tidak boleh dipandang ringan. Salah satu kesan yang dapat diperhatikan segera ialah kesesakan lalu lintas yang serius sehingga mengganggu urusan harian pengguna jalan dan seterusnya menjejaskan aktiviti ekonomi masyarakat sekeliling. Selain daripada itu jalan-jalan juga mudah rosak sebelum mencapai hayat reka bentuk. Jalan-jalan yang mudah dibanjiri air juga secara tidak langsung menjejaskan industri pelancongan negara kita. Jika dikaji dengan teliti, kesemua ini membawa kesan negatif dari segi ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, mutu dan keselamatan sebatang jalan bukan sahaja bergantung kepada reka bentuk geometri serta fizikal jalan tersebut. Reka bentuk sistem perparitan yang selari dengan sebatang jalan juga memainkan peranan penting dalam menentukan mutu serta keselamatan jalan. Oleh itu, demi mengurangkan masalah jalan dibanjiri air, Jabatan Kerja Raya seharusnya bekerjasama dengan Jabatan Parit dan Saliran ketika merancang pembinaan jalan-jalan yang baru. Ini

adalah untuk memastikan sistem perparitan yang mencukupi dibina bersama-sama dengan pembinaan jalan baru.

Jabatan Kerja Raya juga harus mewujudkan satu sistem kawalan mutu bagi kerja-kerja pembinaan jalan. Kita perlu ada satu mekanisme untuk memastikan kontraktor-kontraktor jalan membina mengikut reka bentuk dan spesifikasi yang ditentukan oleh jurutera perunding. Jalan yang dibina tanpa mengikut geometri reka bentuk yang sesuai boleh menimbulkan masalah pengaliran air ketika hujan lebat.

Tuan Yang di-Pertua, jalan berlubang-lubang juga merupakan satu fenomena yang kerap kelihatan di negara ini. Kemalangan jalan yang berpunca dari lubang-lubang di permukaan jalan juga sering dilaporkan dalam surat khabar. Apabila kita memperkatakan tentang pembangunan atau penyelenggaraan jalan, Jabatan Kerja Raya bukan sahaja perlu melihat perkara ini secara makro tetapi juga aspek-aspek mikro seperti lubang-lubang di permukaan jalan serta lampu-lampu di tepi jalan tidak boleh diabaikan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa cukup. Sila gulung.

**Tuan Chang See Ten:** Sedikit sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana masa tidak cukup, saya ingin mengambil peluang keemasan ini minta pihak Kementerian Kerja Raya supaya dapat mempercepat projek jejantas kenderaan bertingkat di persimpangan Jalan Skudai-Jalan Pontian dan di persimpangan Jalan Pasir Gudang-Jalan Skudai dan di persimpangan Jalan Persisiran Perling dan Jalan Persisiran Perling I supaya dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di lokasi-lokasi yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Penampang.

**4.25 ptg.**

**Tuan Philip Benedict Lasimbang [Penampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan saya peluang ini. Saya cuma hanya menyentuh dua perkara iaitu Butiran 05200 - Jalan-jalan Besar Timur di Sabah dan Butiran 05400 - Jalanraya Timur-Barat di Sabah.

Tuan Pengerusi, Jalan Kota Kinabalu-Sandakan-Tawau mungkin merupakan jalan raya paling berbahaya di Malaysia di mana pada perkiraan saya meragut satu nyawa setiap hari. Jalan raya ini pada pandangan saya terlalu sempit. Ianya digunakan oleh kenderaan berat mengangkut barang-barang dagangan seperti minyak sawit, kayu balak dan lain-lain yang memerlukan kenderaan yang lebih besar dan lebar. Jalan

raya ini kerap kali rosak kerana muatan berat maka saya juga berpandangan ianya tidak dibina untuk kenderaan berat. Maka saya memohon supaya Jalanraya Kota Kinabalu-Sandakan-Tawau ini dilebarkan dan dipertingkatkan kemampuannya untuk kegunaan kenderaan berat.

Saya juga mencadangkan supaya kawasan-kawasan curam dilebarkan untuk membolehkan kenderaan memotong dan seterusnya mengurangkan tekanan pemandu terutama yang memandu jauh. Di samping itu Tuan Pengerusi, saya harap lebih banyak kemudahan berehat dan komunikasi disediakan bagi mereka yang ingin berehat dan mereka yang ingin meneruskan perjalanan dan juga untuk tujuan-tujuan *emergency*.

Sebuah lagi jalan raya paling berbahaya Jalanraya Kota Kinabalu-Tambunan-Tenom. Kawasan Jalan Penampang ke Tambunan merupakan jalan raya yang begitu memberikan tekanan kepada para pemandu kerana keadaan yang curam dan kenderaan berat yang melalui jalan raya yang sempit ini.

Saya mohon Kementerian Kerja Raya mengkaji dua jalan raya ini dan mencari penyelesaian kepada masalah yang telah membantut pembangunan, perdagangan dan industri lain seperti pelancongan di kawasan-kawasan yang terlibat.

Satu lagi saya ingin merujuk kepada Butiran 04002 - Lebuhraya Pan Borneo. Saya tidak akan merujuk lebuhraya ini sebagai lebuhraya pada masa kini kerana ini masih satu jalan yang kecil dan sempit dan saya merujuk kepada sebagai satu jalan raya sahaja. Jadi, bila saya melihat peruntukan pada tahun hadapan hanya RM320 ribu dan ilni amat mengecewakan. Saya mohon supaya dikaji semula harap diberikan peruntukan yang lebih kepada lebuhraya atau jalan raya Pan Borneo ini.

Saya juga serba sedikit ingin respons kepada jawapan Menteri Kerja Raya dua minggu yang lepas, di mana beliau tidak mempunyai pandangan positif terhadap pembinaan jalan raya Pan Borneo yang menghubungkan Sabah dan Sarawak ini.

Pergerakan rakyat Malaysia dari Sabah dan Sarawak dan sebaliknya sangat-sangat sukar kerana terpaksa melalui tanah negara Brunei. Perkembangan baru-baru ini di mana negara Brunei memperketat lagi undang-undang terutama dalam aspek perdagangan di mana kenderaan komersial ataupun kenderaan perdagangan tidak lagi dibenarkan mengangkut barang-barang dagangan menjadikan lagi satu penghalang dalam usaha kita untuk menggalakkan perdagangan dalam negeri. Imigresen negara Brunei juga menjadi penghalang pertumbuhan industri pelancongan di mana passport terpaksa dicap 20 kali dan kekerapan mereka membuat *random check* dengan izin, di negara mereka begitu menyukarkan para penumpang.

Saya pernah ke Miri dari Kota Kinabalu dan pada kiraan saya kalau perjalanan biasa akan mengambil masa 6 jam sahaja tetapi kerana masalah-masalah yang kita hadapi ia mengambil masa hampir 13 jam dan melalui *Immigration point* yang begitu tidak teratur dan saya boleh katakan kejam juga, tidak *friendly* dengan izin, juga dengan feri-feri yang tidak efisien. Ini kita terpaksa menunggu kadang-kadang satu jam sebelum feri itu boleh bergerak kerana bergantung kepada bilangan kenderaan yang ada dan saya memang mengalami apabila sampai ke imigresen terpaksa menunggu jauh yang mana tempat itu pun tidak selesa, kita terpaksa menunggu *queue* di sana dengan keadaan yang panas dan sebagainya. Jadi menyukarkan kita untuk masuk dan dapat yang saya katakan tadi kita terpaksa melalui tengah negara Brunei dua kali. Jadi, keluar, masuk sampai empat kali dan mengambil 20 kali cop jadi dengan ini pasport 30 halaman pun mungkin mengambil satu bulan bagi orang yang membuat perdagangan dan urusan di Sarawak setiap hari saya fikir ianya tidak lama, mungkin dua minggu sudah habis satu buku pasport.

Jadi, saya tidak tahu, Menteri perlu sedar dengan masalah dan kesukaran ini dan membuat kesimpulan bahawa jalan ini mungkin menjadi gajah putih atau *white elephant* dikatakan beliau jika dibina. Saya berani memberi jaminan kepada beliau bahawa ini tidak akan menjadi gajah putih dan adakah kaedah kita untuk meng *quantify* apakah itu gajah putih dari aspek jalan raya...

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju dengan percakapan Yang Berhormat mengenai soal jalan yang menjadi gajah putih itu. Dahulu pun pernah disebut jalan daripada Bintulu ke Bakun akan menjadi gajah putih walau pun kerajaan membelanjakan RM600 juta. Tetapi sekarang Yang Berhormat sedar tidak, jalan daripada Bintulu ke Bakun sudah hampir 100 ribu masyarakat yang berdekatan dengan rumah panjang sudah menduduki di sepanjang jalan. Kita menjangkakan dalam masa 10 tahun, 50 ribu masyarakat akan duduk di tepi-tepi jalan itu. Mungkin perkara yang sama akan berlaku di setiap jalan yang dibina termasuk jalan daripada Sarawak ke Sabah di belakang negara Brunei itu. Macam mana setuju atau tidak Yang Berhormat?

**Tuan Philip Benedict Lasimbang:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Memang saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat kerana kalau kita lihat, kalau ada infrastruktur memang sudah tentu tanah-tanah di sebelah jalan-jalan tersebut boleh dikomersilkan ditanam, boleh dibuat dengan tanaman komersial dan sebagainya

seperti pertanian dan akan memberikan lagi hasil ataupun pendapatan yang tinggi kepada masyarakat kita...

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Sipitang, hendak beri jalan?

**Tuan Philip Benedict Lasimbang:** Okay.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Penampang. Apakah Yang Berhormat bagi Penampang mempunyai tanggapan yang sama dengan saya, mungkin Menteri tidak tahu jalan ini dan mungkin Menteri tidak pernah lalu jalan ini. Bila jalan melalui Brunei, iaitu Lebuhraya Pan Borneo ini melalui Brunai yang kita minta ialah jalan alternatif supaya jangan melalui Brunei iaitu di kawasan Sabah dan Sarawak sahaja supaya rakyat apabila melalui untuk ke Sabah dan Sarawak tidak menggunakan pasport, tidak menggunakan 20 kali cop pasport.

Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa gajah putih ini selalunya satu bangunan yang diletakkan, ini dia panjang bukan gajah, dia mungkin ular putihlah, kalau jadi pun. Tetapi saya yakin ini tidak menjadi ular putih kerana jalan ini adalah sebenarnya penyumbang kepada pembangunan ekonomi dan inilah yang kita minta kementerian faham supaya kawasan Sipitang, Lawas, kawasan Bario di situ boleh dimajukan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat minta gulung Yang Berhormat.

**Tuan Philip Benedict Lasimbang:** Okay saya gulung ya. Saya setuju dengan Sipitang kerana jalan ini melalui Sipitang juga. Tuan Pengerusi, bila Sabah dan Sarawak bersetuju membentuk Malaysia, aspirasi kita adalah untuk pembangunan yang pesat dalam semua aspek. Mana lagi sandaran kita [*Tepuk*] Mana lagi sandaran kita kalau bukan kepada Menteri-menteri yang merancang dan mengimplementasikan program-program dan projek-projek untuk mencapai aspirasi ini. Pada pandangan saya, jalan ini perlu dibina kerana kosnya tidaklah begitu tinggi berbanding dengan jambatan kedua Pulau Pinang, tiga *fly over* di Kuala Lumpur pun mungkin sudah cukup untuk membina jalan raya yang menghubungkan Miri dengan Lawas dan ke Sipitang yang mana jalan ke Long Lama dari Miri sudah pun wujud. Jadi, maksudnya jalan raya yang perlu dibina hanya lebih kurang dalam lingkungan 200 kilometer.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah jalan raya ini dibina ianya akan menggalakkan lebih banyak lagi aktiviti perdagangan, pelancongan dan industri yang lain. Ianya akan menghasilkan satu sinergi yang amat berguna kepada negara kita. Jalan raya ini akan

mengurangkan masa perjalanan dan tekanan terhadap rakyat kita dan negara kita tidak perlu lagi memohon dan berunding dengan negara Brunei.

Saya cukup pasti dan yakin jalan raya ini tidak akan menjadi gajah putih dan saya mohon supaya kajian segera dijalankan oleh pihak Kementerian untuk melaksanakan projek ini.

Saya merekodkan juga permohonan ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Jeli.

**4.35 ptg.**

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera Tuan Pengerusi dan teman-teman Ahli Dewan sekalian.

Bagi membincangkan Kementerian Kerja Raya, saya ingin merujuk kepada Butiran 010100, 040100 dan 040200 di mana kita perhatikan bahawa pengurusan atasan Kementerian Kerja Raya jumlah kakitangannya 801 orang. Manakala di bawah pembangunan dan pentadbiran dan juga pengurusan dan penyelarasan projek berjumlah 1,938 orang. Daripada jumlah ini, yang berjumlah 2,739 orang ini, 90% adalah kakitangan teknikal, minimum. Sebab itu saya ingin mengucapkan takziah kepada Kementerian Kerja Raya kerana projek-projek yang sepatutnya dikendalikan oleh Kementerian Kerja Raya telah diambil oleh Kementerian Pendidikan. Sehingga akhirnya apa yang jadi pada projek-projek tersebut.

Umpamanya makmal komputer, yang cuba diselenggarakan oleh Kementerian Pendidikan tetapi nasib tidak menyebelahi kita bila mana kerajaan beria-ia hendak mempercepat pengajian komputer kepada anak-anak di sekolah, oleh kerana ketidakmampuan Kementerian Pendidikan mengendalikan projek makmal sekolah sehingga menyebabkan komputer-komputer tidak dapat dibekalkan kepada sekolah-sekolah atas alasan bangunan tidak dapat disiapkan. Atas alasan bangunan ini diberikan kepada beberapa kerat kontraktor dan ini disahkan sendiri oleh Pemuda UMNO di dalam akhbar dan juga oleh Yang di-Pertua Persatuan Kontraktor Melayu Bumiputera, Datuk Roslan Awang Chik.

Sedangkan sebelum ini, semasa projek-projek di bawah penyelarasan Jabatan Kerja Raya yang mempunyai kakitangan teknikal lebih daripada 2,500 orang dapat mengendalikan projek walaupun sebesar mana projek yang dipertanggungjawabkan kepada mereka tetapi diberikan kepada Kementerian Pendidikan yang mempunyai

kakitangan teknikal yang saya fikir di Kementerian Pendidikan yang mempunyai kakitangan teknikal tidak lebih daripada 100 orang. Dan bagaimana Kementerian Pendidikan mampu mengendalikan termasuk projek yang terbaru yakni sebanyak RM3.5 bilion daripada RM4.3 bilion projek rangsangan untuk memastikan GDP negara kita tidak berada dalam keadaan, dengan izin, *negative territory*.

Tetapi saya berterus terang di sini, kenyataan dua orang pakar ekonomi. Pertama Gabenor Bank Negara sendiri; yang kedua Pengarah Eksekutif MTEN. Seolah-olah memberikan satu gambaran cukup membimbangkan. Kerana apa? Kita hanya boleh dapat mengelak daripada *negative growth* kedua dalam masa 4 tahun sekiranya perbelanjaan RM4.3 bilion itu dapat dibelanjakan pada tahun ini. Ini merupakan satu jawapan yang nampak sangat tidak cerdas, tidak faham tentang kerja-kerja pembinaan. Mana mungkin pembinaan dapat disiapkan dalam masa 3 bulan, 4 bulan. Mana mungkin pembinaan dapat disiapkan dalam masa 6 bulan.

Sudah semestinya daripada RM3.5 bilion ini, paling tinggi 20% sahaja wang dapat dikeluarkan. Jadi, sekiranya dengan RM600 juta sudah semestinya tidak mencukupi untuk memastikan negara kita tidak berada dalam *GDP growth negative*. Sebab itu kita rasa kita tidak memikir panjang. Kerana apa? Kita lihat bahawa kerajaan banyak menyalurkan peruntukan-peruntukan kepada banyak kementerian, terutama kementerian-kementerian yang baru tumbuh sekitar 1985 dan ke atas. Kementerian-kementerian baru yang belum lagi memperuntukkan kakitangan-kakitangan teknikal untuk membolehkan mereka mengawasi dan juga menjaga projek-projek.

Sebab itu saya fikir, sepatutnya Kementerian Kerja Raya mula mengambil balik tugas-tugas yang selama ini memang sudah lama dijalankan oleh Kementerian Kerja Raya dan memang mereka mampu hendak melaksanakan kerana mereka mempunyai segala bidang teknikal, profesional di dalam jabatan tersebut. Kerana tidak ada mana-mana jabatan dalam negara kita yang mempunyai bilangan tenaga profesional daripada pelbagai lapisan sebanyak mana seperti yang berada dalam Jabatan Kerja Raya.

Sebab itu, saya sekali lagi kita lihat bahawa apa yang berlaku kepada projek sekolah yang dibina secara segera di mana padang-padang bola sudah hilang, menjadi mangsa padang bola. Di mana lagi anak-anak kita hendak bermain. Tetapi sekiranya ia dibuat oleh Jabatan Kerja Raya sudah semestinya Jabatan Kerja Raya akan menggunakan pakar-pakar dan menasihati supaya janganlah buat terlalu gopoh. Oleh kerana mentang-mentang hendak mempertahankan supaya kita tidak ada *negative growth* maka kita terus menggunakan kawasan-kawasan lapang yang saya fikir satu

masa nanti pihak-pihak NGO akan mengambil kesempatan mengkritik habis-habisan kepada kerajaan kerana tidak ada kawasan lapang kerana kawasan lapang *per head* sudah mula mengurang.

Jadi, minta Kementerian Kerja Raya memainkan balik peranan asal mereka kerana mereka memang mampu. Sebab itu kita tengok bagaimana mereka telah menghantarkan tenaga-tenaga terlatih mereka kepada mana, kepada KLIA. Apa jadi kepada KLIA? KLIA mampu menjimatkan kos pembinaan. Lapangan terbang Kuala Lumpur, Subang, daripada RM20 bilion asal kepada hanya RM11.5 bilion ke RM12 bilion. Itulah kemampuan yang ada pada kementerian.

Walaupun begitu saya ingin terus kepada P.33 02400 .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Hendak bagi jalan atau tidak? Rompin bangun.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Bagi masa tambah, saya bagi.  
*[Ketawa]* 02400 – Jalan dan Jambatan Pasir Mas, Kelantan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Tidak bagi jalan, Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk]*

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Saya akan bagi, jangan bimbang. Jalan dan Jambatan Pasir Mas berjumlah RM73 juta. Dalam buku ini semenjak 2, 3 tahun masih lagi mengekalkan RM73 juta. Saya minta pihak kementerian membetulkan angka ini kerana kosnya sudah tidak menjadi RM73 juta, kosnya sudah menjadi RM160 juta. Jangan sama sekali mengelirukan Ahli-ahli Parlimen dengan mengekalkan harga RM73 juta. Kalau sesiapa pergi tengok pada jambatan tersebut, dengan design barunya dan jalan tersebut maka adalah hampir mustahil RM73 juta dapat dilaksanakan dengan keadaan sebegitu rupa. Kerana kita sangat ingat, kerana projek inilah satu projek yang beria-ia sangat hendak digunakan sebagai platform oleh bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang sekarang ini masih menjadi Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas.

Projek kontroversial inilah yang menjadi kata-kata dan cakap-cakap banyak masyarakat di Kelantan. Sebab itu minta tolong diperbetul angka daripada RM73 juta kepada RM160 juta kerana ini mengelirukan dan tidak menyampaikan maklumat yang betul, kerana design sudah berubah...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, cukup sudah tu.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Satu lagi Tuan Pengerusi, sikit sahaja, satu minit. Saya hendak minta Tuan Pengerusi, kita rasa kita kasihanlah Tuan Pengerusi kepada kakitangan rendah kerana Kementerian Kerja Raya hanya memperuntukkan RM8 juta untuk kakitangan-kakitangan jabatan kerajaan sedangkan polis kita sudah beri banyak peruntukan, askar sudah banyak tetapi kakitangan lain, kita kena ingat, Tuan Pengerusi, yang lain-lain Tuan Pengerusi semua duduk rumah JKR bina ini – Rumah Persekutuan. Sedangkan RM8 juta berapa unit boleh buat. Hendak tanya kementerian, berapa unit boleh buat dengan RM8 juta ini. Kita tengok rumah-rumah yang ada, tua-tua sudah. Tuan Pengerusi pun tahu, umur sama tua dengan Tuan Pengerusi pun ada sudah, lebih tua daripada Tuan Pengerusi pun ada.

Jadi, saya bimbang Tuan Pengerusi, macam ini sedangkan satu lagi masalah Tuan Pengerusi P.33, Butiran 18200 – Tempat Kediaman Rasmi dan Butiran 18300 - Mengubah Bentuk dan Kediaman Rasmi, yang itu RM13 juta. RM5 juta campur RM8 juta, kediaman rasmi berapa biji. Habis tinggi dua biji, tiga biji. Yang ini rumah kakitangan, rumah kakitangan rendah ini RM8 juta, satu benda yang peliklah ini. Saya minta tolong, kalau boleh lepas ini tolong perbanyakkan rumah kakitangan ini supaya lepas ini kakitangan rendah ini duduklah rumah elok-elok sikit. Ini atap bocor, sana bocor, sini bocor. Kalau tidak percaya pergi dekat bulatan Kampung Pandan, itulah model rumah kakitangan awam.

Ok. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Hulu Langat. Ya.

**4.45 ptg.**

**Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di bawah kementerian ini, izinkan saya menyentuh satu perkara sahaja iaitu di bawah 09400 – LLM. Saya masuk khusus kepada projek yang telah diswastakan iaitu PLUS dan di bawah PLUS itu ada satu perkhidmatan yang dipanggil *Smart Tag* dan juga *Touch n Go* yang dikendalikan oleh pengendali ataupun pengusaha monopoli iaitu Rangkaian Segar.

Bunyinya cantik, Tuan Pengerusi, *Touch n Go* tetapi setelah kita *touch, still we cannot go*, khususnya *Smart Tag*. Banyak kali sudah. Panel *Smart Tag* ini pula kita kena beli lebih kurang RM300. Ha, Timbalan Menteri sudah angguk awal-awal. Kita beli yang harga RM300. Untuk kemudahan kita beli, maksud saya kemudahan, tidak perlu beraturlah macam orang bayar tunai. Rangkaian Segar dan PLUS pun buat iklan

“Kenapa Perlu Beratur Jika Boleh Jalan Terus”. Itulah sebabnya kita ambil *Smart Tag*. Tetapi sekarang kena tunggu juga.

PLUS sendiri menyedari hakikat ini sebab itu sekarang kalau kita tengok di depan lorong *Smart Tag*, ada satu parking lot. Dia sudah tahu memang ada kereta akan sangkut setiap hari. Untuk membuktikannya, Tuan Pengerusi, saya turunkan pengalaman saya sendiri. Saya jarang hendak ambil cerita daripada orang. Saya bawa ke sini pengalaman saya sendiri sebab saya hendak tahu bagaimana umpamanya pada 5 November, pada 2.08 petang saya masuk ke lebuh raya ini melalui Tol Sungai Besi tetapi sangkut di Kajang. Sangkut kerana puncanya di depan ada kereta lain yang sangkut. Tidak tahulah apa masalah. Sama ada dia tidak ada *Smart Tag* ataupun apa. Apabila saya masuk, *Smart Tag* saya on, dia lepas, saya yang sangkut. Jadi, seolah-olah saya bayar untuk dia. Sudahlah dia lepas, saya sangkut, kemudian apabila pegawai atau pengendali ini buka *gate* ataupun palang untuk saya, didapati *Smart Tag* saya sudah kurang RM32.70 dan baki yang ada dalam *Smart Tag* saya cuma ada 50 sen. Caj yang dikenakan ialah untuk kadar dari Skudai ke Kajang, sedangkan perjalanan saya sejauh 14 kilometer cuma dari Sungai Besi ke Kajang. Jadi, ringkasnya Rangkaian Segar telah curi duit saya sebanyak RM32.70.

Saya membuat aduan lisan melalui Tol Kajang dan mereka kata ini memang terjadi dan berjanji tidak akan berlaku lagi. Saya minta duit dikembalikan sebanyak RM32.70 sebab dalam *Smart Tag* saya tinggal 50 sen. Ini bermakna saya tidak boleh hendak balik ke Sungai Besi sebab jumlahnya RM1.70, sedangkan saya ada 70 sen sahaja ketika itu. Nasihat mereka ialah beli lagi dan apa ada pilihan, kita terpaksa buat.

Persoalan saya ialah kenapa apabila pengguna minta dibayar balik, kena tunggu sampai 45 hari sedangkan masa kita bayar *Touch n Go* atau *Smart Tag*, kita bayar tunai ketika itu juga. Di setiap plaza tol, Tuan Pengerusi, ada rakaman video iaitu merakamkan kenderaan yang masuk dan keluar lebuh raya. Rakaman ini boleh disemak segera, boleh lihat di mana kita masuk, di mana kita keluar.

Yang menjadi persoalan hendak saya tanya kepada kementerian ialah kenapa tidak boleh bayar segera? Bukan perlu bayar duit, cuma tekan *key* atau kekunci dalam komputer, boleh bayar balik. Ini berlaku apabila kita bayar tunai. Bayar tunai, mereka boleh tekan, sudah bayar RM50 tetapi hendak bayar balik duit yang dicuri, tidak boleh pula. Ha, itu agak pelik dan saya mintalah kementerian melihat perkara ini.

Selepas peristiwa 2.08 petang, 11 jam kemudian iaitu pukul 1.06 pagi, saya menggunakan laluan dan lorong yang sama tetapi masuk di Sungai Besi dan keluar di

Kajang. Kali ini kad *Touch n Go* saya memaparkan “Tiada Rekod di Plaza Masuk”. Tiada rekod bukan masalah pengguna sebab kalau tidak ada *Smart Tag* atau *Touch n Go*, macam mana palang boleh buka? Kalau palang tidak buka, macam mana orang hendak masuk? Yang hairan itu, sudah masuk, tidak boleh keluar.

Saya geram lagi sebab lagi sekali apabila saya keluar, saya dikenakan caj maksimum dari Skudai juga. Lagi sekali RM32.70. Saya gunakan lorong yang sama dan saya dapati pegawai yang bertugas pun sama. Curi duit saya pun dengan jumlah yang sama iaitu RM32.70. Ketika itu, Tuan Pengerusi, saya benar-benar hilang sabar dan saya ada saksi ketika itu iaitu Yang Berhormat bagi Bukit Gantang, dia melihat bagaimana saya naik berang. Hampir-hampir saya hendak patahkan palang itu tetapi mengingatkan kita sebagai warganegara yang baik, tidak jadilah saya buat *[Ketawa]*

Esoknya baru saya buat laporan rasmi, laporan bertulis iaitu di Plaza Tol Kajang sekali lagi, lebih kurang 4.45 petang. Pada pukul 6.30 petang, selepas satu majlis di Bangi, saya balik semula ke Kuala Lumpur, masuk di Plaza Tol Sungai Besi, walaupun menggunakan kereta dan kad *Touch n Go* yang lain. Saya sengaja cuba. Sebenarnya saya ada tiga kad *Touch n Go*. Saya gunakan kad yang lain, takut-takut kalau kad saya yang pertama itu rosak. Sekali sahaja apabila keluar di Sungai Besi, palang dibuka, dia kata tidak ada rekod. Tidak boleh keluar juga tetapi kali ini tidaklah dia *tax* sebanyak RM32.70 sebab saya panggil pegawai dan saya cerita pengalaman dan palang dibuka dan saya dicaj RM1.70 juga.

Jadi, persoalannya ialah bagaimana Rangkaian Segar ini mengendalikan mesin-mesin *Touch n Go* mereka. Saya percaya bukan saya seorang berpengalaman. Banyak kali saya tengok kereta tersadai. Sejak Rangkaian Segar mempunyai mesin ini, pernah tidak dia servis? Bagi saya, kementerian harus pecahkan monopoli yang dieksklusifkan kepada Rangkaian Segar ini. Biar ada orang lain, biar ada pengendali lain, barulah ada pertandingan yang sihat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat ada dua minit lagi.

**Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Dua minit, bolehlah. 15 saat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Penyelesaiannya senang sahaja saya rasa Yang Berhormat....

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kementerian pecat sahaja *company* ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, bukan Yang Berhormat menjawab macam mana hendak menyelesaikan [Ketawa] Yang Berhormat minta....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya hendak bertanya.

**Tuan Pengerusi:** .....Penjelasan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya. Setuju tidak Yang Berhormat....  
[Ketawa] Cara hendak mengatasi kesulitan yang menyusahkan orang ramai ini, kementerian pecat *company* yang tidak bertanggungjawab seperti ini sebagai satu pengajaran. Setuju atau tidak? Itu sahaja. [Ketawa]

**Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Maksud saya itu sama dengan Yang Berhormatlah, cuma saya gunakan bahasa yang baik sedikit. [Ketawa] Saya gunakan tadi "pecahkan monopoli". Yang Berhormat hendak pecat. Jadi, pecat itu maknanya ganti dengan orang lainlah. Saya gunakan berbahasa sedikit. Tambah, kalau tidak hendak tambah, ganti. Lebih kurang macam itulah maksudnya, Yang Berhormat. Cuma, tambah pula dalam bulan puasa ini kita berbudi bahasa sedikit. Itu sahajalah. Maksud saya sama.

Jadi, elok juga kementerian fikirkan untuk pecahkan monopoli ini. Seperti saya kata tadi, barulah ada pertandingan yang sihat. Biar dalam satu plaza tol itu ada dua atau tiga pengendali. Jadi, kita pilih syarikat yang baik, lorong mana yang baik, kita pilih. Tidak baik, biar dia dengan jalan dia. Kita cari yang terbaik sahaja.

Jadi soalnya, sanggupkah kementerian pecahkan monopoli dan saya ingin bertanya jugalah kepada kementerian, berapakah agaknya aduan yang diterima daripada orang ramai mengenai masalah-masalah *Touch n Go* ataupun *Smart Tag* ini dan kenapa mengambil masa yang terlalu lama untuk kembalikan wang? Saya diberitahu oleh pegawai Rangkaian Segar, prosedur mereka ialah 45 hari, sedangkan ia boleh dikendalikan dalam masa 4 hingga 5 saat sahaja. Bukan sahaja *Touch n Go, one touch, you can go* iaitu satu *touch* kekunci di komputer, boleh pulangkan balik wang. Ini soalnya mahu tidak mahu.

Jadi, kesimpulannya kita tidak mahu, macam saya kata tadi, saya ada 3 kad, saya sudah belanja RM900 – *I had touched but still I cannot go. I have paid* tetapi masih lagi sangkut. Ini dengan izin, Tuan Pengerusi, perkhidmatan-perkhidmatan ini dapat diselesaikan dengan dua cara tadi itu sahajalah.

**Tuan Pengerusi:** Masa Yang Berhormat cukup dah, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Iaitu pecat ataupun pecahkan monopoli. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Pokok Sena. Selepas itu Menteri menjawab.

**4.55 ptg.**

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam Kementerian Kerja Raya ini iaitu dalam Butiran 02000 dan Butiran 00400 berkaitan dengan soal pembinaan jalan dan jambatan.

Saya melihat bahawa kalau kita lihat dalam buku prestasi memperlihatkan tentang objektif supaya kementerian dapat menyediakan jalan dan jambatan yang mempunyai mutu ataupun kualiti yang baik dan ini sangat kita alu-alukan untuk memberi kemudahan dan keselamatan kepada pengguna-pengguna di jalan raya. Tetapi malang kita lihat bahawa akhir-akhir ini merata-rata tempat boleh dikatakan jalan-jalan tidak dapat disediakan dengan satu jalan yang baik dan saya bimbang seperti mana disebut oleh Jeli tadi bahawa oleh kerana kerajaan hendak menghabiskan peruntukan perbelanjaan yang sepatutnya dihabiskan sebelum berakhirnya tahun ini dan akhirnya jalan-jalan yang dibuat itu tadi tidak dapat hendak diselia secara yang sebaiknya sehingga kita tidak dapat hendak memastikan pembinaan ataupun pembuatannya mengikut speknnya yang betul. Ini yang saya harap supaya penelitian ini harus dibuat ataupun dilakukan secara yang sebaik-baiknya.

Kemudian tentang Butiran 020400 tentang Perkhidmatan Penyelenggaraan Jalan. Sekarang kerajaan telah pun menswastakan projek penyelenggaraan jalan raya Persekutuan kepada beberapa syarikat iaitu Selia Senggara Road Care dan Wangsa Belati yang dahulunya dibuat oleh pihak Jabatan Kerja Raya sendiri. Tetapi ada beberapa kes yang kita lihat bahawa kebimbangannya takut nanti ialah ini merupakan ruang untuk syarikat-syarikat yang diberikan tanggungjawab dalam menyelenggarakan jalan ini untuk mendapat keuntungan yang lebih apabila mereka membuat ataupun pelaksanaan penyelenggaraan jalan itu dibuat dalam kerja-kerja yang bertindih.

Umpamanya, kadang-kadang saya difahamkan penyelenggaraan jalan ini juga termasuk menjaga kebersihan di tepi-tepi jalan umpamanya di gigi-gigi jalan. Tetapi di gigi-gigi jalan itu dibuat oleh Majlis Perbandaran umpamanya dan saya difahamkan bahawa kebimbangannya nanti takut syarikat-syarikat ini juga akan buat *claim* padahal dia tidak buat kerja, yang buatnya ialah Majlis Perbandaran, Majlis Daerah dan sebagainya sedangkan *claim* dibuat untuk kepentingan syarikat mereka. Dan kita lihat bahawa.....

**Tuan Zawawi bin Haji Ahmad:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ya.

**Tuan Zawawi bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Adakah Yang Berhormat sedar di kawasan Yang Berhormat sendiri jalan hanyalah 1.1 kilometer sebulan sudah tidak siap. Jadi, jalan yang pendek ambil masa yang lama. Ini siapa buat kerja ini?

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, itu pun saya hendak sebut juga tadi tetapi pasal Yang Berhormat hendak balik Padang Terap kena lalu kawasan saya. Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Terap. Itu satu contohlah bagaimana satu jalan yang tidak begitu panjang tetapi mengambil masa yang lama dan kini menyukarkan orang ramai untuk lalu di situ dan keadaan sekarang ini musim kemarau di sebelah Utara khususnya di Kedah sudah bermula dan debu-debu naik dan ini mengganggu soal kesihatan di kalangan penduduk-penduduk di sekitar itu.

Saya balik kepada soal penyelenggaraan jalan tadi. Saya lihat bahawa soal penyelenggaraan jalan ini saya difahamkan juga beberapa pegawai-pegawai di kalangan kakitangan Jabatan Kerja Raya sendiri melihat bahawa ketidakpuasan hati mereka terhadap kerja-kerja penyelenggaraan jalan yang dilakukan oleh pihak-pihak yang diberikan tanggungjawab untuk menyelenggarakan jalan-jalan ini. Saya takut nanti ini akan menjadi satu projek sebab dia punya pakej ini memakan tempoh yang lebih daripada 15 tahun kalau tidak silap saya yang diumumkan oleh Menteri Kerja Raya di sini kepada syarikat-syarikat ini. Ini sudah tentu akan memberi peluang yang besar untuk mereka mendapat keuntungan yang besar.

Dan akhirnya Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh di sini ialah Butiran 04000 berkaitan dengan Bangunan. Dalam buku prestasi ini juga menyebut bahawa objektifnya menyediakan bangunan-bangunan kerajaan dan infrastrukturnya selaras dengan dasar pembangunan, jangka masa penyempurnaan secepat mungkin, kos ekonomi, rupa bentuk yang menarik serta mutunya yang terbaik. Yang saya hendak timbulkan persoalan di sini, Tuan Pengerusi, ialah kalau dululah maknanya sesuatu projek bangunan kerajaan dan termasuklah jalan sekalipun akan ada *signboard* ataupun papan tanda kerajaan yang ada lambang JKR.

Kemudian projek jalan untuk bina, projek buat bangunan dan sebagainya tetapi hari ini saya nampak diletakkan di situ "Satu lagi projek Kerajaan Barisan Nasional" lambang dacing. Dahulunya memang tidak pernah. Sekarang ini di mana-mana. Jalan mungkin Tuan Pengerusi pun ingat jalan hendak buat daripada Anak Bukit ke lapangan

terbang pun untuk menaikkan taraf jalan tersebut pun ada "Satu lagi projek Kerajaan Barisan Nasional". Jadi, lambangnya lambang dacing. Hospital dekat rumah saya pun macam itu juga "Satu lagi projek Kerajaan Barisan Nasional" lambang dacing bukan main besar. Jadi, lambang kati itu.... lambang kati itu....

**Tuan Pengerusi:** Ada dua.....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Minta maaf..., lambang kati itu ialah lambang kati, bukan lambang kerajaan ataupun lambang negara. Yang saya tahu lambang kalau *letter head* yang dipakai oleh jabatan-jabatan kerajaan, singa berjuang dua ekor. Saya tidak tahulah, adakah sekarang ini sudah ditukar singa kepada "beruk mak yeh". [Ketawa] Dan "beruk mak yeh" pun saya tidak nampak Tuan Pengerusi. Jadi, yang nampaknya lambang Barisan Nasional.

Jadi, saya dok fikir, adakah sekarang ini lambang kerajaan sekarang ini pakai lambang kati sedangkan kerajaan telah menyebut tentang pelaksanaan program Aku Janji untuk kakitangan-kakitangan kerajaan umpamanya untuk memastikan sikap berkecualian mereka dalam hal-hal politik. Jadi, sekarang bila meletakkan lambang Barisan Nasional di dalam projek-projek kerajaan, jadi bagaimana kita hendak memastikan bahawa *engineer* ataupun *technical assistant* yang hendak membuat penyeliaan projek tersebut untuk hendak memastikan tahap keberkecualian dia sedangkan dia terpaksa mari menyelia projek, melihat projek yang kononnya dikendalikan oleh Kerajaan Barisan Nasional, seolah-olah dia meletakkan bahawa dia bekerja untuk parti Barisan Nasional sedangkan dia bekerja untuk JKR, untuk kerajaan.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ya, empat orang bangun Yang Berhormat. Ya, hendak bagi kesemuanya? [Ketawa].

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kuala Kedahlah.

**Tuan Pengerusi:** Dia beri Kuala Kedah.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Pokok Sena, saya ingin bertanya Pokok Sena.

**Tuan Pengerusi:** Ya, dia bagi kepada Kuala Kedah ya.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Pokok Sena tidak ikut perkembangan. Bukankah lambang dacing yang diletakkan di beg baja padi semua kawasan padi BN kalah. Biarlah jalan raya, sekolah letak lambang dacing pilihan raya akan datang semua tempat itu BN kalah. Ini tidak ikut perkembangan zaman ini [Sorak] [Tepuk]

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tidak, saya bersetuju Yang Berhormat. Kalau kata jenama sekolah itu ataupun jenama jalan itu jalan cap dacing tidak apa.

Macam baja. Baja itu jenama dia baja cap dacing tidak apalah bagi. Maknanya baja cap dacing, bukannya baja satu projek Kerajaan Barisan Nasional walaupun ia dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional tetapi hanya jenama cap dacing. Ini jalan, takkan jalan cap dacing. Hospital dekat rumah saya, takkan hospital cap dacing. Kemudian bubuh pula hospital itu "Satu lagi projek Kerajaan Barisan Nasional untuk rakyat" Hospital Besar Alor Setar. Memanglah hospital untuk rakyat, bukannya untuk jebon, untuk biawak kapur. Tidak pernahlah orang kalau jebonkah, biawakkah sakit perut pergi hospital. Tentulah orang bawa pergi ke pejabat haiwan. Jadi, tidak munasabah.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Hendak bagi jalan tak? Batu Gajah ya.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Yang Berhormat bagi Pokok Sena, papan tanda menunjukkan "Projek Kerajaan Barisan Nasional" dengan logo dacing tersebut bukan sahaja wujud di kawasan Yang Berhormat. Di kawasan saya pun banyak. Apakah Yang Berhormat setuju bahawa ini adalah taktik-taktik untuk menipu rakyat seolah-olah wang itu daripada parti Barisan Nasional dan bukannya daripada wang rakyat. Apakah Yang Berhormat setuju bahawa ini adalah menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sudah tidak ada cara lain kecuali ini menunjukkan mereka ketagihan kuasa guna wang rakyat. Mereka kata menunjukkan seolah-olah wang daripada parti mereka bagi mempromosikan bahawa itu adalah projek parti mereka. Setujukah mereka ketagihan kuasa?

**Tuan Pengerusi:** Ya, masa Yang Berhormat ada satu minit lagi.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Memang saya setuju memang ketagih kuasa, bukan setakat ketagih kuasa tetapi lambang itu lambang itu lambang ketidakcerdikan UMNO dan Barisan Nasional. Jadi, saya ingat kalau nanti lepas ini dia ada buat tanah kubur pun, kubur cap Barisan Nasional... *[Ketawa]* Jadi boleh pilih di mana hendak disimpan, hendak dikebumikan di situ.

Jadi, saya haraplah supaya imej ini dapat ditukar, tidak baik untuk kita, sebab bagi saya ini meletakkan dalam psikologinya sukar untuk bagi pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan hendak bersikap berkecuali dalam pelaksanaan tugas mereka, seolah-olah meletakkan bahawa mereka ini bertugas untuk parti Barisan Nasional, sedangkan mereka bertuas untuk kerajaan - Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan bukan lambang, dia lambang 'kati'. Lambang 'singa berjuang', jadi ini yang harus diletakkan. Kita akan mendukung kalau diletakkan, dan saya hendak sebut satu lagi projek Kerajaan Persekutuan – tidak mengapa, saya bersetuju.

Ini buat 'bus stop' pun, di Jalan Bukit Tembaga hendak pergi ke Padang Terap itu, bus stop cat warna biru, satu lagi projek Kerajaan Barisan Nasional. Apa bus stop itu, tempat orang menunggu bas sahaja, saya ingat nanti kalau buat reban ayam nanti pun satu lagi projek Kerajaan Barisan Nasional. Saya ingat bahawa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional masuk ke dalam reban ayamlah lebih kurang [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Baik, terima kasih Tun.

**Tuan Pengerusi:** Ya, kementerian menjawab. [Dewan riuh]

**Seorang Ahli:** Bolehkah saya .....

**Tuan Pengerusi:** Ya, cukuplah. Ya, sila, sila. Kita tidak cukup masa Yang Berhormat, kita tidak cukup masa.

**5.07 ptg.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]:**  
Tuan Pengerusi, .....

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di peringkat Jawatankuasa membahaskan peruntukan untuk Kementerian Kerja Raya bagi Belanjawan 2002 akan datang.

Sememangnya bagi pihak kementerian, kita menyambut baik pandangan dan juga cadangan serta komen yang diberikan oleh semua Ahli Yang Berhormat tersebut dan mana yang sempat dijawab akan diberikan jawapan, manakala yang lainnya sekiranya tidak dapat dilakukan di peringkat jawapan ini, akan dibuat secara bertulis.

Yang Berhormat daripada Seputeh telah membangkitkan beberapa perkara, yang mana antaranya ialah mengenai penduduk Kampung Thye Yew yang terlibat dengan projek melebarkan Jalan Sungai Besi, yang mana seperti kata Yang Berhormat beliau telah bosan untuk mendapat telefon daripada penduduk ataupun pengundinya, tetapi suka saya memberi jaminan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah bosan untuk menerima telefon ataupun rintihan daripada rakyat, dan kerana keprihatinan Kerajaan Barisan Nasionallah maka apa yang diminta oleh penduduk dan pengundi Yang Berhormat, walaupun Yang Berhormat mewakili parti pembangkang, tetapi Kerajaan Barisan Nasional bersetuju untuk menyambung bantuan sewa rumah

yang belum siap itu selama 31 bulan daripada bulan Oktober 2000 sehingga April 2003 yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM2,222,700.

Ini telah pun menjadi keputusan daripada pihak kementerian, soalnya seperti yang dinyatakan ialah bila ianya hendak dibayar. Sebagaimana yang mungkin kita semua sedia maklum, pembayarannya hanya akan dilakukan apabila pihak pengurusan LLM mendapat keputusan daripada sumber mana, sumber kewangan itu hendak dibiayai, keputusan yang telah dibuat tersebut.

Jadi, saya berharap pihak penduduk-penduduk di Kampung Thye Yew dapat bersabar kerana keputusannya sudah ada, walaupun lambat dilaksanakan, maka sudah tentulah tunggakan akan dibayar kepada mereka. Hanya kita kena buat keputusan yang betul dan teliti supaya kalau kita membelanjakan daripada peruntukan yang lain, tentunya Yang Berhormat dekat sini juga yang akan membangkit dan membuat komen yang tidak bersetuju dan sebagainya. Jadi, dari segi LLM sedang menunggu daripada kementerian mengenai sumber kewangan bagi menampung kos penyambungan bantuan sewa rumah kepada 239 keluarga setinggian tersebut.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya, kenapakah keputusan yang telah lama dibuat ini telah beberapa bulan, kenapa ia begitu sukar bagi LLM untuk membuat keputusan dari sumber mana untuk mengambil wang ini. Kita tahu selalu ada perbekalan tambahan yang dibahaskan di Dewan yang mulia ini, adakan satu masa dalam perbekalan tambahan, jadi saya tentu menyokong 100%, jadi kenapa memakan masa begitu panjang, orang sudah tidak sabar lagilah.

**Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin:** Saya percaya dengan penerangan yang jelas, penduduk di sana akan sabar, mungkin Yang Berhormat yang tidak sabar. Kerana Yang Berhormat sendiri mengaku bosan mendengar menerima panggilan telefon daripada pengundi Yang Berhormat. Jadi, saya percaya dengan keputusan itu, insya-Allah penduduk-penduduk seramai 239 keluarga itu akan akhirnya dibayar dan walaupun mungkin lambat, mereka akan diberikan tunggakan.

Mengenai ...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta jikalau Yang Berhormat boleh siapkan jawapan hingga pukul 5.30 petang ya.

**Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin:** Saya cuba ya. Mengenai soal syarikat konsesi yang baru iaitu New Pantai Expressway, sukalah saya maklumkan

kepada Dewan yang mulia ini, iaitu memang benar syarikat konsesi bagi lebuhraya baru pantai telah diambil alih oleh syarikat yang baru iaitu Syarikat Road Builder dan semenjak pengambilan alih konsesi ini, kemajuan kerja lebuhraya telah meningkat dari 12% ke 27% dalam masa lima bulan kebelakangan ini.

Mengenai soal syarikat tersebut telah mencerooh rumah setinggan, pihak kementerian akan menyiasat perkara itu, walaupun mengikut Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh syarikat mencerooh rumah setinggan, walhal setinggan yang mencerooh tanah kerajaan.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai jumlah seramai 40 orang yang menyertai satu seminar di Australia itu seminar mengenai sistem isyarat lebuhraya yang dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri dan telah dinyatakan apa perlunya pihak kementerian menghantar rombongan yang begitu besar untuk seminar tersebut. Untuk perhatian Yang Berhormat, sebenarnya bukan pihak kementerian yang menghantar rombongan yang sebegitu besar, yang menghantarnya adalah pihak REAM (Road Engineering Association of Malaysia). Mereka yang menganjurkan lawatan ke Australia bagi menghadiri seminar ITS dan sememangnya betul peserta seminar adalah seramai 40 orang tetapi pegawai kerajaan yang terdiri daripada Yang Berhormat Menteri hanyalah seramai enam orang. Jadi, kemungkinannya laporan yang diterima oleh Yang Berhormat itu kurang tepat, dan maka atas sebab itu saya tidak dapat hendak memberi ulasan yang lanjut mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Soal mengenai bekalan air, isu-isu paip agihan air yang selalu bocor di Salak Selatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh, penggantian paip-paip agihan air di kawasan Salak Selatan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan kewangan Kerajaan Negeri Selangor kerana dalam soal air ini, soal downstream adalah tanggungjawab negeri, soal pengagihan air. Jadi, walau bagaimanapun, masalah paip yang kerap bocor itu akan dipanjangkan kepada pihak Jabatan Bekalan Air Selangor untuk diberikan keutamaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kuasa untuk menentukan kadar tarif air adalah bidang kuasa negeri dan bukannya bidang kuasa Kementerian Kerja Raya. Ini adalah berikutan dengan aduan Yang Berhormat mengenai kadar tarif air untuk kondominium yang dikatakan adalah terlalu tinggi. Walau bagaimanapun, pihak kami pihak kementerian akan panjangkan perkara yang diadakan oleh Ahli Yang Berhormat itu kepada pihak Jabatan Bekalan Air.

Mengenai penswastaaan Jabatan Bekalan Air Selangor, sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah memutuskan untuk tidak melaksanakan cadangan penswastaaan Jabatan Bekalan Air Selangor, sebaliknya memilih supaya ia dikorporatkan terlebih dahulu. Keputusan tersebut diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor setelah meneliti dan mengambil kira tanggungan dan defisit bagi projek-projek bekalan air yang sedia ada di dalam negeri Selangor dan mengenai masalah kekurangan kakitangan di jabatan tersebut, ia adalah disebabkan pengisian jawatan terpaksa dibekukan buat sementara waktu sehingga urusan pengkorporatan diselesaikan. Jadi, setelah soal itu diselesaikan maka barulah jawatan-jawatan tersebut itu akan di isi.

Yang Berhormat dari Gelang Patah telah membangkitkan mengenai jalan-jalan yang ditenggelami air dan juga jalan-jalan yang berlubang. Untuk perhatian Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya sememangnya sentiasa mengenal pasti jalan-jalan yang ditenggelami air dan akan meningkatkan paras jalan-jalan tersebut serta meningkatkan sistem perparitan di lokasi-lokasi berkenaan secara berperingkat.

Di dalam sesuatu keadaan di mana sesebuah jalan itu menghadapi ataupun ditenggelami oleh air banjir maka sudah tentulah yang penting perlu diketahui ialah punca banjir itu berlaku di atas sesuatu jalan dan kalau kita lihat dalam banyak kejadian dan pengalaman yang dialami oleh kita semua, sesuatu kejadian banjir di atas sesebuah lebuh raya ataupun jalan adalah kemungkinannya disebabkan oleh kepesatan pembangunan di sekeliling ataupun ceteknya sungai dan parit yang dilalui oleh jalan tersebut. Jadi, sama ada apakah yang menyebabkan banjir itu, perlulah kita ketahui apa yang menjadi punca kepada keadaan yang sedemikian.

Begitu juga dengan jalan-jalan berlubang, kita telah pun dimaklumkan dalam Dewan yang mulia ini iaitu penyelenggaraan jalan-jalan Persekutuan telah pun diswastakan pada awal tahun ini dan sebagaimana yang telah disyaratkan oleh pihak kerajaan, kalau sesuatu jalan itu berlubang maka ia perlu di perbaiki oleh syarikat yang berkaitan selewat-lewatnya tiga hari selepas syarikat tersebut dimaklumkan mengenainya. Jadi, perlulah kita bersama-sama memainkan peranan untuk memaklumkan sekiranya terdapat jalan-jalan yang berlubang supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

Mengenai persimpangan bertingkat Kempas *inter-change* di Pasir Gudang Highway, sukalah saya maklumkan bahawa projek naik taraf persimpangan bertingkat Kempas ini baru sahaja siap pada bulan Oktober ini dan pihak JKR Daerah Johor Bahru

adalah dalam proses untuk menyeragamkan *traffic light* di simpang Jalan Tampoi untuk memastikan aliran kenderaan yang lebih licin di dalam kawasan itu. Jadi, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat melalui penjelasan yang diminta oleh Yang Berhormat Sri Gading itu sememangnya sedang diberikan perhatian oleh pihak Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya Daerah Johor Bahru.

Mengenai soal naik taraf simpangan Perling, Lebuhraya Pasir Gudang dan juga interchange Skudai, telah saya memaklumkan bahawa projek-projek ini sememangnya ada di dalam perhatian pihak kementerian dan kerana ia merupakan sebahagian daripada projek Lebuhraya Pasir Gudang yang telah dicadangkan untuk dinaikkan ataupun dibesarkan kepada enam lorong, seperti yang telah diberi jawapan di Dewan yang mulai ini, satu kertas Kabinet untuk dijadikan projek ini sebagai projek keutamaan sedang pun disediakan oleh pihak kementerian. Jadi, adalah diharapkan pihak Yang Berhormat dapat bersabar untuk menantikan kedudukan mengenai projek ini.

Yang Berhormat bagi Penampang telah membangkitkan mengenai beberapa jalan, antaranya Jalan Kota Kinabalu–Penampang–Kinabatangan dan juga Jalan Kota Kinabalu–Penampang dan juga Tambunan. Saya suka maklumkan iaitu Jalan Kota Kinabalu–Sandakan sememangnya Kota Kinabalu–Sandakan–Tawau. Jalan Kota Kinabalu–Sandakan sememangnya merupakan jalan utama dalam rangkaian jalan raya di negeri Sabah. Kerajaan telah membelanjakan peruntukan yang banyak dalam Rancangan Malaysia yang Keenam dan juga Rancangan Malaysia Ketujuh. Namun kerajaan sedar bahawa jalan ini masih ada lagi bahagian-bahagian yang kurang selamat khususnya dari sudut keselamatan cerun-cerun. Jadi di bawah Rancangan Malaysia Kelapan kerajaan telah meluluskan pembaikan lebih daripada 50 cerun-cerun yang akan dilaksanakan oleh empat kontraktor sepanjang jalan ini dengan syiling Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak RM160 juta.

Mengenai Jalan Kota Kinabalu–Penampang–Tambunan–Tenom, untuk makluman jalan ini baru diwartakan hanya pada tahun ini sebagai Jalan Persekutuan dan kerajaan telah meluluskan pembaikan 15 cerun-cerun sepanjang jalan ini dengan syiling di bawah Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak RM60 juta. Jadi, walaupun diwartakan hanya tahun ini sebagai jalan Persekutuan, pihak kerajaan telah pun meluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan pembaikan cerun syilingnya sebanyak RM60 juta.

Mengenai Lebuh Raya Pan-Borneo yang mana telah pun diberikan jawapan oleh Yang Berhormat Menteri dalam sesi soal jawab beberapa minggu yang lepas

dalam Dewan yang mulia ini, saya percaya seperti yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri, buat ketika ini kerana peruntukan bagi negeri Sabah dan peruntukan bagi negeri Sarawak, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kedua-dua negeri tersebut mendapat RM2 billion, merupakan satu peruntukan yang besar, kemungkinannya tidak mencukupi kalau hendak dijalankan ataupun dimulakan projek bagi menyambung Sabah dan Sarawak tanpa melalui negara Brunei. Walaupun Yang Berhormat Menteri dalam jawapannya tempoh hari mengatakan tidak ada rancangan, tetapi kemungkinannya yang diberi jawapan pada ketika ini. Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa kemungkinannya di masa-masa akan datang apa yang dihasratkan oleh Yang Berhormat itu akan dilaksanakan.

**Tuan Pengerusi:** Batang Lupar

**Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih. Saya sebenarnya tadi berbincang dengan semua Ahli Parlimen Sarawak yang saya bercakap tetapi malangnya saya tak dapat bercakap. Jadi, saya tanya soalan Sarawak juga ini. Pertama, saya nak bertanya apa berlaku dengan jalan sebahagian daripada Pan-Borneo juga iaitu dari Sri Aman hingga ke Seratok belum siap lagi.

Pada tahun 2000 saya pernah katakan, yang empat pakej yang diberi iaitu pakej yang pertama dengan satu syarikat dan tiga pakej diberi kepada tiga syarikat. Dibangkitkan jangan diulangkan sejarah tahun 1998, yang mana jalan ini terbengkalai oleh kerana nilai kontrak, yang *negotiated* itu dua kali ganda tinggi daripada yang diberi secara tender, ini soalan pertama. Yang diminta oleh kawan-kawan bertanya, ia dalam kawasan saya ni.

Soalan kedua, soal ular puteh,. Soalan jalan pembangunan di Sarawak. Biasanya konsep jalan pembangunan, RM15 juta yang dibagi untuk Sarawak. Apa sebenarnya konsep jalan pembangunan. Ini untuk buat baja supaya pokok kayu tumbuh dengan besar-besar atau macam mana, kerana kalau dibuat dengan tanah lembah ataupun dibuat dari *swampy area*, tanah *pit soil* kerana bila ditembokkan tanah itu, ia *over turn* macam flour sahaja. Kayu boleh tumbuh dengan cepat, kita boleh balak selepas itu. Macam tanah di kawasan saya di kawasan Batang Lupar 19 kilometer daripada Sembangan ke Sebuyau dibina tahun 1988 baru diturap tahun 2000, ini telah boleh dibalak.

Jadi, lain kali tidaklah payah buat jalan pembangunan ini lagi. Minta tolong, kalau jalan pembangunan dibuat, buatlah atas bukit, boleh. Ia boleh tahan lama, tetapi kalau tanah *pit soil* jangan buat kerana ia tidak mendatangkan hasil dan membuang duit

kerajaan. Jadi, saya minta jawab dua perkara itu, kalau tak dapat sekarang, mungkin kalau disambung esok minta pegawai jawab untuk besok. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat, kalau saya tak sempat jawab hari ini saya akan beri secara bertulis kemudian. Saya balik kepada Yang Berhormat bagi Jeli, Yang Berhormat bagi Jeli telah mengucapkan takziah kepada pihak kementerian kerana beberapa projek telah diambil alih oleh pihak Kementerian Pendidikan. Sebenarnya mungkin isu ini timbul kerana projek itu bermasalah. Projek yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan itu bermasalah, kalau projek itu tidak bermasalah kemungkinannya perkara itu tidak ditimbulkan. Sebenarnya tidak ada masalah bagi pihak kementerian atau JKR jika ada mana-mana kementerian lain yang melaksana dan mengelolakan projek mereka masing-masing, kerana itu merupakan satu perkara biasa.

Bagi Kementerian Kerja Raya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya, bagi Kementerian Kerja Raya pada tahun 1999 kita mengendalikan 643 projek dan Jabatan Kerja Raya 4,816 projek dan dalam tahun 2000 – 6,669 projek bagi Kementerian Kerja Raya, bagi Jabatan Kerja Raya 5,644 projek dengan jumlah kakitangan yang ada, itu jumlah projek yang dikendalikan oleh pihak kementerian dan pihak Jabatan Kerja Raya. Bagi tahun ini sebanyak 627 projek dikendalikan oleh Kementerian Kerja Raya dan bagi Jabatan Kerja Raya 4,536 banyak projek. Sememangnya amalan kerajaan juga projek-projek yang lain yang dikendalikan oleh kementerian-kementerian yang lain. Hanya masalah di sini ialah projek ini bermasalah. Jadi, bukan soal kerana dirampas dari JKR atau Kementerian Kerja Raya. Jadi, jangan kita pusingkan isu ini dalam Parlimen yang mulia ini, lebih-lebih lagi dalam bulan Ramadan pada kali ini [*Tepuk*]

**Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin:** Yang keduanya, mengenai jambatan Pasir Mas, sememangnya kos projek ini.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, kita tidak ada masa ya, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin:** Masa cukup? Baik, saya habiskan semua.

Kos mengenai jambatan Pasir Mas, saya setuju bahawa kos projek keseluruhan adalah sebanyak RM166 juta tetapi yang dibentangkan adalah kemungkinannya menunjukkan kos untuk kerja-kerja struktur dan sebagainya. Hanya menunjukkan kos itu tidak dimasukkan kos tanah dan sebagainya yang dimasukkan di bawah Butiran-butiran yang lain.

Yang Berhormat dari Hulu Langat telah membangkitkan mengenai soal *smart tag* dan juga soal *touch-and-go*. Saya suka memberi jaminan bahawa pihak kementerian melalui LLN akan mengkaji aduan tersebut. Hanya cadangan Yang Berhormat supaya sama ada dipecahkan monopoli ataupun ditamatkan kontrak kepada syarikat yang mengendalikan *smart tag* ataupun *touch-and-go* ini, ia memerlukan satu penelitian. Kerana yang pertamanya, soal penggunaan dan pengenalan kepada khidmat *smart tag* dan *touch-and-go* ini merupakan soal pembinaan sistem kepada laluan kereta supaya tidak perlu berhenti untuk membeli kupon dan sebagainya dan juga ianya merupakan soal penyeragaman dan keberkesanan sesuatu sistem.

Kalau di dalam satu kawasan syarikat konsesi ada terlalu banyak syarikat yang mengendalikan sistem tol, maka kemungkinannya ia akan membawa kepada keadaan yang huru hara. Itu kalau banyak sistem dalam satu kawasan *booth* tol. Tadi saya dengar Yang Berhormat bangkitkan dia ada tiga kad. Mungkin dia yang terkeliru agaknya. Jadi atas sebab itulah dia menghadapi masalah yang sedemikian. Walau bagaimanapun, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat itu akan kita kaji dan akan kita ambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat dari Pokok Sena telah membangkitkan mengenai soal jalan dan jambatan yang berkualiti yang mana telah kerana hendak akhir tahun mungkin tidak dibina dengan baik kerana tergesa-gesa. Sukalah saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa apa yang dibangkitkan itu tidak ada kaitan dengan Kementerian Kerja Raya kerana jalan dan projek di bawah Kementerian Kerja Raya melibatkan kos yang tinggi. Yang dimaksudkan dengan kerja jalan yang perlu dibina dengan segera itu adalah projek-projek kecil yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah kemelesetan yang ada dalam negara kita pada hari ini. Jadi, dari segi Kementerian Kerja Raya, kos jalan dan jambatan adalah merupakan satu kos yang tinggi dan perkara-perkara yang dibangkitkan itu tidak ada kaitan dengan .....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Sri Gading, masa sudah tidak ada, Yang Berhormat, ya.

**Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin:** Mengenai masalah penyelenggaraan jalan, Yang Berhormat kkuatir jika bertindih dengan apa yang dilakukan oleh pemborong ianya juga melibatkan jalan, kerja-kerja Majlis Perbandaran dan kerana itu mungkin kontraktor akan dibayar dua kali. Saya suka memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa di negara kita terdapat 14,891 jalan Persekutuan – 14,891 kilometer Jalan

Persekutuan - dan ada 50,109 kilometer jalan Negeri. Dia tidak ada bertindih, tidak ada bertindih. Kalau sesuatu projek itu di jalankan di Jalan Persekutuan, pihak JKR akan memantau. Dan jika JKR tidak - seperti kata Yang Berhormat - JKR mungkin tidak puas hati, memang benar kerana kerja dia adalah untuk memantau dan mengesahkan sebelum sesuatu bayaran boleh dibayar kepada pihak kontraktor. Jadi, tidak akan berlaku soal pertindihan.

Dan akhirnya, Yang Berhormat telah menyebut mengenai papan tanda yang telah memaparkan mengenai projek-projek daripada kerajaan .....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, nanti sekejap, ya. Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(3) saya memanjangkan masa mesyuarat selama 15 minit lagi. Sila teruskan.

**Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin:** Papan-papan tanda yang menunjukkan bahawa sesuatu projek itu merupakan projek Kerajaan Barisan Nasional. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sebenarnya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Pokok Sena .....

**Tuan Pengerusi:** Sri Gading bangun..

**Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin:** Belum jawab lagi sudah soal?

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya tetapi sebelum bertanya, saya hendak menyarankan supaya pihak kementerian meneruskan meletak tanda-tanda Barisan Nasional punya projek itu. Teruskan, kerana kita hendak beritahu rakyat bahawa seluruh pembangunan yang berlaku dalam negara ini dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional dan kita hendak mendidik rakyat supaya berterima kasih [*Tepuk*]. PAS, dia rasa memang gusar dan rasa ragu, rasa bimbang kerana takut rakyat berterima kasih. Itu sebabnya dia membantah. Kalau pihak dia di Terengganu dan di Kelantan naikkan bendera, bulan kah, bendera kah, tidak ada masalah pula.

Jadi, saya harap kementerian jangan kita dengarlah soal pembangkang. Memang apa yang kita buat, semua tidak betul. Jadi, saya harap kita teruskan dan rakyat memang menyokong sangat kerana lambang dacing itu memang cantiklah kalau dibandingkan dengan lambang bulan. Memang cantik. Dan soal yang kata Pokok Sena ini, dia salah faham. Yang rimau ini,...

**Tuan Pengerusi:** Dia kata "singa", Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** .....Itu ialah jata kerajaan, nama dia lain. Tetapi kerajaan yang memerintah ini ialah Kerajaan Barisan Nasional yang berlambang dacing dan tidak ada masalah kalau kerajaan meneruskan untuk meletakkan lambang dacing itu. Jadi saya berharap kementerian teruskan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sememangnya saya bersetuju dengan saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu kerana perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena yang pertamanya dulu dia kata, tidak pernah buat tetapi sekarang ini dibuat. Sememangnya kerajaan yang ada merupakan satu kerajaan yang bukan dogmatik. Kerajaan kita kerajaan yang pragmatik dan realistik dan kerana itulah kita dapat menyelesaikan banyak masalah. Jadi, tidak semestinya kalau dulu tidak buat, sekarang tidak boleh buat. Apa salahnya? Hanya mungkin apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini mencerminkan, memanifestasikan sentimen benci yang dulu yang dibuat di luar yang sambung dalam Dewan, benci kepada Barisan Nasional dan apa sahaja yang ada, sama ada lambangnya, sama ada pemimpinnya dan apa sahaja.

Jadi itu sahaja jawapan yang hendak saya berikan dalam Dewan yang mulia ini dan kita .....

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin:** Sudah habis sudah.

**Tuan Pengerusi:** Sudah habis sudah?

**Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin:** Tadi sudah bagi! Tadi tiada siapa kacau, sudah habis. Jadi Tuan Pengerusi, saya rasa setakat itulah kerana tidak perlu kita hendak bergaduh mengenai lambang. Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa wang sejumlah RM1,193,330,700 untuk Maksud B.33 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,193,332,700 untuk Maksud B.33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalah ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,377,813,220 untuk Maksud P.33 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2002 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,377,813,220 untuk Maksud P.33 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2002.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula***

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan sehingga pagi esok, pukul 10.00 pagi.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang.***

